

Pengenalan



Apa maksud pengertian 'keabadian' bagi diri anda?

Seseorang biasanya mengaitkan keabadian kepada suatu bentuk seperti beribu, berjuta atau beribu juta tahun. Konsep masa seperti ini menganggap jangka waktu yang abadi. Hal yang sama, konsep 'jarak yang tidak terbatas' merangsang minda dengan pengertian suatu jarak yang amat jauh, seperti beratus atau beribu juta tahun cahaya.

Akan tetapi, sekiranya kamu berusaha menggambarkan angka-angka besar yang mungkin sekalipun, kamu akan tetap terbatas oleh kapasiti intelek akal

kamu. Satu contoh yang boleh memberikan gambaran yang baik mengenai keluarbiasaan batas keabadian. Sekiranya berjuta-juta manusia menghabiskan masa kehidupan mereka selama berjuta-juta tahun, hanya mengira siang dan malam tanpa henti, mereka akan tetap gagal untuk sampai kepada keabadian kerana keabadian adalah satu konsep yang tiada permulaan dan tiada berakhir.

Bagaimanapun, di dalam pandangan Allah, Maha Agung, konsep 'keabadian' ini ataupun kemutlakan yang tidak dapat diperhitungkan, telah pun berakhir. Keabadian, yang jelas kepada kita sebagai satu konsep yang tidak terbayangkan, hanyalah umpama sekilas detik dipandangan Allah.

Buku ini mengemukakan kepada anda penerangan-penerangan yang kukuh mengenai konsep masa-sifar, ruang-sifar dan keabadian, dan menemukan anda dengan satu fakta penting: keabadian baru bermula. Dengan menyedari fakta ini akan membuatkan anda menghargai semula rasa keimanan kepada Allah, Maha Agung dan Maha Besar, dan PenciptaanNya. Sementara itu, kamu akan mendapat jawapan yang komprehensif kepada soalan-soalan yang sering dikemukakan: Di mana Tuhan? Apa itu Kebangkitan? Apa sifat sebenar Kematian? Adakah di sana kehidupan yang kekal? Dan bilakah semua ini akan terjadi?.

Tetapi, sebelum meneruskan perbincangan semua isu-isu ini, konsep-konsep seperti 'realiti kebendaan' dan 'masa-sifar', akan diterangkan secara terperinci untuk pemahaman yang lebih komprehensif mengenai subjek di atas.

Rahsia di Sebalik Materi (1/2)

Peringatan!

Bab yang akan kamu baca ini mendedahkan satu RAHSIA TERBESAR di dalam hidup kamu.

Kamu perlu membacanya dengan baik dan teliti kerana ia berkaitan dengan satu subjek yang

pasti akan mengubah pandangan kamu terhadap dunia luar. Subjek di dalam bab ini, bukan hanya satu pandangan, satu pendekatan yang berbeza, atau satu kepercayaan falsafah kuno; tetapi ia diakui oleh setiap orang, samada mereka mempercayainya atau tidak, dan ia juga telah dibuktikan oleh sains hari ini



Konsep mengenai 'sifat materi' adalah suatu yang pasti mengubah pandangan seseorang mengenai kehidupan, dan sesungguhnya, keseluruhan kehidupan seseorang, apabila rahasianya telah di ketahui. Subjek ini berkaitan secara langsung dengan pengertian hidup kamu, tanggapan mengenai masa hadapan, ideal, keghairahan, keinginan, perancangan, konsep estim diri, dan kebendaan yang kamu miliki.

Subjek asas dalam bab ini, 'sifat material', bukanlah satu subjek yang pertama kali di bangkitkan hari ini. Sepanjang sejarah kemanusiaan, sudah banyak ahli-ahli fikir dan para saintis yang membincangkan konsep ini. Bermula dari awal lagi, orang-orang yang terlibat dalam isu ini dibahagikan kepada dua golongan, pertamanya di kenali sebagai golongan materialis, yang mendasarkan falsafah mereka dan kehidupan di atas argumen kewujudan material dan hidup dengan menipu diri mereka sendiri. Golongan yang kedua yang lebih ikhlas, dan tidak takut untuk memikirkan dengan lebih dalam, berusaha untuk hidup dengan menggarap intipati 'materi' yang terdedah kepada mereka dan pengertian yang mendalam di sebalik kebendaan. Bagaimanapun, kemajuan sains dan teknologi mutakhir ini akhirnya menamatkan kontroversi ini dengan membuktikan secara terang-terangan fakta dengan bukti yang jelas bahawa kebendaan tidak memiliki sebarang kewujudan yang mutlak.

Kepentingan subjek ini bertolak dari impaknya di dalam keseluruhan hidup manusia. Setiap orang mempunyai masa hidup yang terhad, dan semuanya mengalami ujian dari Tuhan sewaktu masa ini. Setiap individu akan dipertanggungjawabkan berdasarkan kepada jalan yang telah dipilihnya, kelakuan dan sifat yang dilakukannya, kehidupan abadinya kelak akan dibentuk kepada apa yang dilakukannya. Ini bererti dalam kehidupan abadi kelak itu, dia akan dibalas untuk kehidupan yang telah dipilihnya ketika di dunia, dan tidak akan berpeluang lagi untuk memohon ampun dari kesilapannya.

Dari sudut pandangan ini, ianya lebih mudah untuk memahami nilai kehidupan manusia di muka bumi ini. Dan inilah merupakan subjek asas dalam buku ini. Ketika mana setiap manusia hanya mempunyai masa yang singkat, dan akan dibalas dengan kebaikan atau keburukan bagi setiap amalannya pada kehidupan abadi di hari kemudian, maka sepatutnya ia mesti meluangkan kehidupannya di waktu ini dengan cara yang paling bijak. Sekiranya dia gagal untuk melakukannya, maka di sana penyesalan yang amat sangat akan tersedia untuknya.

Tujuan buku ini adalah untuk membantu manusia sebelum mereka sampai ke peringkat di mana ketika bertaubat, sekali-kali tidak berpeluang pada 'hari itu' ketika mereka menghadap TuhanNya "semuanya bersendirian seperti mana mereka diciptakan olehNya pertama kali". (surah al-An'aam;

94)

Dan dengan itu, hakikat sebendar kebendaan pertamanya harus difahami melalui perspektif saintifik. Seperti yang telah kami nyatakan lebih awal, subjek yang diterangkan di sini adalah jelas, bukan cebisan dari sekadar pendapat atau idea berbentuk falsafah, tetapi merupakan fakta-fakta yang telah terbukti di dalam pelbagai bidang sains. Bagaimanapun, subjek ini bukanlah suatu yang sukar, yang tidak dapat di fahami atau rumit seperti yang selalu dikatakan. Setiap orang yang tidak cenderung dari sebarang bentuk pemikiran dan yang benar-benar ikhlas memikirkan tentang realiti dengan mudah akan sampai kepada satu kesimpulan yang penting berkaitan hidupnya sendiri, apabila dia mula memahami semua fakta ini. Apa yang kamu baca sekarang ini pasti akan menjadi kunci kepada kebanyakan isu yang mana sebelum ini tidak dapat diselesaikan atau sangat sukar untuk difahami, kamu akan dapat lebih memahamai konsep-konsep seperti syurga, neraka, hari kemudian secara lebih terperinci dan hidup dengan menyedari pengertian kehidupan sebenar.

Perbincangan Yang Sudah Lama: Apa Hakikat Sebenar Materi?

TSeseorang yang secara sedar dan bijak merenung alam semesta yang didiaminya, galaksi-galaksi, planet, keseimbangan di dalamnya, kuasa di dalam struktur atom, ketertiban yang tersergam di setiap sudut dalam alam semesta, jutaan spesies hidupan dikelilinginya, cara hidup dan sifat-sifatnya yang menakjubkan, dan akhirnya tubuh badannya sendiri, pasti dengan segera menyedari bahawa di sana ada sesuatu yang luar biasa mengenai semua kewujudan ini. Ia akan memahami bahawa susunan dengan peraturan yang sempurna dan bijaksana di sekelilingnya pasti tidak terjadi dengan sendirinya, tetapi semestinya mempunyai sang Pencipta.

Soalan yang harus kita jawab ialah; "Siapakah pencipta segala sesuatu ini?"

lanya jelas bahawa "Fakta Penciptaan", yang mana sangat jelas kelihatan di setiap bahagian dalam alam semesta, pasti tidak terhasil melalui alam semesta sendiri. Sebagai contoh, burung merak, dengan warna dan rekaannya menggambarkan keunggulan kesenian, pasti tidak mencipta dirinya sendiri. Begitu juga, tumbuhan, manusia, bakteria, eritrosit (sel darah merah), begitu juga rama-rama pastinya tidak mencipta diri mereka sendiri. Selanjutnya, kebarangkalian semua entiti ini tercipta secara 'kebetulan' juga terlalu jauh untuk dibayangkan.

lanya satu bukti bahawa setiap sesuatu yang kita lihat adalah diciptakan, dan tiada suatu pun dari kewujudan yang kita lihat menjadi 'pencipta' kepada diri mereka sendiri. Maha Pencipta berbeza dan lebih tinggi dari apa yang dilihat dengan mata kamu. Dia tidak dapat di lihat, tetapi semua yang diciptanya menggambarkan kewujudannya dan sifat-sifatnya.

Ini adalah fakta yang menyangkal orang yang menafikan kewujudan Tuhan. Orang-orang ini telah dibiasakan untuk tidak percaya kewujudannya kecuali melihatnya dengan mata kepala mereka sendiri. Bagi mereka, di sana terdapat longgokan materi di segenap sudut alam semesta, wujud berterusan

selama-lamanya dan Tuhan tidak wujud di mana-mana dalam longgokan materi ini. Sekalipun sekiranya mereka mengembara sejauh beibu-ribu juta tahun cahaya, mereka yakin mereka tidak akan menemui Tuhan. Inilah sebab mereka menafikan kewujudan Tuhan. Dengan itu, orang-orang ini yang menolak fakta mengenai "penciptaan", terpaksa menolak hakikat sebenar manifestasi "penciptaan" yang terdapat di ruang alam semesta dan cuba untuk membuktikan bahawa alam semesta dan makhluk hidupan di dalamnya tidak pernah diciptakan. Bagaimanapun, ianya adalah mustahil bagi mereka untuk melakukan hal ini, kerana setiap sudut alam semesta dipenuhi dengan bukti kewujudan Tuhan.

Kesilapan asas orang-orang yang menafikan Tuhan ini dikongsi oleh kebanyakan orang yang sekalipun tidak menolak kewujudanNya tetapi mempunyai persepsi yang salah terhadapNya. Mereka tidak menafikan tanda-tanda "penciptaan" yang terpancar jelas di setiap ruang tetapi mereka mempunyai kepercayaan karut mengenai "di mana" Tuhan berada. Kebanyakan mereka merasakan bahawa Tuhan berada di atas 'langit'. Mereka beranggapan bahawa Allah berada di sebalik sebuah planet yang amat jauh dan sesekali terganggu dengan 'perkara-perkara duniawi', atau mungkin tidak langsung terganggu. Mereka juga menganggap bahawa Dia menjadikan alam semesta dan kemudian meninggalkannya sendiri dan manusia dibiarkan untuk berhadapan dengan takdir mereka sendiri.


Walaupun sesetengah mereka pernah mendengar bahawa di dalam Al-Qur'an telah tertulis Allah berada 'di mana-mana', tetapi mereka tidak dapat memahami maksud sebenarnya. Disebabkan pemikiran yang silap di dalam pemahaman mereka, mereka menganggap bahawa Tuhan berada di sekeliling- seperti gelombang radio atau seperti gas yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Bagaimanapun, fahaman dan kepercayaan yang tidak dapat menjelaskan di mana Allah berada (dan mungkin kerana itu mereka menafikannya),

semuanya berasaskan kepada satu kesilapan yang sama. Mereka berpegang kepada satu perasaan prejudis tanpa sebarang asas dan kemudian menghasilkan pandangan yang menyeleweng terhadap Allah. Apakah prejudis ini?

Prejudis ini adalah berkaitan dengan kesemulajadian dan ciri-ciri kebendaan. Kita terlalu dibiasakan dengan andaian terhadap kewujudan benda sehinggakan kita tidak pernah terfikir samada ia benar-benar wujud atau hanya sekadar bayangan. Sains moden kini telah memusnahkan prejudis ini dan telah mendedahkan satu hakikat yang sangat penting dan amat diperlukan. Di dalam helaian berikutnya, kami akan cuba menjelaskan hakikat hebat ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Al-Qur'an.

Kita Hidup Dalam Dunia Yang Dipersembahkan Oleh Persepsi-Persepsi Kita



Stimulations coming from an object are converted into electrical signals and cause effects in the brain. When we "see", we in fact view the effects of these electrical signals on the mind.

Menurut Albert Camus, kamu boleh memahami dan mentaksir setiap yang berlaku melalui sains, tetapi kamu tidak dapat memahami alam dunia. Bagi

sebatang pokok, kamu dapat menyentuh kekerasannya: bagi seberkas air, kamu dapat merasanya, bagi tiupan angin, kamu merasakan kesejukannya. Kamu dipenuhi dengan semua ini. ¹ Semua maklumat mengenai hakikat dunia yang kita duduki adalah disampaikan kepada kita melalui lima pancaindera. Dunia yang kita kenali adalah bergantung kepada apa yang mata kita lihat, tangan kita yang menyentuh, hidung kita yang menghidu, lidah kita yang merasa, dan telinga kita yang mendengar. Kita tidak pernah memikirkan bahawa dunia "luar" adalah berbeza daripada apa yang pancaindera kita sampaikan kepada kita memandangkan pancaindera inilah satu-satunya pergantungan kita sejak kita dilahirkan.

Penyelidikan terkini di dalam bidang-bidang sains yang berbeza, bagaimanapun telah menemui satu pemahaman yang sangat berbeza dan menyebabkan keraguan yang serius terhadap pancaindera kita dan dunia yang kita lalui kini.

Berdasarkan kepada penemuan-penemuan saintifik, apa yang kita lihat sebagai "dunia luar" hanyalah hasil dari rangsangan isyarat elektrik yang terbentuk di otak yang dihantar melalui lima organ pancaindera kita. Kepelbagaian warna yang dilihat melalui pancaindera pandangan, perasaan keras atau lembut yang disampaikan oleh pancaindera sentuhan, rasa yang kamu rasai melalui lidah, perbezaan not dan bunyi yang kamu dengar melalui telinga, berbagai macam aroma bau, pekerjaan, rumah, harta benda, baris buku ini, dan selebihnya lagi, ibu dan ayah serta keluarga kamu, ruang dunia yang sentiasa kamu perhatikan, yang kamu kenali, dan semuanya sepanjang kehidupan kamu, hanyalah semata-mata kandungan isyarat-isyarat elektrik yang dikirim melalui organ pancaindera kamu ke dalam otak. Sekalipun ini kelihatan amat sukar pada analisis pertama, tetapi ini adalah merupakan fakta saintifik. Pandangan ahli falsafah terkemuka seperti Bertrand Russell dan L. Wittgenstein berkenaan subjek ini adalah seperti berikut:

Sebagai contoh, sama ada sebiji lemon benar-benar wujud atau tidak dan bagaimana ia dapat di persoalkan dan dikaji. Sebiji lemon biasanya mengandungi satu rasa yang dirasakan dengan lidah, satu bau yang dikesan dengan hidung, satu warna dan bentuk yang dikesan dengan mata: dan hanya sifat-sifat ini sahajalah yang dijadikan subjek pengkajian dan pentafsiran. Kita tidak akan dapat mengetahui dunia fizik. 2

Frederick Vester menjelaskan peringkat yang telah dicapai oleh sains di dalam subjek ini:

Kenyataan yang dikeluarkan oleh sebahagian saintis yang menyatakan bahawa "manusia adalah seperti sebuah imej, segala yang telah dilalui adalah sementara dan menipu, dan alam semesta kita hanyalah satu bayangan", nampaknya telah dibuktikan oleh sains hari ini.3

Seseorang ahli falsafah terkenal George Berkeley memberikan komentar terhadap subjek ini seperti berikut:

Kita mempercayai kewujudan objek hanya kerana kita melihat dan menyentuhnya, dan ia balas kepada kita dengan persepsi kita. Bagaimanapun, persepsi kita hanyalah suatu idea di dalam minda. Oleh itu, objek yang kita lihat dengan penglihatan kita tidak lebih daripada idea-idea yang berada di dalam minda, bermakna kita telah tertipu apabila kita membayangkan alam semesta dan benda-benda ini wujud di luar minda kita. Oleh itu, (kita menganggap) tidak satu pun yang berada disekeliling, wujud di minda kita. 4

Untuk menjelaskan lagi subjek ini, mari kita kaji pancaindera penglihatan kita yang memberikan kita maklumat-maklumat yang paling ekstensif tentang dunia luar.

Bagaimana Organ Pancaindera Kita Berfungsi?



All we see in our lives is formed in a part of our brain called the "center of vision" which occupies only a few cubic centimeters. The brain is insulated from light. Inside the skull is absolutely dark; and the brain itself has no contact with light that exists outside.

Segelintir orang memikirkan sedalamnya tentang bagaimana perbuatan melihat terjadi. Setiap orang menjawab persoalan "bagaimana kita melihat?" dengan berkata "sudah pasti kita melihat dengan mata". Bagaimanapun, apabila kita melihat kepada penjelasan proses teknikal perbuatan melihat, ianya seperti suatu yang biasa. Perbuatan melihat direalisasikan secara progresif. Sekelompok cahaya (foton) yang bergerak daripada objek ke mata menembusi kanta di bahagian depan mata di mana ia dipecahkan dan jatuh dalam keadaan songsang di atas retina yang terletak di bahagian belakang mata. Di sini, cahaya yang sampai telah diubah menjadi isyarat elektrik yang di pancarkan oleh neuron ke satu titik kecil yang digelar pusat penglihatan yang berada di bahagian belakang otak. Isyarat elektrik ini diterima sebagai sebuah imej di pusat ini yang berada di dalam otak (serebrum) selepas melalui beberapa proses. Perbuatan melihat sebenarnya berlaku di titik kecil ini iaitu di bahagian belakang otak yang gelap gelita dan sama sekali terasing daripada cahaya.

Sekarang, mari kita kaji semula proses ini. Apabila kita menyatakan "saya melihat", sebenarnya ia adalah kesan utusan yang sampai ke mata dan merangsang otak kita setelah ia ditukarkan kepada isyarat elektrik, oleh itu, apabila kita menyatakan "saya melihat", kita sebenarnya 'memandang' kepada isyarat elektrik di dalam minda (serebrum) kita.

Semua imej yang kita lihat di dalam hidup kita terbentuk di dalam pusat penglihatan kita, yang terbentuk daripada beberapa sentimeter kubik daripada keluasan otak. Buku yang kamu sedang baca dalam landskap yang kamu lihat apabila kamu merenung ke arah ufuk, lautan yang luas, dan kesesakan manusia yang menyertai marathon, termuat di dalam tempat kecil ini. Satu fakta yang perlu di letakkan di minda seperti yang di sebut sebelum ini, iaitu otak terhindar daripada cahaya: di dalamnya sama sekali gelap. Otak tidak mempunyai sebarang hubungan secara langsung dengan cahaya. Kawasan yang dipanggil pusat penglihatan adalah satu kawasan yang amat gelap, yang kedap dari cahaya, yang kamu sendiri tidak pernah mengalaminya di mana-mana sebelum ini. Bagaimanapun, kamu melihat cahaya terang, dunia berwarna-warni dalam tempat yang gelap gelita ini. Alam berwarna-warni, landskap yang bersinar, kehijauan, warna buah-buahan, berjenis-jenis bunga, cahaya matahari yang terang benderang, kesesakan manusia di tepi jalan yang sesak, kenderaan yang bergerak pantas di jalanraya, beratus-ratus pakaian di pusat membeli-belah, dan segalanya adalah imej-imej yang terbentuk di kawasan gelap gelita ini. Bahkan formasi warna-warna dalam kegelapan ini masih belum ditemui. Klaus Budzinski menjelaskan:



The scent of a perfume, a flower, any delicious food, the sea, or other odors we like or dislike, we perceive entirely in our brain.


.....Kromatis tidak dapat menjawab persoalan tentang bagaimana jaringan di dalam mata ya mengesan cahaya seperti warna memindahkan maklumat ini ke dalam otak melalui saraf p dan apa jenis rangsangan berbentuk fisiologi-fizikal lakukan di dalam otak.5

Kita dapat menerangkan situasi hubungan ini dengan satu contoh. Kita andaikan terdapat sebatang lilin bernyala di hadapan kita. Kita boleh duduk berhadapan dengan lilin ini dan melihatnya. Bagaimanapun, sepanjang waktu ini, otak kita tidak pernah mempunyai sebarang hubungan terus dengan cahaya lilin tersebut. Walaupun kita melihat cahaya lilin, bahagian dalaman otak kita adalah gelap. Kita melihat imej berwarna-warni dan terang di dalam otak yang gelap.

Begitu juga halnya kepada cahaya matahari. pandangan kamu silau dalam cahaya matahari atau perasaan kehangatan haba di kulit kamu tidak merubah

kenyataan bahawa semua ini hanyalah sekadar persepsi dan pusat penglihatan di dalam otak kamu adalah tetap gelap gelita.

R.L. Gregory memberikan penjelasan seperti berikut tentang aspek penglihatan yang menakjubkan-yang kita anggap seolah-olah benar:



Rays of light coming from an object fall upside-down on the retina as seen in the above picture. Here, the image is converted into electrical signals and transmitted to the center of vision at the back of the brain. The center of vision is a very tiny place. Since the brain is insulated from light, it is impossible for light to reach the center of vision. This means that we view a vast world of light and depth in a tiny spot that is insulated from light. Even at the moment when we feel the light and heat of a fire, the inside of our brain is pitch dark and its temperature never changes.

Kita amat biasa dengan perbuatan melihat, sehinggakan ia memerlukan imaginasi yang tinggi untuk menyadari bahawa terdapat masalah yang perlu diselesaikan. Tetapi dengan menimbangkannya, kita diberikan imej- imej kecil yang terbalik di dalam mata kita, dan kita melihat objek-objek yang terpisah di kawasan sekeliling. Daripada corak-corak simulasi pada retina, kita menerima objek-objek, dan ini merupakan keajaiban. 6

Situasi yang sama berlaku kepada semua pancaindera kita yang lain. Bunyi, sentuhan, rasa dan bau, semuanya telah ditukarkan ke otak sebagai isyarat elektrik dan di terima di pusat otak.

Deria pendengaran juga berlaku dengan cara yang sama. Telinga luar menangkap bunyi-bunyi dengan cuping telinga dan menghantarnya ke bahagian telinga tengah: telinga tengah memancarkan getaran bunyi ke bahagian telinga dalam dengan menguatkannya: telinga dalam menghantar getaran ini ke otak dengan menukarnya ke isyarat elektrik. Seperti mata juga, perbuatan mendengar berakhir di pusat pendengaran dalam otak (serebrum). Otak tidak menerima bunyi sepertimana ia tidak menerima cahaya. Oleh itu, walau sebising mana pun di luar, di dalam otak adalah amat sunyi sepi.

Oleh itu, walau bunyi yang sangat halus sekali pun dapat diterima di dalam otak. Dengan ketepatan seperti ini seorang yang sihat dapat mendengar segala-galanya tanpa sebarang bunyi gemersik atau gangguan. Di dalam otak kamu yang terpisah daripada bunyi, kamu mendengar simfoni sebuah orkestra, mendengar semua bunyi di dalam satu tempat yang sesak, dan menerima semua bunyi-bunyian di dalam batas frekuensi yang luas, daripada bunyi gerisik sehelai daun sehingga desingan sebuah jet. Tetapi, sekiranya kadar bunyi di dalam otak kamu diukur dengan alat yang sensitif pada waktu tersebut, kamu akan mendapati bahawa ia berada di dalam keadaan yang paling senyap.

Persepi bau kita juga terbentuk dengan cara yang sama. Molekul-molekul yang mudah meruap terpancar oleh benda-benda seperti vanilla atau

sekuntum bunga mawar yang mencecah reseptor di rerambut halus di kawasan tisu epitelium dalam hidung dan terlibat di dalam satu tindak balas. Tindak balas ini di hantar ke otak sebagai isyarat elektrik dan diterima sebagai suatu bau. Semua yang kita hidu, wangi atau yang busuk, tidak lebih daripada penerimaan otak terhadap tindak balas molekul-molekul yang mudah meruap setelah ia ditukarkan menjadi isyarat elektrik. Kamu menerima haruman minyak wangi, sekuntum bunga mawar, makanan yang kamu minati, laut, atau bau-bauan lain yang kamu gemari atau tidak di dalam otak kamu. Molekul-molekul mereka sebenarnya tidak mencecah otak. Seperti juga dengan cahaya dan bunyi, apa yang sampai ke otak kamu ialah isyarat-isyarat elektrik. Dengan kata lain, semua bau-bauan yang kamu sangkakan kepunyaan objek-objek luar sejak kamu di lahirkan sebenarnya hanyalah isyarat-isyarat elektrik yang kamu rasai melalui organ-organ deria kamu. Berkeley juga berkata:

Pada permulaannya, ianya dipercayai bahawa warna-warni, bau-bauan, dan lain-lain, 'benar wujud' tetapi kemudiannya pandangan seperti ini dijelaskan semula, dan ianya diperhatikan ianya hanya wujud dalam keadaan bergantung kepada pancaindera kita.⁷

Umumnya, terdapat empat jenis reseptor yang berbeza di bahagian depan lidah manusia. Ia mewakili rasa masin, manis, masam, dan pahit. Reseptor rasa kita menukarkan persepsi-persepsi ini kepada isyarat elektrik selepas melalui beberapa proses kimia dan menghantarnya ke otak. Isyarat-isyarat diterima sebagai 'rasa' oleh otak. Rasa yang kamu dapati ketika memakan sebiji coklat atau buah-buahan yang kamu gemari adalah tafsiran isyarat-isyarat elektrik oleh otak. Kamu tidak akan dapat mencapai objek di luar, kamu tidak akan dapat melihat, menghidu atau merasa coklat itu sendiri. Sebagai contoh, sekiranya saraf rasa yang bersambung dengan otak kamu terputus, maka tidak satu pun yang kamu makan pada waktu itu akan sampai kepada otak kamu; kamu telah kehilangan deria rasa kamu.

Pada peringkat ini, kita berhadapan dengan satu lagi fakta:

Kita tidak dapat memastikan apakah yang kita rasai ketika mencuba sejenis makan dan apa yang orang lain rasa apabila mencuba makanan yang sama, atau apa yang kita terima apabila kita mendengar satu bunyi yang sama. Lincoln Barnett menyatakan bahawa tidak seorang pun dapat mengetahui bagaimana orang lain menerima warna merah atau not c (muzik), seperti yang diterimanya.

Kita hanya akan mampu selagi mana organ pancaindera kita bersama kita. Adalah amat mustahil bagi kita untuk menjangkau realiti fizikal di luar dari diri kita secara langsung. Ianya sekali lagi adalah tafsiran otak. Kita tidak akan selamanya menerima yang asli. Hal ini, sekalipun kita bercakap tentang benda yang sama, otak orang lain boleh jadi merasakan sesuatu yang berbeza. Sebab hal ini ialah bahawa apa yang dirasakan adalah bergantung kepada orang yang merasa.

Deria sentuhan kita juga tidak berbeza dengan deria-deria yang lain. Apabila kita menyentuh satu objek, semua maklumat-maklumat yang akan membantu kita untuk mengenal pasti dunia luar dan objek-objek telah dihantar ke otak oleh saraf deria yang terletak di permukaan kulit. Rasa sentuhan terbentuk di otak kita. Bertentangan dengan kepercayaan ramai, tempat di mana kita menerima kesan sentuhan bukannya di hujung jari atau kulit kita, tetapi kita menerimanya di pusat sentuhan di dalam otak kita. Hasil daripada tafsiran otak terhadap simulasi elektrik yang berbeza mewakili objek-objek ini seperti kekerasan atau kelembutan, kepanasan atau kesejukan. Kita memperoleh semua maklumat yang membantu kita untuk mengenal pasti sesuatu objek daripada simulasi-simulasi ini. Seorang ahli falsafah terkemuka Bertrand Russell memberikan komen berkaitan:

Sentuhan yang kita rasa apabila menyentuh meja dengan jari-jemari adalah sebuah gangguan elektrik ke atas elektron dan proton di hujung jari kita, yang terhasil, menurut ilmu fizik moden, oleh keterhampiran elektron dan proton di dalam meja. Sekiranya gangguan yang sama muncul di hujung jari kita dengan cara lain kita akan mengalami rasa yang sama, walaupun sebenarnya tidak ada meja. 9

Kenyataan bahawa dunia luaran dapat diidentifikasi secara lengkap menerusi pancaindera adalah sebuah fakta saintifik, dalam bukunya, *A Treatise Concerning the Principles of Human Knowledge*, George Berkeley mengulas hal berikut:

Melalui penglihatan, saya mempunyai idea mengenai cahaya dan warna, dengan beberapa gradasi dan kepelbagaian. Melalui sentuhan saya merasakan keras dan lembut, panas dan sejuk, getas dan halangan...menghidu hiasan saya dengan bau; langit-langit dengan rasa: dan pendengaran menyampaikan bunyi-bunyian....dan selebihnya dilihat bergabung antara satu sama lain, masing-masing hadir dikenali melalui satu nama, dan dinamakan sebagai satu benda. Dengan ini, sebagai contoh, saya melihat satu warna tertentu, rasa, bau, bentuk dan konsisten yang diperhatikan wujud bersama-sama dan dianggap satu benda yang jelas, dikenali dengan nama epal; antara lain himpunan-himpunan yang mengandungi sebuah batu, sebatang pokok, dan barang yang boleh difahami...10

Dengan itu, melalui pemprosesan data di pusat penglihatan, otak kita tidak berhadapan dengan sebarang bunyi, bau, rasa dan sentuhan sepanjang kehidupan kita dalam bentuk 'asas' material mereka di luar sana, tetapi hanyalah salinan yang terbentuk di dalam otak kita. Pada titik inilah kita dikelirukan dengan menganggap semua salinan-salinan adalah contoh keadaan sebenar materi di lingkungan luar kita. Bagaimanapun, seperti yang kita lihat di dalam buku ini, di sana masih terdapat para ahli fikir dan saintis yang tidak di tipu oleh kekeliruan anggapan seperti ini, dan yang telah menyedari fakta ini.

Bahkan Ali Demisroy, seorang daripada golongan materialis terkemuka berbangsa Turki, juga turut mengakui kebenaran ini:

Sebenarnya, di sana tidak terdapat cahaya seperti yang kita lihat juga tidak ada suara seperti yang kita dengar juga tiada kepanasan yang kita rasakan di dalam alam semesta. Pancaindera kita mengelirukan kita di antara dunia luaran dan otak dan memberikan tafsiran yang mana tidak terhadap realiti di dalam otak. ¹¹

Adakah Seluruh Kehidupan Kita Berlangsung Di Dalam Otak?



All we see in our lives is formed in a part of our brain called the "center of vision" which lies at the back of our brain, and occupies only a few cubic centimeters. Both the image of a small room and the boundless landscape you see when you gaze at the horizon fit into this tiny space. Therefore, we see objects not in their actual sizes existing outside, but in the sizes perceived by our brain.

Melalui fakta fizikal yang diterangkan sejauh ini, kita dapat menyimpulkan hal yang berikut: Setiap benda yang kita lihat, sentuh, dengar, dan rasakan seperti 'materi', 'dunia' atau 'alam semesta' hanyalah isyarat elektrik yang terhasil di dalam otak kita. Oleh itu, seorang yang meminum jus oren tidak berhadapan dengan perbuatan meminum tetapi hanyalah persepsinya di dalam otak. Objek yang dianggap oleh orang yang melihat sebagai 'minuman'

sebenarnya mengandung tarikan elektrik mengenai warna, rasa manis dan rasa cecair oren jus itu hanya di dalam otak. Keadaan ini juga tidak berbeza ketika memakan coklat: data berbentuk elektrik berkenaan bentuk, rasa, bau dan kekerasan coklat adalah di rasakan di otak. Sekiranya saraf penglihatan yang berhubung dengan otak di putus secara tiba-tiba, imej mengenai coklat juga akan lenyap mendadak. Pemutusan di dalam saraf yang menghubungkan pengesanan di dalam hidung kepada otak pasti akan merosakkan pancaindera menghidu.

Contoh yang mudah, pokok yang kamu lihat, objek yang kamu hidu, coklat yang kamu rasa, jus oren yang kamu minum, hanyalah sekadar tafsiran otak terhadap isyarat-isyarat elektrik (impuls).

Satu perkara yang harus diperhatikan, yang mungkin juga satu penipuan, ialah perasaan mengenai jarak. Sebagai contoh, jarak di antara kamu dan buku ini hanyalah sebuah perasaan jarak yang terbentuk di otak kamu. Objek-objek yang kelihatan berjarak dari sudut pandangan manusia juga hanya wujud di dalam otak. Contohnya, seseorang yang melihat bintang-bintang di langit menganggap bahawa bintang itu terletak berjuta-juta tahun cahaya jauh daripadanya. Tetapi, apa yang dilihatnya adalah bintang yang terletak di dalam dirinya, di pusat penglihatannya. Sewaktu dalam penerbangan, seorang melihat sebuah kota yang berada di bawah dari atas kapal dan memikirkan bahawa ianya terletak beberapa kilometer darinya. Akan tetapi, keseluruhan keluasan dan kelebaran kota itu adalah terletak di dalam otaknya bersama-sama dengan penduduk kota itu.

Hari ini, semua data saintifik membuktikan bahawa imej yang kita terima adalah terbentuk di dalam otak kita.

Di sana masih terdapat beberapa kekeliruan, tetapi faktor yang paling penting: ketika kamu membca garis ini, kamu sebenarnya, tidaklah berada di dalam bilik yang kamu anggap kamu berada di dalamnya, sebaliknya bilik itulah yang berada di dalam diri kamu, penglihatan kamu kepada tubuh badan kamu

membuatkan kamu merasakan bahawa kamu berada di dalamnya, tetapi, suatu yang harus diingat ialah tubuh badan kamu juga adalah sebuah imej yang terbentuk di dalam otak kamu. Bertrand Russell menyatakan kenyataan berikut berkenaan subjek ini;

Apa yang dapat kita katakan, berasaskan fizik itu sendiri ialah bahawa apa yang sehingga kita panggil jasad kita adalah sebenarnya satu pembinaan saintifik yang teliti yang tidak berkaitan sebarang realiti fizikal. 12

Kebenarannya adalah sangat jelas. Sekiranya kita dapat merasa dunia luar melalui organ pancaindera, maka di sana tidak akan terdapat alasan yang konsisten untuk kita menganggap jasad kita terpisah dari dunia luar, iaitu, untuk menyetujui bahawa jasad kita mempunyai kewujudan terpisah.

Jasad kita juga dipersembahkan kepada kita melalui rangsangan elektrik (impuls) yang sampai ke otak kita. Impuls ini, seperti mana yang lain ditukarkan kepada sensasi atau perasaan tertentu di dalam otak kita. Sebagai contoh, perasaan menyentuh terjadi apabila kita menyentuh jasad kita dengan tangan, perasaan berat adalah disebabkan tarikan graviti, perasaan melihat disebabkan oleh sinar cahaya yang dipancarkan dari badan kita, dan lain-lain... semua ini ditafsirkan sebagai satu "himpunan perasaan" oleh otak, dan kita 'merasa' jasad kita. Sebagaimana yang didedahkan oleh fakta saintifik ini, sepanjang hidup kita, kita tidak didedahkan kepada jasad asal kita, tetapi adalah kepada impuls yang sampai ke otak berkaitan dengan jasad kita. Impuls ini diidentifikasi sebagai 'jasad kita' dalam bentuk persepsi.

Hal yang sama juga berkaitan lain-lain persepsi. Sebagai contoh, apabila kamu memikirkan bahawa kamu mendengar suara televisyen di bilik sebelah, kamu sebenarnya mengalami suara itu di dalam otak. Kamu boleh membuktikan bahawa bilik itu tidak wujud di sebelah kamu dan suara itu tidak

datang dari televisyen di bilik itu. Kedua-dua suara yang kamu rasakan datang ke arah kamu sejauh beberapa meter dan perbualan seorang yang berada di sebelah kamu adalah diterima di dalam sebuah pusat pendengaran di dalam otak kamu yang hanya sebesar beberapa sentimeter kubik. Bertolak dari pusat persepsi ini, tiada konsep seperti kanan atau kiri, depan atau belakang yang wujud. Apa yang sebenarnya ialah bunyi-bunyian itu tidak datang ke arah kamu dari kanan atau kiri atau dari udara: di sana tidak terdapat arah dari mana bunyi datang.

Bau yang kamu terima juga seperti ini; tiada suatu bau yang datang ke arah kamu dari jarak yang jauh. Kamu merasai kesan-akhir yang terbentuk di pusat penghiduan sebagai bau sebuah objek di dunia luar. Tetapi, seperti mana imej sekuntum bunga ros berada di pusat penglihatan kamu, begitu juga bau bunga itu adalah di dalam pusat penghiduan di dalam otak; di sana tidak terdapat sekuntum bunga ros maupun baunya di dunia luar.

Fakta yang sama juga benar bagi haba. Seorang dari ahli falsafah terkemuka di eranya, George Berkeley, menerangkan dengan contoh berikut bahawa perasan seperti kesejukan atau kepanasan tidak dapat ditentukan wujud di luar dari otak;

Anggaplah sekarang salah satu dari kedua belah tangan kamu panas dan sebelah lagi sejuk. Kedua-duanya berada di dalam sebuah besen, dalam keadaan perantaraan; bukankah air itu rasakan sejuk oleh sebelah tangan dan panas oleh tangan yang lain?. 13

Berkeley adalah benar dalam analisisnya. Sekiranya panas atau sejuk wujud dalam materi itu sendiri, kedua belah tangan akan merasakan benda yang sama.

'Dunia luar' yang dihadapkan kepada kita oleh persepsi hanyalah sekadar sebuah koleksi isyarat elektrik yang sampai ke dalam otak kita. Sepanjang

hidup, otak kita memproses dan menafsirkan isyarat-isyarat ini dan kita hidup tanpa mengetahui bahawa kita adalah tersilap ketika menganggap bahawa semua ini adalah versi asal material yang wujud dalam di 'dunia luar'. Kita dikelirukan kerana kita tidak akan dapat mencapai semua entiti ini melalui pancaindera kita. Hal ini adalah amat penting.

Selanjutnya, otak kita sekali lagi mentafsir dan memberikan maksud kepada isyarat-isyarat yang kita anggap sebagai 'dunia luar'. Sebagai contoh, mari kita perhatikan pancaindera pendengaran. Otak kita memindahkan gelombang bunyi di 'dunia luar' kepada satu alunan. Ini bermaksud, muzik juga adalah satu persepsi yang dihasilkan oleh otak. Dengan cara yang sama, apabila kita melihat warna, apa yang sampai kepada mata kita hanyalah sekadar satu set isyarat elektrik yang mempunyai panjang gelombang yang berbeza. Sekali lagi otak kita menukarkan isyarat ini kepada warna-warna. Di sana tidak terdapat sebarang warna di dalam 'dunia luar'. Bukanlah limau berwarna kuning, bukan juga langit berwarna biru dan bukan juga pokok-pokok berwarna hijau. Semua itu adalah dalam keadaan demikian kerana kita menerimanya sedemikian bentuknya. 'Dunia luar' bergantung sepenuhnya kepada orang yang mempersepsikannya. Buta warna adalah satu bukti penting dalam hal ini. Sekali pun sedikit kerosakan di dalam retina mata akan menyebabkan buta warna. Setengah orang menerima warna biru sebagai hijau, dan merah sebagai biru. Pada titik ini, ianya tidaklah penting samada objek di luar itu berwarna atau tidak.

Menurut Berkeley seorang ahli fikir terkemuka;

Sekiranya benda yang sama boleh menjadi merah dan panas bagi sesetengah orang dan s bagi setengah yang lain, ini bermakna bahawa kita adalah berada di bawah pengaruh keke 'benda' itu hanya wujud di dalam minda kita. 14

Sebagai kesimpulannya, sebab mengapa kita melihat objek sebagai suatu berwarna ialah bukan kerana ianya berwarna atau kerana objek itu mempunyai kewujudan material yang terpisah di luar dari diri kita. Sekiranya warna wujud di luar dari kita, kecacatan yang dipanggil buta warna tidak akan wujud. Kebenaran dalam hal ini adalah lebih cenderung bahawa semua ukuran-ukuran yang kita berikan kepada objek adalah di dalam diri kita dan bukanlah 'dunia luar'.

Adakah Kewujudan 'Dunia Luar' Penting?

Sejauh ini, kita telah berulang kali bercakap mengenai kewujudan sebuah dunia persepsi yang terbentuk di dalam otak kita, dan membuat penegasan bahawa kita tidak sama sekali mampu mencapai dunia ini. Maka, bagaimana kita mampu untuk memastikan dunia seperti itu benar-benar wujud?

Sebenarnya kita tidak mampu. Disebabkan setiap objek hanyalah sebuah koleksi persepsi dan persepsi-persepsi itu hanya wujud di dalam minda, ianya lebih tepat untuk mengatakan bahawa satu-satunya dunia yang benar-benar wujud ialah dunia persepsi. Satu-satunya dunia yang kita tahu ialah dunia yang wujud di dalam minda kita; dunia yang dibentuk, di rakam dan dijadikan jelas di sana; ringkasnya, dunia yang dicipta di dalam minda kita. Hanya dunia ini yang kita pasti kewujudannya.

Kita tidak akan dapat membuktikan bahawa persepsi yang kita lihat di dalam otak kita mempunyai bahan-bahan yang berkaitan, persepsi-persepsi ini mungkin datang daripada sumber-sumber "tiruan".

Kita boleh menggambarkan hal ini dengan sebuah contoh;

Pertama, mari kita bayangkan, kami mengeluarkan otak kamu dari jasad kamu dan membiarkannya berfungsi secara tiruan dalam sebuah balang kaca. Di sebelahnya, kita letakkan sebuah komputer yang menghasilkan semua jenis isyarat elektrik. Kemudian, secara tiruan kita menghasilkan dan merakam isyarat elektrik mengenai data yang berkaitan dengan 'setting'

kepada komputer ini, seperti imej, bunyi, bau, keras dan lembut, rasa dan imej tubuh badan. Eksperimen ini dijalankan ke atas otak kamu yang dikeluarkan dari tubuh badan di sebuah puncak gunung. Akhirnya, kita sambungkan komputer kepada otak yang berada di dalam balang kaca dengan elektrod-elektrod yang akan berfungsi sebagai saraf dan menghantar data yang dirakamkan ke otak kamu yang sekarang berada di puncak gunung. Otak kamu (yang secara literalnya) akan mengesan semua isyarat-isyarat ini, ia akan melihat dan mengalami 'setting' yang berkaitan. Sebagai contoh, kita menganggap setiap maklumat yang datang ke minda ialah perlawanan bola dalam sebuah stadium dapat dihasilkan atau di rakam - dengan cara yang boleh diterima melalui organ pancaindera. Dalam otak kamu, yang berada di puncak gunung, dengan alat perakam yang dihubungkan kepadanya, kamu akan merasakan seolah-olah kamu benar-benar hidup dalam 'set' yang diciptakan ini. Kamu akan merasakan bahawa kamu menonton perlawanan itu. Kamu akan bersorak, kadang-kadang marah dan merasa gembira. Bahkan, kamu akan berhimpit-himpit dengan orang lain kerana kesesakan, dan juga merasakan kewujudan mereka. Apa yang menariknya, semuanya begitu jelas sehinggakan kamu tidak sedikit pun meragui kewujudan semua keadaan ini di dalam jasad kamu. Ataupun sekiranya kami menghantar isyarat elektrik seperti melihat, mendengar dan menyentuh ke otak kamu yang kamu rasakan seperti sedang duduk menghadap sebuah meja, otak kamu akan merasakan dirinya sebagai seorang ahli perniagaan yang sedang duduk di dalam pejabatnya. Dunia imaginasi ini akan berterusan selamanya selagi mana semua rangsangan itu sentiasa membanjiri otak kamu dari komputer. Ianya sudah pasti amat mustahil untuk memahami bahawa kamu hanyalah sekadar sebuah otak. Ini adalah kerana apa yang diperlukan untuk membentuk sebuah dunia di dalam otak kamu bukanlah sebuah dunia yang benar-benar wujud tetapi hanyalah sekadar rangsangan. Ianya adalah amat mungkin bahawa semua rangsangan ini datang dari sumber tiruan, alat perakam atau sebuah sumber persepsi yang berbeza.

Eksperimen-eksperimen yang dijalankan mengenai subjek ini mendedahkan fakta ini.

Di Amerika Syarikat, Dr White dari hospital Cleveland, bersama-sama dengan rakan-rakan dalam bidang elektronik, melaksanakan satu kajian yang hebat iaitu menghidupkan 'cyborg' yang berjaya dilakukan oleh Dr White ialah memisahkan otak seekor beruk dari tengkoraknya, membekalkannya dengan oksigen dan darah. Otak itu, yang disambungkan kepada sebuah tiruan "Heart Lung Machine", dapat bertahan untuk hidup selama lima jam. Alat itu, yang dipanggil Electro Encephalogram yang disambungkan kepada otak yang dikeluarkan itu diidentifikasi dalam E.E.G merakamkan bahawa suasana bising disekelilingnya dapat di dengar oleh otak bertindak balas kepadanya. 15

Seperti mana yang telah kita lihat, ianya sangat mungkin bahawa kita menerima sebuah dunia luar yang diberikan oleh rangsangan palsu. Simbol-simbol yang akan kamu terima dengan lima pancaindera adalah cukup untuk tujuan ini. Selain dari simbol-simbol ini, di sana tidak apa lagi yang tinggal di dunia luar.

Ianya suatu yang sangat mudah bagi kita untuk tertipu ketika mempercayai persepsi-persepsi ini benar-benar wujud, tanpa sebarang kaitan dengan material,. Kita sering mengalami perasaan ini di dalam mimpi kita, di mana kita mengalami peristiwa-peristiwa, melihat manusia, objek dan suasana yang kelihatan seolah-olah wujud. Akan tetapi, semuanya itu, tanpa sebarang pengecualian, hanyalah sekadar persepsi. Di sana tidak terdapat perbezaan asas antara dunia 'mimpi' dan 'sebenar'; kedua-duanya dialami di dalam otak.

Apakah Perbezaan Di Antara Dunia Di Dalam Mimpi Dan Dunia Yang Kita Rasakan Sekarang?

Bagi manusia, realiti ialah sesuatu yang boleh disentuh dengan tangan dan dilihat dengan mata. Sebelum ini, kita telah menyebutkan bahawa organ

pancaindera kita menipu kita dan membuktikan bahawa, secara saintifik, kita tidak pernah dapat mencapai realiti dunia luaran. Alam semesta persepsi-persepsi di mana kita tinggal boleh diterangkan juga dengan menggunakan analogi mimpi. Di dalam mimpi kamu juga dapat 'menyentuh dengan tangan kamu dan melihat dengan mata kamu', tetapi realitinya, kamu tidak mempunyai tangan atau mata, tidak ada sesuatu pun yang boleh dilihat dan disentuh. Tidak ada realiti material yang membuatkan perkara-perkara ini wujud kecuali di dalam otak. Kamu sebenarnya tertipu.

Apa yang memisahkan kehidupan sebenar dan mimpi? Ianya ialah bahawa dunia sebenar berterusan dan mimpi pula terputus, atau pun bahawa di sana terdapat perbezaan hubungan sebab-akibat di dalam mimpi? Secara asasnya, ini bukanlah perbezaan yang penting. Apa yang sebenarnya ialah kedua-dua bentuk hidupan ini diwujudkan di dalam otak. Sekiranya kita mampu untuk bersenang-lenang di dalam dunia palsu ketika bermimpi, perkara yang sama juga boleh berlaku di dalam dunia yang kita alami ini. Apabila kita terjaga daripada mimpi, tidak ada sebab untuk kita tidak merasakan bahawa kita telah memasuki sebuah mimpi yang panjang yang kita namakan 'kehidupan sebenar'. Kita menganggap mimpi adalah suatu yang palsu dan dunia ini sebagai benar adalah kesan daripada kebiasaan dan sikap prejudis.

Hal ini membenarkan bahawa kita mungkin akan benar-benar terjaga dari kehidupan di bumi yang kita sangka kita sedang tinggal di dalamnya sekarang, seperti mana kita terjaga daripada sebuah mimpi. Hal ini amat penting dan sudah tentu perlu difikirkan sedalamnya.

Oleh hal yang demikian, ianya sangat berguna untuk memikirkan mengenai contoh mimpi dengan lebih terperinci. Seseorang boleh merasakan suatu kejadian yang seolah-oleh realistik di dalam mimpi. Dia boleh terjatuh dari tangga dan patah kaki, mendapat kemalangan yang serius, digilis di bawah bas atau memakan kek dan merasa kenyang. Pengalaman yang sama dialami dalam kehidupan seharian juga boleh dialami di dalam mimpi dengan

perasaan yang sama terhadap realitinya; dan menimbulkan kesan perasaan yang sama terhadap kita. Ini menunjukkan kepada kita bahawa persepsi-persepsi seperti rasa, sentuhan atau perasaan mengenai kekerasan bukan bukti sebenar mengenai kewujudan sebenar materi, kerana perasaan ini juga dialami di dalam mimpi dengan kepekaan yang sama. Akan tetapi, golongan materialis yang menekankan bahawa materi adalah kewujudan mutlak gagal untuk memahami kebenaran ini. Untuk membuktikan kewujudan materi, mereka memetik contoh-contoh yang sama seperti di atas.

Berdasarkan kepada alasan mereka yang menyeleweng, keadaan manusia merasa sakit apabila menendang sebiji batu atau di tempeleng di muka, manusia merasa kenyang apabila memakan sebiji kek, atau orang akan mengelak apabila melihat sebuah bas di jalan raya supaya tidak dilanggar adalah bukti-bukti kewujudan mutlak materi. Sebab yang membuatkan mereka gagal untuk memahami hal ini ialah kerana kesakitan yang mereka rasakan apabila mereka menendang sebiji batu, rasa yang mereka rasakan apabila memakan sebiji kek dan persepsi-persepsi kekerasan dan kesakitan yang dialami apabila dirempuh oleh bas sebenarnya adalah berlaku di dalam otak.

Seorang yang bermimpi bahawa dia dilanggar oleh sebuah bas dapat membuka matanya di hospital, dan begitu juga di dalam mimpinya, dan menyedari bahawa dia telah lumpuh, tetapi semua itu hanya berlaku di dalam mimpi. Dia juga dapat bermimpi bahawa dia mati di dalam sebuah perlanggaran, malaikat maut mencabut nyawanya, dan kehidupan di Hari Kemudian bermula. (kejadian berikut ini yang dialami dengan cara yang sama di dalam kehidupan ini, yang mana seperti di alami di dalam mimpi, hanyalah sebuah persepsi)

Orang ini merasakan kepekaan imej-imej, suara, perasaan 'solid'nya, cahaya, warna-warna dan semua yang berkaitan dengan peristiwa yang dialami di dalam mimpi, persepsi-persepsi di dalam mimpinya sama seperti yang ada di dalam kehidupan 'sebenar'. Kek yang dimakannya di dalam mimpi

mengenyangkannya, sekalipun ia hanyalah persepsi perasaan-mimpi, kerana rasa kekenyangan juga adalah suatu persepsi. Akan tetapi realitinya, orang ini sedang berbaring dikatilnya ketika itu. Di sana tidak terdapat tangga, trafik atau bas-bas yang harus difikirkan. Mimpi yang dialami oleh seseorang dan melihat persepsi-persepsi dan perasan-perasaan sebenarnya yang tidak wujud di dunia luar. Sebenarnya di dalam mimpi kita, kita mengalami, melihat, dan merasakan peristiwa tanpa sebarang kaitan fizikal di dunia luar sangat jelas menunjukkan bahawa 'dunia luar' milik kehidupan sedar kita juga hanya mengandungi keseluruhannya persepsi-persepsi. Sama ada ianya suatu mimpi, atau dalam kehidupan seharian, semua kebendaan yang terlihat, dialami dan dirasakan hanyalah persepsi.

Mari kita melihat contoh perlanggaran bas; sekiranya saraf lelaki yang dirempuh ini bergerak daripada organ pancainderanya ke otak, disambungkan kepada saraf orang lain pada waktu bas tersebut merempuh lelaki itu, bas itu juga akan merempuh lelaki yang sedang duduk di rumah ketika itu. Semua perasaan yang dirasakan oleh si mangsa di dalam kemalangan akan dirasakan juga oleh orang yang berada di rumah, sama seperti sebuah lagi yang didengar daripada kedua buah pembesar suara berlainan yang disambungkan ke alat perakam yang sama. Orang itu akan merasa, mendengar, dan mengalami bunyi brek bas, sentuhan bas pada badannya, imej tangan yang patah dan darah yang mengalir keluar, kesakitan patah, imej dia memasuki bilik pembedahan, kekerasan pembalut plaster dan tangannya yang tidak boleh bergerak.

Sesiapa sahaja yang disambungkan dengan saraf lelaki ini secara selari akan mengalami kemalangan daripada awal hingga akhir seperti yang dirasai oleh lelaki ini. Sekiranya lelaki yang mengalami kemalangan tadi itu berada di dalam koma, mereka semua juga akan berada dalam keadaan koma yang sama. Bahkan, sekiranya semua persepsi yang berkaitan dengan kemalangan kereta ini dirakamkan di dalam sebuah alat dan semua persepsi

ini dipindahkan kepada seseorang, maka bas tersebut akan merempuhnya berulang kali.

Jadi bas manakah yang merempuh mereka ini adalah benar?. Falsafah golongan materialis tidak mempunyai jawapan yang konsisten terhadap soalan ini. Jawapan yang tepat ialah mereka mengalami peristiwa kemalangan kereta ini di dalam minda mereka sahaja.

Dalam kes ini, adalah mustahil bagi manusia untuk menjangkau derianya dan berlepas bebas daripadanya. Dalam contoh yang disebut di atas, ianya suatu yang mungkin untuk mendandahkan roh manusia kepada segala jenis persembahan peristiwa fizikal sekalipun mereka tidak mempunyai tubuh badan fizikal dan tiada kewujudan material dan ketiadaan berat material. Adalah mustahil untuk manusia menyedari perkara ini kerana dia telah meyakini bahawa imej-imej tiga dimensi ini adalah betul dan amat pasti dengan kewujudan mereka kerana semua orang bergantung kepada persepsi-persepsi yang dihasilkan oleh organ-organ derianya. Ianya juga amat jelas di dalam contoh-contoh ini bahawa di sana tidak ada perbezaan yang ketara di antara mimpi dan kehidupan sebenar. Dengan itu, kita tidak dapat memastikan bahawa kehidupan yang kita hidup sekarang ini adalah sejenis mimpi.

Footnotes

1. Orhan Hançerlioglu, *Düşünce Tarihi (History of Idea)*, Remzi Kitabevi, Istanbul: 1987, p.432
2. Orhan Hançerlioglu, *Düşünce Tarihi (History of Idea)*, Remzi Kitabevi, Istanbul: 1987, p.447
3. Frederick Vester, *Denken, Lernen, Vergessen*, vga, 1978, p. 6

4. George Politzer, Principes Fondamentaux de Philosophie, Editions Sociales, Paris, 1954, pp. 38-39-44
5. Bilim ve Teknik Magazine (Science and Technology), No. 227, p. 6-7
6. R.L.Gregory, Eye and Brain: The Psychology of Seeing, Oxford University Press Inc. New York, 1990, p.9
7. George Berkeley, "A Treatise Concerning the Principles of Human Knowledge", 1710, Works of George Berkeley, vol. I, ed. A. Fraser, Oxford, 1871
8. Lincoln Barnett, The Universe and Dr. Einstein, William Sloane Associate, New York, 1948, p. 20
9. Bertrand Russell, ABCof Relativity, George Allen and Unwin, London, 1964, pp. 161-162
10. George Berkeley, "A Treatise Concerning the Principles of Human Knowledge", 1710, Works of George Berkeley, vol. I, ed. A. Fraser, Oxford, 1871 p. 35-36
11. Ali Demirsoy, Kalitim ve Evrim (Inheritance and Evolution), p.4
12. Bertrand Russell, What is the Soul?, Works of George Berkeley, vol. I, ed. A. Fraser, Oxford, 1871
13. Bertrand Russell, Three Dialogues Between Hylas and Philonous, Works of George Berkeley, vol. I, ed. A. Fraser, Oxford, 1871
14. George Politzer, Principes Fondamentaux de Philosophie, Editions Sociales, Paris, 1954, p. 40
15. Bilim ve Teknik Magazine (Science and Technology), No:111, p.2
16. R.L.Gregory, Eye and Brain: The Psychology of Seeing, Oxford University Press Inc. New York, 1990, p.9

Rahsia di Sebalik Materi (2/2)

Siapa Penerima?



The brain is a collection of cells made up of protein and fat molecules. It is formed of nerve cells called neurons (above right). It is certainly not neurons that constitute consciousness. When we examine the structure of neurons, we see atoms. (above left) Unquestionably, it is impossible for unconscious atoms to produce consciousness. There is no power in this piece of meat to observe images, to constitute consciousness, or to create the being we call "myself".

Seperti yang telah kita lihat setakat ini, tidak dapat diragui kenyataan bahawa dunia yang kita sangkakan kita mendiaminya dan yang kita menggelarnya 'dunia luar' telah dicipta di dalam otak kita. Tetapi di sini timbul beberapa persoalan penting; adakah kuasa yang melihat semua persepsi ini adalah otak sendiri?

Apabila kita menganalisis otak, kita mendapati bahawa ia hanya mengandungi molekul-molekul lipid dan protein sahaja, yang juga wujud dalam organisma lain. Seperti yang jelas diketahui, asas bagi semua protein ini adalah atom. Ini bererti, di dalam secebis daging yang kita gelar 'otak', tidak ada sebarang benda untuk melihat imej, untuk membentuk kesedaran, atau untuk menjadikan kewujudan yang kita panggil "diri sendiri".

R.L Gregory merujuk kepada kesilapan umum manusia berkaitan persepsi-persepsi imej yang terdapat di dalam otak:

Terdapat satu pandangan yang perlu di jauhi iaitu dengan mengatakan bahawa mata menghidupkan gambaran di dalam otak. Sebuah gambar di dalam otak memerlukan semacam mata dalam melihatnya -tetapi ini memerlukan satu mata tambahan lain pula untuk melihat gambarnya... demikianlah berterusan kemunduran mata dan gambar. Ini semua adalah mustahil. 16



The following question appears on the cover of the American science magazine *New Scientist*, which dealt with the fact that we experience the material universe only as it appears in our minds, in its 30 January 1999 issue: "Beyond Reality: Is the Universe Really a Frolic of Primal Information and Matter Just a Mirage?"

Keadaan inilah yang meletakkan para materialis yang tidak menerima perkara lain melainkan kebendaan sebagai benar, di dalam kebingungan. Kepunyaan siapakah 'mata dalaman' yang melihat, yang menerima apa yang ia lihat dan bertindak balas?

Karl Pribram juga menumpukan kepada persoalan penting ini di dalam dunia sains dan falsafah tentang siapakah yang menerima;

Ahli falsafah sejak zaman Greek telah memikirkan tentang 'hantu di dalam mesin', 'manusia dalam manusia kecil' dan sebagainya. Di manakah 'saya', orang yang menggunakan otaknya? Siapakah yang merealisasikan perbuatan mengetahui?. Seperti yang dinyatakan oleh St Francis Assisi, 'kita mengkaji apa yang kita lihat'.¹⁷

Sekarang fikirkan; buku di tangan kamu, bilik di mana kamu berada, ringkasnya semua imej di hadapan kamu dilihat di dalam otak kamu. Apakah atom-atom yang melihat imej-imej ini? Atom-atom yang buta, tuli dan mati?. Mengapa sebahagian atom memperolehi kualiti-kualiti ini sementara yang lain tidak? Apakah perbuatan kita berfikir, memahami, mengingat, gembira, sedih dan sebagainya mengandungi reaksi-reaksi elektrokimia di antara atom-atom ini?. Tidak, otak tidak mampu untuk menjadi kuasa yang melaksanakan semua kerja-kerja ini.

Dalam bab yang telah lalu, kita telah menunjukkan bahawa tubuh badan kita juga termasuk dalam himpunan persepsi yang kita panggil 'dunia luar'. Dengan itu, disebabkan otak kita juga adalah sebahagian dari tubuh badan kita, ia juga adalah sebuah bahagian dari himpunan persepsi. Oleh kerana otak sendiri adalah sebahagian persepsi, maka ia bukanlah kuasa yang merasakan persepsi yang lain.

Dalam bukunya, *ABC of Relativity*, Bertrand Russell memfokuskan pandangan ke dalam subjek ini sebagai berikut;

Sudah tentu, sekiranya materi secara umumnya ditafsirkan sebagai satu kumpulan peristiwa-peristiwa, ia juga mesti meliputi mata, saraf optik dan otak.¹⁸

lanya jelas bahawa zat yang melihat, mendengar, mengesan dan merasa adalah suatu zat yang melebihi material, yang tidak dapat difikirkan oleh materi, merasa, gembira atau tidak, adalah suatu yang tidak mungkin untuk

dilakukan oleh sekadar tubuh badan. Dengan itu, zat ini bukanlah materi, bukan juga imej, tetapi ianya adalah 'nyawa'. Zat ini berhubung dengan 'skrin' di hadapannya dengan menggunakan imej badan kita.

Satu contoh mengenai mimpi akan menjelaskan subjek ini. Cuba bayangkan (selaras dengan apa yang telah disebutkan sejauh ini) bahawa kita melihat mimpi di dalam otak kita. Sewaktu bermimpi, kita akan mempunyai sebuah badan bayangan, tangan bayangan, mata bayangan, dan otak bayangan, sekiranya sewaktu kita bermimpi, kita ditanya, "di mana kamu melihat? Kita akan menjawab, 'saya melihat di dalam otak' sekiranya kita ditanya di mana otak kita dan bagaimana rupa otak itu, kita akan mendongak kepala bayangan kita di atas badan bayangan dengan tangan bayangan kita dan berkata, 'otak saya adalah seketul daging di dalam kepala saya dengan anggaran beratnya lebih dari sekilo'.

Tetapi, sebenarnya di sana tidak ada otak yang ingin diperkatakan, tetapi hanyalah kepala bayangan dan otak bayangan. Orang yang melihat imej-imej bukanlah otak bayangan di dalam mimpi, tetapi satu 'zat' yang lebih 'tinggi' darinya.

*Kita tahu bahawa di sana tidak ada kejelasan fizikal di antara keadaan sebuah mimpi dan keadaan yang kita panggil kehidupan sebenar. Jadi, apabila kita ditanya berkenaan keadaan di dalam mimpi yang kita panggil kehidupan sebenar soalan di atas; di mana kamu melihat? Ianya suatu yang berfaedah dengan menjawab 'di dalam otak' seperti mana dalam contoh di atas. Dalam keadaan ini, entiti yang melihat dan merasa bukanlah otak yang hanya merupakan sebungkus daging. Menyedari fakta ini, Bergson berkata dalam bukunya, *Matter and Memory*, ringkasannya bahawa "dunia terbina dari imej-imej, imej ini hanya wujud dalam kesedaran kita; dan otak adalah sahaja imej ini". 19*

Oleh yang demikian, oleh kerana otak adalah sebahagian dunia luar, di sana ada kuasa yang menerima semua imej-imej ini. Zat ini adalah "roh".

Longgokan-longgokan persepsi yang kita panggil 'material dunia' hanyalah sekadar sebuah mimpi yang dilihat oleh roh ini. Seperti mana tubuh badan yang kita miliki dan dunia material yang kita lihat di dalam mimpi kita tidak mempunyai sebarang realiti, alam semesta yang kita tinggal dan jasad yang kita miliki juga tidak mempunyai sebarang realiti material. Ahli falsafah Britain terkemuka David Hume meluahkan pandangannya berhubung fakta ini;

Bagi saya, apabila saya memasuki hubungan ke dalam apa yang saya panggil diri saya, saya tersandung berhadapan beberapa persepsi khusus atau yang lain, mengenai panas dan se cahaya atau gelap, sayang atau benci, sakit atau seronok. Saya tidak akan selamanya dapat menangkap diri saya tanpa sebarang persepsi, dan tidak selamanya akan melihat sebarang kecuali persepsi. 20

Zat yang realiti adalah roh. Materi hanya mengandungi sekadar persepsi-persepsi yang dilihat oleh roh. Zat yang sedar yang menulis dan membaca garis-garis ini bukanlah longgokan atom dan molekul dan reaksi kimia antaranya, tetapi adalah sebuah 'roh'.

Zat Mutlak Yang Sebenarnya

Semua fakta-fakta ini telah membawa kita untuk berhadapan dengan sebuah persoalan yang amat penting. Sekiranya semua benda yang kita ketahui sebagai dunia material terdiri daripada persepsi-persepsi yang dilihat oleh roh kita, oleh itu apakah sumber persepsi-persepsi ini?

Untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut, kita perlu mengambil kira fakta berikut: benda tidak mempunyai sebuah kawalan-kewujudan-sendiri oleh dirinya sendiri. Memandangkan benda ini adalah satu persepsi, oleh itu ia

adalah sesuatu yang 'tiruan'. Iaitu, persepsi-persepsi ini tentunya telah disebabkan oleh kuasa lain, dengan kata lain ia pasti telah dicipta. Tambahan pula penciptaan ini berterusan. Sekiranya tidak ada penciptaan yang berterusan dan konsisten, maka apa yang kita gelar kebendaan ini akan hilang dan lenyap. Ia seperti sebuah televisyen yang gambarnya terus dimainkan selagi isyaratnya terus dipancarkan. Jadi, siapakah yang membuatkan roh kita melihat bintang-bintang, bumi, tumbuh-tumbuhan, manusia, tubuh kita dan semua yang kita lihat?

Ini membuktikan dengan jelas kewujudan seorang Pencipta yang Agung, yang telah menjadikan seluruh alam material. Iaitu, sejumlah persepsi-persepsi, dan yang meneruskan penciptaanNya tanpa henti, memandangkan Pencipta ini menunjukkan satu penciptaan yang menakjubkan, tentunya Dia mempunyai kekuasaan dan kekuatan yang maha hebat.

Dia telah menurunkan sebuah kitab dan melalui kitab ini Dia telah menceritakan DiriNya, alam semesta ini dan tujuan kewujudan kita.

Pencipta ini ialah Allah s.w.t, dan kitab ini ialah Al-Qur'an.

Kenyataan bahawa langit dan bumi, iaitu alam semesta ini adalah tidak stabil, bahawa kehadiran mereka ini adalah kerana penciptaan Allah dan mereka akan hilang apabila Dia menghentikan penciptaanNya, segalanya telah dijelaskan di dalam ayat berikut:

Sesungguhnya Allah menahan dan memelihara langit dan bumi supaya keduanya jangan tergelincir. dan jika keduanya (ditakdirkan) tergelincir maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menahannya daripada berlaku demikian selain dari Allah. Sesungguhnya Dia maha penyabar lagi maha pengampun. (Surah Fatir: 41)

Seperti yang telah kami sebutkan sejak awal lagi, sebahagian manusia tidak mempunyai pemahaman yang tepat tentang Allah dan mereka membayangkan seolah-olah Allah itu berada di atas langit dan tidak campur tangan di dalam urusan-urusan keduniaan. Asas anggapan ini adalah berdasarkan kepercayaan bahawa alam semesta ini adalah sebuah himpunan kebendaan dan Allah berada 'di luar' daripada dunia material ini dan berada di sebuah tempat yang jauh.

Di dalam beberapa agama yang menyeleweng, kepercayaan terhadap Allah adalah terhad kepada pemahaman ini. Bagaimanapun, seperti yang telah kita bincangkan setakat ini, kebendaan (ataupun material) hanya terdiri daripada sensasi-sensasi, dan satu-satunya kewujudan yang sebenar ialah Allah s.w.t. Ini bererti hanya Allah sahaja yang wujud, segalanya kecuali Dia adalah kewujudan bayangan. Oleh itu, adalah mustahil untuk membayangkan Allah sebagai satu kewujudan yang keseluruhannya berbeza daripada jisim kebendaan. Semestinya Allah berada 'di mana-mana' dan melingkungi semua. Realiti ini telah dijelaskan di dalam Al-Qur'an seperti berikut;

Allah tiada Tuhan melainkan Dia yang tetap hidup yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya) yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat disisiNya melainkan dengan izinNya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka. Sedang mereka tidak mengetahui sesuatu apa pun dari ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki. Luasnya Kursi Allah meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dialah yang maha tinggi. Lagi maha besar. (Surah AL-Baqarah;255)

Kenyataan bahawa Allah tidak tersekat dengan ruang dan bahawa Dia merangkumi segala-galanya telah dinyatakan di dalam sebuah ayat lain seperti berikut;

Dan Allah jualah yang memiliki timur dan barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri maka di situlah arah yang diredhai Allah; sesungguhnya Allah maha luas (rahmatnya dan limpah kurniannya), lagi sentiasa mengetahui. (Surah al-Baqarah; 115)

Memandangkan kewujudan kebendaan hanyalah sebuah persepsi, maka mereka tidak dapat melihat Allah; tetapi Allah dapat melihat benda yang telah dijadikannya di dalam apa jua bentuk. Di dalam Al-Qur'an, fakta ini telah dijelaskan seperti berikut;

Dia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata) dan Dialah yang maha halus (melayan hamban-hambanya dengan belas kasihan) lagi maha mendalam pengetahuanNya. (Surah al-An'aam;103)

Oleh itu, kita tidak dapat menerima kewujudan Allah dengan mata kita tetapi Allah meliputi dalaman kita, luaran, penglihatan dan pemikiran, kita tidak dapat melafazkan sepele perkataan tanpa pengetahuanNya, begitu juga apabila kita menarik nafas.

Apabila kita menyaksikan persepsi-persepsi deria di dalam kehidupan kita, kewujudan yang paling hampir dengan kita bukannya deria-deria ini, tetapi ialah Allah s.w.t. Rahsia ayat berikutnya di dalam Al-Qur'an menerangkan realiti ini;

Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya; (Surah al-Qaff;16) Apabila seseorang menyangka bahawa tubuh badannya diperbuat daripada 'benda', dia tidak dapat memahami hakikat penting ini. Sekiranya dia mengambil otaknya sebagai 'dirinya', maka kawasan luar yang dianggarkannya adalah 20-30 cm daripada dirinya. Tetapi apabila dia menerima bahawa tiada suatu apa pun pada kebendaan, dan semuanya adalah khayalan, konsep luar, dalam, atau dekat telah kehilangan maknanya. Allah telah melingkunginya dan Dia 'sangat hampir' kepadanya.

Allah memaklumkan kepada manusia bahawa Dia 'sangat hampir' kepada mereka di dalam ayatnya berikut; Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka); sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka). (Surah al-Baqarah;186). Ayat lain juga menerangkan fakta yang sama seperti berikut; ***Dan ingatlah ketika Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), bahawa sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia (dengan ilmu-ilmunya dan kekuasaannya).*** (Surah Al-Isra;60)

Manusia tersalah apabila menyangkakan bahawa kewujudan yang paling hampir dengannya ialah dirinya. Sebenarnya, Allah lebih hampir kepada kita lebih daripada diri kita sendiri. Allah menjelaskan fakta ini di dalam ayatNya; Maka alangkah eloknya kalau semasa (roh seseorang dari kamu yang hampir mati) sampai ke kerongkongnya. Sedang kamu pada masa itu (berada di sekelilingnya) menyaksikan keadaannya. Dan Kami lebih dekat kepadanya daripada kamu, tetapi kamu tidak melihat. (Surah Al-Waqiah.83-85) kebiasaannya, seseorang yang mati di tempat tidurnya, atau terbaring sakit memikirkan, yang merupakan suatu kesilapan yang besar, bahawa di saat itu, orang yang paling dekat dengannya ialah doktor di tepinya, atau di dalam pangkuan ibunya, atau dalam pelukan kekasihnya. Akan tetapi, seperti yang

dinyatakan di dalam ayat di atas, Tuhan adalah yang paling hampir kepadanya daripada siapa pun jua. Tetapi manusia sering lalai terhadap fakta ini, kerana mereka tidak dapat melihatNya dengan mata mereka.

Satu-satunya kesimpulan yang boleh disimpulkan dari apa yang dibincangkan di sini ialah bahawa satu-satunya zat yang realiti dan mutlak ialah Tuhan. Dengan sifat maha mengetahuiNya, Tuhan menguasai manusia, yang merupakan zat bayangan, seperti mana yang lain; ***Sesungguhnya Tuhanmu hanyalah Allah, yang tidak ada Tuhan selain Dia, pengetahuanNya meliputi segala sesuatu.*** (Surah Ta ha;98) dalam sepotong ayat Al-Qur'an lain, Tuhan memberi ingatan kepada manusia mengenai sikap tidak mengambil peduli;

Ingatlah bahawa sesungguhnya mereka adalah dalam keraguan tentang pertemuan dengan Tuhan mereka. Ingatlah, bahawa sesungguhnya Dia maha meliputi segala sesuatu. (Surah al-fusilat; 54)

Adalah mustahil bagi manusia, yang tidak lebih dari kewujudan bayangan untuk mempunyai kekuasaan atau kehendak yang lebih dari Allah. Sepotong ayat lain yang menunjukkan bahawa setiap sesuatu yang kita alami berlaku di bawah kekuasaan Tuhan. Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu. (Surah as-Saaffat; 96). di dalam Al-Qur'an hakikat ini dinyatakan di dalam banyak hal dan dengan ayat, 'dan bukanlah kamu yang melempar ketika engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar'. Surah al-Anfal:17, ianya menjelaskan bahawa tidak ada perbuatan yang bebas daripada Allah. Disebabkan manusia hanyalah kewujudan bayangan, maka bukanlah diri manusia itu sendiri yang melakukan perbuatan melempar itu tetapi Allah, Tuhan yang memberikan bayangan ini perasaan untuk merasa sendiri. Hakikatnya, Tuhanlah yang menjalankan semua perbuatan. Sekiranya seseorang merasakan perbuatan yang dilakukannya berpunca darinya, memikirkan dirinya sendiri yang melakukan apa yang dilakukannya, bahkan,

merasakan bahawa dia sendiri adalah zat yang dengan kekuasaan yang bebas dan meletakkan kepercayaan kepada kuasanya, dia sebenarnya telah menipu dirinya sendiri. Apa yang sebenarnya ialah manusia adalah zat yang keseluruhannya di bawah kekuasaan Tuhan.

Ini adalah hakikatnya. Seseorang mungkin tidak mahu menerimanya dan mungkin merasakan bahawa dirinya tidak bergantung kepada Tuhan; tetapi ia tidak akan mengubah apa-apa. Dan sudah tentu penafian yang bodoh ini adalah di dalam kehendak dan iradat Allah. Di dalam Al-Qur'an, hal ini dinyatakan berikut;

Apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, padahal kepadaNya lah tempat menyerah diri segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan suka atau pun terpaksa dan kepada Allah mereka dikembalikan (Surah Ali Imran; 83).

Tuhan, Maha Mengetahui

Sifat Tuhan, al-Muhit bermaksud 'Dia lah yang melingkungi segalanya'. Oleh kerana Tuhanlah yang merangkumi segalanya, maka Dialah satu-satunya yang mengetahui segala sesuatu yang dialami oleh manusia. Tuhan menciptakan setiap jenis perasan seperti sakit, kegusaran, kasih, senang, sedih dan kegembiraan dan dengan itu Tuhan mengetahui semua itu dengan baik. Kerana Dia mengetahui, Dia mencipta dan menjadikan hambaNya merasakan semua itu sebagaimana yang Dia kehendaki. Satu hal yang ingin dijelaskan di sini; Tuhan adalah bebas dari kesakitan-kesakitan ini dan dari sebarang sifat kekurangan. Satu lagi sifat Tuhan di dalam Al-Qur'an ialah al-Quddus, yang bermaksud 'Dia tidak dicatitkan oleh sebarang kesilapan dan kelalaian dan Dia bebas dari sebarang ketidaksempurnaan atau sebarang kecacatan'. Semua kekurangan adalah milik manusia.

Satu dari sifat Tuhan yang disebutkan di dalam Al-Qur'an ialah al-Muta'ali yang bermaksud 'Dia adalah lebih tinggi dari sebarang kelakuan, cara atau keadaan, dan dari sebarang anggapan yang pernah ada'. Ini bererti Tuhan melingkungi segalanya di mana-mana dan mengetahui akikat segalanya. Ini adalah sifat 'mengetahui' yang benar-benar sempurna. Untuk mengagungkan kebesaran dan kebijaksanaan Tuhan, seorang itu perlu memiliki pemahaman yang baik tentang subjek ini. Kenyataan bahawa Tuhan mengetahui rasa sakit, gusar dan setiap perasaan yang kita alami membuatkan kita sekali lagi memahami kenyataan bahawa Tuhan adalah lebih hampir kepada kita dari urat leher sendiri. Tuhan melihat manusia di mana-mana. Sekalipun di tempat perlindungan bersendirian, tersembunyi, tempat rahsia, di mana tiada orang yang melihatnya, bahkan ketika dia memikirkan bahawa dia sedang melakukan suatu yang rahsia, Tuhan tetap melihatnya.

Dalam Al-Qur'an, dinyatakan bahawa Tuhan adalah maha mengetahui.

"Tidakkah mereka tahu bahawa Allah mengetahui rahsia dan bisikan mereka, dan bahawasanya Allah amat mengetahui segala yang ghaib?". (Surah at-Taubah; 78)

Tuhan mendengar semua perkataan; sekalipun sewaktu seseorang itu memikirkan bahawa dia berbisik secara rahsia di balik pintu yang terhalang, dan dinding yang kukuh, Tuhan pasti akan mendengarnya. Tuhan mengetahui apa yang ada di dalam hatinya, apa yang disembunyikan dari pengetahuan orang lain, demikian juga setiap yang di bawah dari sedarnya, yang dirinya sendiri tidak mengetahui. Dalam Al-Qur'an, hal ini dinyatakan;

Jika engkau keraskan perkataan, sesungguhnya Dia mengetahui rahsia dan yang lebih tersembunyi. (Surah Ta Ha; 7).

Setiap Yang Kamu Miliki Pada Asasnya Adalah Ilusi

Telah menjadi suatu fakta saintifik dan logik bahawa 'dunia luaran' tidak mempunyai realiti material dan ia hanyalah suatu himpunan imej-imej yang Tuhan perlihatkan kepada roh kita. Namun begitu, manusia tidak termasuk atau tidak mahu masuk termasuk di dalam konsep 'dunia luar'.

Fikirkan isu ini dengan ikhlas dan berani. Kamu akan menyedari bahawa rumah kamu, perabot, kereta- yang mungkin baru dibeli- pejabat, barang kemas, akaun bank, almari pakaian, pasangan hidup, anak-anak, sahabat handai dan segala yang kamu miliki sebenarnya termasuk di dalam khayalan dunia luaran ini yang ditayangkan kepada kamu. Apa yang kamu lihat, dengar, dan bau yang kamu terima dengan pancaindera yang lima di sekeliling adalah sebahagian daripada 'dunia khayalan' ini; suara penyanyi pujaan kamu, kekerasan kerusi yang kamu duduk sekarang, minyak wangi yang kamu gemari, matahari yang memanaskan kamu, sekuntum bunga dengan warna yang menarik, seekor burung yang terbang di hadapan tingkap kamu, sebuah bot laju yang bergerak lincah di atas air, kebun yang subur, komputer yang kamu gunakan di tempat kerja, atau hi fi yang mempunyai teknologi yang tercanggih di dunia...

Ini adalah hakikatnya, kerana dunia hanyalah sebuah himpunan imej-imej yang dihadkan untuk menguji manusia. Manusia diuji melalui kehidupannya yang terhad dengan persepsi-persepsi yang tidak benar. Persepsi-persepsi ini telah dijadikan menarik dan menawan, kenyataan ini telah disebutkan di dalam Al-Qur'an;

Dihiaskan kepada manusia, mencintai syahwat (keinginan nafsu), seperti perempuan-perempuan, anak-anak dan harta benda yang banyak, dari emas, perak, kuda yang gagah, binatang-binatang ternak dan tanam-tanaman. Demikian itulah kenikmatan hidup di dunia, dan di sisi Allah tempat kembali yang sebaiknya. (Surah Ali Imran; 14)

Kebanyakan manusia mengesampingkan agama mereka ke tepi demi tarikan harta benda, kekayaan, longgokan emas dan perak, wang ringgit, barang kemas, akaun bank, kad kredit, almari yang penuh dengan pakaian, model kereta terkini, ringkasnya, segala bentuk kemewahan yang mereka miliki atau berusaha untuk memilikinya dan mereka hanya menumpukan dunia ini dan mengabaikan Hari Kemudian. Mereka telah tertipu dengan 'kecantikan dan keindahan' wajah kehidupan dunia ini, sehingga gagal untuk menunaikan sembahyang, menderma kepada orang miskin, atau mengerjakan kebaikan yang boleh menambahkan amal baik mereka di hari kemudian nanti.

Sebaliknya mereka menjawab dengan berkata 'saya ada kerja lain yang perlu dibuat', 'saya ada cadangan', 'saya ada tanggungjawab', 'saya tidak mempunyai masa yang cukup', 'saya ada perkara yang perlu diselesaikan', 'saya akan melakukannya kemudian'. Mereka meluangkan seluruh hidup mereka untuk maju di dunia ini sahaja. Dalam ayat surah Rum;7 mereka hanya mengetahui yang zahir (sahaja) dari kehidupan dunia, sedang mereka tentang (kehidupan) akhirat adalah lalai,.kesilapan memahami hal ini diterangkan.

Fakta yang kami terangkan di dalam bab ini, terutamanya kebenaran bahawa segalanya adalah imej, adalah amat penting kerana implikasinya yang menjadikan semua keghairahan dan sempadan tidak bererti. Pengesahan terhadap hakikat ini menunjukkan dengan jelas bahawa segala yang manusia miliki atau berusaha untuk memilikinya, seperti kekayaan yang diperolehi dengan ketamakan, anak-anak mereka yang mereka merasa megah dengannya, pasangan hidup mereka yang mereka anggap sebagai insan yang paling rapat dengan mereka, rakan-rakan, tubuh-tubuh mereka yang disayangi, kedudukan mereka yang meletakkan mereka di tempat yang tinggi, sekolah-sekolah yang mereka masuki, percutian-percutian yang telah mereka lalui, semuanya tidak lebih daripada sekadar ilusi. Oleh itu, segala usaha yang dilakukan, waktu yang telah dihabiskan, dan perasan tamak terbukti sebagai tidak berguna.

Ini adalah sebab mengapa sebahagian manusia memperbodohkan diri mereka sendiri apabila mereka bermegah dengan kekayaan dan harta mereka atau dengan 'kapal layar, helikopter, kilang-kilang, saham-saham, rumah mewah dan tanah' seolah-olah mereka benar-benar wujud. Mereka yang terdiri daripada golongan berada yang berjalan mundur-mandir di atas kapal layar mereka dengan megah, menayang-nayangkan kereta mereka, bercakap tentang kekekayaan mereka, merasakan bahawa mereka memiliki kedudukan yang lebih tinggi dari orang lain, cuba untuk memberikan pandangan yang menarik kepada diri mereka sendiri melalui pakaian yang mereka pakai, membina keseluruhan hidup mereka kepada keghairahan dan persaingan seperti ini, dan merasakan bahawa mereka telah berjaya kerana semua ini, sepatutnya memikirkkan di manakah kedudukan mereka apabila mereka menyedari bahawa kejayaan mereka tidak lebih daripada sebuah ilusi sahaja.

Pemandangan seperti ini telah dilihat berkali-kali di dalam mimpi. Di dalam mimpi mereka, mereka juga mempunyai rumah, kereta laju, barang kemas yang melimpah ruah, wang yang bergulung-gulung, dan emas perak yang menggunung. Di dalam mimpi mereka, mereka juga berada di satu kedudukan yang tinggi, memiliki kilang-kilang dengan beribu-ribu pekerja, mempunyai kuasa untuk memerintah ramai orang, memakai pakaian yang menyebabkan orang lain tertarik kepadanya. Akan tetapi, sebagaimana seseorang itu dianggap mengarut kerana bermegah dengan kemewahan di dalam mimpinya, begitu juga mereka yang merasa gah dengan imej-imej yang mereka lihat di dunia ini. Lagi pun, apa yang dilihat di dalam dunia ini hanyalah imej-imej di dalam mindanya. Sudah tentu, fakta ini seharusnya difikirkan sedalamnya. Seperti yang dinyatakan di dalam ayat berikut, orang-orang yang menyedari kebenaran ini akan pasti mendapat kejayaan;

Sesungguhnya telah datang dari Tuhanmu bukti yang terang, maka barangsiapa yang mahu melihat (kebenaran itu), maka (manfaatnya) bagi dirinya sendiri, dan

barangsiapa yang buta (tidak melihat kebenaran itu), maka kemudaratannya kembali kepadanya. Dan aku (Muhammad) sekali-kali bukanlah pemeliharamu. (Surah

Al-An'aam:104)

Begitu juga halnya, manusia ketika bertindak balas dengan peristiwa-peristiwa yang mereka alami di dunia ini hanya akan menyebabkan mereka merasa malu apabila mengetahui hakikat sebenar. Mereka yang sering bergaduh sesama sendiri, mereka yang bercakap sombong, mereka yang sering menipu, mereka yang menerima rasuah, mereka yang melakukan kesalahan kepada manusia, mereka yang memukul dan memaki hamun orang lain, serangan yang mendera, mereka yang terlalu ghairah dengan jawatan dan kedudukan, mereka yang sering iri hati, mereka yang suka menunjuk-nunjuk, mereka yang memuliakan diri sendiri dan yang sebagainya akan menyesal apabila mereka menyedari bahawa mereka telah melakukan ini semua di dalam mimpi.

Disebabkan Allah yang menjadikan semua imej-imej ini, maka Allah jugalah pemilik Tunggal semuanya ini. Kenyataan ini ditegaskan di dalam Al-Qur'an:

Kepunyaan Allah apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi, dan adalah Allah maha meliputi segala sesuatu.

(Surah an-Nisa;126)

Adalah suatu kebodohan yang amat besar untuk mengetepikan agama demi mengejar keghairahan khayalan sehingga menyebabkan kehilangan kehidupan yang lebih berkah di syurga. Bahkan, ianya pasti akan mengundang kecelakaan untuk selama-lamanya. Itulah orang-orang yang tidak memperolehi akhirat, kecuali neraka dan lenyaplah di akhirat itu apa yang mereka kerjakan (ketika di dunia) dan sia-sialah apa yang telah mereka usahakan (Surah Hud; 16)

Seperti yang dinyatakan di dalam ayat di atas, keghairahan dan ketamakan akan terbukti sebagai kesalahan dan batal, dan kebendaan yang mereka fikirkan mereka miliki akan hilang apabila menghadapi fakta ini; semuanya itu tidak akan berguna dan tidak mempunyai sebarang nilai.

Di ketika ini, satu fakta perlu ditegaskan, bukanlah yang dimaksudkan di sini bahawa kenyataan yang kamu hadapi menunjukkan bahawa 'segala pemilikan, harta, anak-anak, pasangan hidup, rakan-rakan, kedudukan yang lambat laun akan hilang, dan semuanya ini' tidak sama sekali bererti. Tetapi apa yang dimaksudkan di sini ialah 'segala harta yang kamu lihat sebenarnya tidak wujud sama sekali, tetapi ia hanyalah sekadar sebuah mimpi dan himpunan imej-imej yang ditunjukkan kepada kamu oleh Allah untuk menguji kamu'. Seperti yang dapat kamu saksikan, di sana terdapat perbezaan yang besar di antara kedua-dua kenyataan ini. Sekiranya kenyataan yang pertama diterima sebagai ukuran nilai, seseorang itu akan dikelirukan kepada memikirkan bahawa semua benda ini, manusia, hubungan dan status duniawi sebenarnya wujud, untuk suatu masa sementara, dan dia akan terus berusaha dengan tamak haloba untuk memiliki semuanya itu. Tetapi sekiranya diberikan kenyataan yang kedua, menunjukkan keadaan sebenar semua urusan, iaitu setiap sesuatu itu adalah bersifat ilusi, dan seseorang yang mempamerkan sifat tamak untuk tujuan ini pasti akan terhina dan sengsara kehilangan yang tidak pernah dialami sebelum ini.

Sekalipun seseorang itu tidak mahu mengambil kisah dengan fakta ini dan menipu dirinya dengan menganggap semua yang dimilikinya benar-benar wujud, tetapi di akhirnya ia akan mati dan di hari kemudian dia akan menyedari dengan sejelas-jelasnya bahawa dia sebenarnya telah diciptakan. Pada hari tersebut, 'lalu pandanganmu pada hari ini menjadi tajam'.

Surah Qaf;22, dan dia akan dapat melihat segala-galanya dengan lebih jelas.


Tetapi sekiranya dia menghabiskan seluruh hidupnya mengejar matlamat-matlamat khayalan, maka dia akan berharap untuk tidak

meninggalkan kehidupannya dan berkata; ***wahai kiranya kematian itulah yang menyelesaikan segalanya, hartaku sekali-kali tidak memberi manfaat kepadaku, telah hilang kekuasaanku daripadaku.*** Surah Al-Haqqah; 27-29.

Di satu sudut lain, apa yang harus dilakukan oleh orang yang bijak ialah cuba memahami hakikat alam semesta di dunia ini, sementara dia masih mempunyai peluang. Sekiranya tidak, dia hanya akan menghabiskan seluruh hidupnya mengejar mimpi-mimpi dan akhirnya berhadapan dengan penamat yang mengecewakan. Di dalam Al-Qur'an keadaan orang-orang yang mengejar ilusi-ilusi (fatamorgana) di dunia ini dan melupakan Pencipta mereka telah dijelaskan seperti berikut;

Dan orang-orang yang kafir amalan mereka adalah umpama fatamorgana di tanah yang datar, yang disangka air oleh orang-orang yang dahaga, tetapi bila didatanginya air itu dia tidak mendapatkan sesuatu apapun. Dan didapatinya (ketetapan) Allah di sisinya, lalu Allah memberikan kepadanya perhitungannya dengan cukup dan Allah adalah amat tepat perhitungannya (surah an-Nur; 39).

Mengapa Mereka Gagal Untuk Memahami?



If one ponders deeply on all that is said here, one will soon realize this amazing, extraordinary situation by oneself: that we can never have direct contact with the "external world" ...

Subjek yang telah kami terangkan di sini setakat ini merupakan di antara kebenaran terhebat yang tidak mungkin akan diberitahu kepada kamu sepanjang hidup kamu. Dengan membuktikan bahawa seluruh dunia material sebenarnya adalah sebuah 'kewujudan khayalan', subjek ini merupakan kunci untuk memahami kewujudan dan ciptaan Allah dan untuk memahami bahawa hanya Dialah satu-satunya yang wujud.

Orang yang memahami subjek ini pasti akan menyedari bahawa dunia ini bukanlah tempat seperti yang dianggap oleh kebanyakan orang. Dunia ini bukan tempat mutlak dengan kewujudan yang sebenar seperti yang disangkakan oleh mereka yang merayau-rayau tanpa tujuan di jalanan, yang

terlibat di dalam pergaduhan di pub-pub, mereka yang menunjuk-nunjuk di cafe mewah, yang bermegah dengan harta benda, atau yang memperuntukkan hidup mereka untuk tujuan yang kosong, dunia ini adalah sebuah himpunan persepsi, sebuah ilusi. Segalanya yang telah kami sebutkan di atas hanyalah kewujudan bayangan yang melihat persepsi-persepsi ini di dalam minda mereka; tetapi mereka sama sekali tidak menyedarinya.

Kebenaran yang telah diterangkan di sini adalah sangat berasas sama seperti hukum fizik atau pun formula kimia. Apabila dirasakan perlu, manusia boleh menyelesaikan sekalipun masalah matematik yang paling rumit, dan memahami subjek lain yang kelihatan amat sukar untuk difahami. Akan tetapi apabila orang yang sama diberitahu bahawa materi hanyalah sekadar suatu imej yang terbentuk di otak, mereka pula enggan untuk mengakui hal ini. Ini adalah satu contoh kes yang 'amat' tidak bijak. Dengan memahami subjek dengan persoalan semudah persoalan 'dua tambah dua?' atau 'berapa umur kamu?' atau semudah seperti seorang yang meminum segelas air yang menemui jawapannya; 'air apa yang kamu minum?', kerana semua fakta-fakta ini telah dibuktikan dengan jelas oleh dunia sains hari ini.

Di dalam bidang perubatan, sekiranya kamu menanyakan seorang pakar tentang bagaimana mata berfungsi, dia akan menerangkan kepada kamu subjek teknikal seperti yang telah kami terangkan di sini secara terperinci. Dia, bagaimanapun, tidak mengakui akan kebenaran terhadap bukti-bukti data teknikal ini; dia tidak akan mengakui bahawa 'ya, imej ini terbentuk di otak saya, maka ianya amat mustahil untuk saya memiliki idea tertentu terhadap apa yang berlaku di luar sana'; ataupun sekiranya kamu bertanya kepada orang itu, 'di mana bulan?' dia tidak akan berkata; 'bulan sebenarnya di dalam otak saya'. Dia tidak mengetahui tentang hal ini; kerana untuk menerima kebenaran ini atau untuk menyatakan secara terbuka akan menerangkan satu lagi fakta penting baginya. Disebabkan segalanya hanya sebuah ilusi yang

terbentuk di otak dan dilihatkannya, maka di sana sudah pasti ada Pencipta yang melihatkan imej-imej ini kepadanya.

Ini adalah sebab mengapa seseorang yang telah meluangkan masa yang panjang di dalam pendidikan, dan dikenali umum kerana mempunyai ijazah terbaik dalam pengkhususan di bidangnya, dari orang yang menjadi penasihat kepada pelbagai subjek, dan orang yang bercakap besar kerana kecerdikannya, tidak dapat memahami hakikat yang jelas seperti ini. Subjek ini mengingatkan orang seperti ini terhadap keagamaan, mengajaknya untuk mengiktiraf kewujudan Tuhan, keagunganNya yang tidak terbatas, dan bahawa Dialah satu-satunya pemilik segalanya. Atas sebab ini, syaitan mempengaruhi manusia untuk mengabaikan subjek ini. Seperti yang dinyatakan di dalam Al-Qur'an dengan merujuk kepada bangsa Saba. Syaitan telah menjadikan mereka memandang baik perbuatan-perbuatan mereka lalu menghalangi mereka dari jalan Allah, sehingga mereka tidak dapat petunjuk. Surah An-Naml;24, syaitan menjauhkan manusia dari kebenaran ini.

Orang yang terpengaruh dengan godaan syaitan akan gagal, dan tidak mampu untuk melihat kebenaran yang jelas terang di hadapan mereka. Keadaan mereka sama seperti orang yang mendakwa bahawa imej-imej yang ada di skrin tv 'benar-benar wujud', dan bahkan cuba untuk campurtangan dalam imej-imej ini. Ianya tidak jauh berbeza dari seorang yang memanjangkan tangannya mengambil pinggan berisi makanan di depan skrin tv, menganggapnya seolah benar. Ianya suatu bukti bahawa keadaan orang ini yang cuba untuk lari dari hakikat kebenaran ini adalah 'kelalaian yang paling besar'. Sebenarnya, kelalaian ini berakar dari diri mereka sendiri, sebagai orang yang tidak beriman, dilenyapkan kewarasan oleh Tuhan. Dalam Al-Qur'an, dinyatakan bahawa orang yang tidak beriman mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). ***Mereka itu umpama***

binatang ternakan bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai. (Surah Al-A'raf; 179).

Mesej di dalam ayat ini adalah satu mukjizat Al-Qur'an. Dalam Al-Qur'an, Tuhan menerangkan mengenai orang-orang yang berpendidikan, yang mampu memahami subjek-subjek teknikal, tetapi tidak dapat memahami kebenaran yang jelas mengenai hakikat semulajadi materi sedangkan ianya telah diterangkan kepada mereka dalam banyak hal. Satu lagi ayat mengenai subjek ini meramalkan takdir mereka;

Sesungguhnya orang-orang kafir sama sahaja bagi meeka, kamu beri peringatan atau tidak, mereka tidak juga akan beriman. Allah telah mengunci hati dan pendengaran mereka dan penglihatan mereka di tutup. Dan bagi mereka siksa yang amat berat. (Surah Al-Baqarah; 6-7)

Hari ini, Tuhan membenarkan segelintir manusia untuk memahami hal ini, akan tetapi, orang yang lari dari kebenaran hari ini mesti menyedari bahawa fakta saintifik ini akan, dalam masa beberapa tahun, mendapat penerimaan umum seantero dunia. Manusia pasti akan memahami bahawa mereka hidup dalam sebuah dunia khayalan yang dihadapkan kepada mereka seperti sebuah permainan. Pada masa yang telah Tuhan tetapkan, Dia akan membuka tabir penutup dari mata manusia dan melihatkan kepada mereka bahawa Dia adalah yang paling hampir kepada mereka, bahawa segalanya menyimpan ZatNya sebagai sebuah 'mimpi'. Manusia akan memahami dengan jelas fakta mengenai rahsia di sebalik materi, seperti mana fakta lain yang dinyatakan di dalam Al-Qur'an.

Footnotes

17. Ken Wilber, Holographic Paradigm and Other Paradoxes, p.20

18. Bertrand Russell, ABCof Relativity, George Allen and Unwin, London, 1964, pp. 161-162
19. Henri Bergson, Matter and Memory, Zone Books, New York, 1991
20. David Hume, A Treatise of Human Nature, Book I, Section IV:Of Personal Identity
21. Imam Rabbani, Hz. Mektupları (Letters of Rabbani), Vol II, 357. Letter, p. 163
22. Imam Rabbani, Hz. Mektupları (Letters of Rabbani), Vol II, 470. Letter, p.1432

Masa-Sifar dan Hakikat Takdir



Semua yang telah diterangkan di atas menunjukkan bahawa sebuah ruang tiga dimensi sebenarnya tidak wujud, ia hanyalah sangkaan yang diinspirasikan oleh persepsi-persepsi dan manusia menjalani kehidupannya di dalam "ruang kosong". Untuk mendakwa sebaliknya adalah bertentangan dengan sebab musabab dan kebenaran sains, kerana tidak ada bukti kewujudan sebuah dunia material tiga dimensi yang sah.

Fakta ini telah membatalkan dakwaan asas falsafah materialis yang mendasari teori evolusi. Ia adalah dakwaan yang menyatakan bahawa kebendaan adalah mutlak dan abadi. Dakwaan kedua yang dipegang oleh

falsafah materialis ini ialah bahawa masa adalah mutlak dan kekal. Ini juga merupakan kepercayaan karut sama seperti yang pertama juga.

Persepsi Masa

Persepsi yang kita gelar masa sebenarnya adalah satu metode perbandingan satu ketika dengan satu ketika yang lain. Kita dapat menjelaskannya dengan satu contoh. Sebagai contoh, apabila seseorang mengetuk satu objek, dia akan mendengar bunyi tertentu. Apabila dia mengetuk objek yang sama lima menit kemudian dia akan mendengar bunyi yang kedua. Orang tersebut menerima bahawa terdapat jeda (jarak bunyi) di antara bunyi yang pertama dan bunyi yang kedua, dan dia menamakan situasi ini sebagai jarak masa, tetapi ketika dia mendengar bunyi yang kedua, bunyi pertama yang didengarnya adalah tidak lebih daripada sebuah imaginasi di dalam mindanya sahaja. Ia hanyalah satu bit maklumat di dalam memorinya. Orang tersebut merumuskan persepsi masa dengan membandingkan saat kini dan apa yang ada di dalam memorinya. Sekiranya perbandingan ini tidak dilakukan, maka tidak ada apa yang dipanggil persepsi masa.

Biasanya, seseorang itu akan membuat perbandingan apabila melihat seseorang memasuki sebuah bilik melalui pintu dan duduk di atas kerusi sandar di tengah bilik. Pada waktu orang ini duduk di atas kerusi, imej yang berhubung dengan saat kelakuan ketika dia membuka pintu, berjalan ke dalam bilik, dan menuju ke arah kerusi tersebut, telah tersusun sebagai bit-bit maklumat di dalam otak. Persepsi masa terjadi apabila seseorang membandingkan lelaki yang duduk di atas kerusi dengan bit-bit maklumat yang dimilikinya.


Ringkasnya, masa terwujud sebagai hasil daripada perbandingan yang dilakukan di antara beberapa ilusi yang tersimpan di dalam otak. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai memori, maka otaknya tidak akan dapat membuat tafsiran seperti itu dan dengan itu persepsi masa tidak mungkin terbentuk. Sebab mengapa seseorang itu merasakan dirinya berusia 30 tahun

adalah kerana dia telah mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tiga puluh tahun ini. Sekiranya memorinya tidak wujud, maka dia tidak akan memikirkan tentang kewujudan satu jangka masa yang telah berlalu sebaliknya dia hanya akan mengalami satu keadaan "ketika" yang sedang dialaminya kini- yang merupakan satu hal yang sangat penting.

Penjelasan Saintifik Ruang Kosong

Mari kita jelaskan subjek ini dengan mengambil kira penjelasan para saintis dan golongan intelektual dalam subjek ini. Dengan menganggap bahawa masa berundur ke belakang, Francois Jacob, seorang intelektual terkenal dan profesor Kehormat Nobel di dalam bidang genetik, telah mengeluarkan kenyataan berikut di dalam bukunya *Le Jeu des Possibles* (The Possible and The Actual):

Filem yang dimainkan ke belakang, membolehkan kita membayangkan sebuah dunia yang berundur ke belakang. Sebuah dunia di mana susu memisahkan dirinya daripada kopi dan keluar daripada cawan untuk mendapatkan bekas susu: sebuah dunia di mana sinaran cahaya terpancar daripada dinding untuk dikutip di dalam sebuah perangkap (pusat graviti), sebagai memancar keluar daripada sumber cahaya: sebuah dunia di mana seketul batu terjun ke tangan seorang lelaki dengan kerjasama mengejut daripada titisan air membolehkan batu itu lompat keluar daripada air. Tetapi, di dalam sebuah dunia di mana masa mempunyai sifat-sifat terbalik, menyebabkan pemprosesan otak kita dan bagaimana memori mengumpul maklumat berfungsi secara songsang. Hal yang sama juga benar bagi masa lalu dan masa depan dan akan muncul kepada kita seperti mana ia muncul kini.[23](#)



All events that seem to have taken place in the past, or which will take place in the future, or are taking place in the present, have actually already taken place and ended in the Sight of Allah, Who is not bound by time or place. In the same manner, eternity has also been experienced and ended in the Sight of Allah. Just like the concurrent existence of the shots in a reel of film.

Memandangkan otak kita telah terbiasa dengan satu siri peristiwa tertentu, maka dunia ini tidak beroperasi sebagaimana yang dibayangkan di atas dan kita mendakwa masa berjalan ke hadapan. Tetapi, ini adalah sebuah keputusan yang dicapai di otak dan kerana itu ia bersifat relatif. Sekiranya bit maklumat dalam memori kita disusun seperti mana di dalam filem yang dimainkan ke belakang, bagi kita, aliran masa pasti akan menjadi seperti filem ini yang dimainkan ke belakang. Dalam situasi ini, kita akan merasakan yang lalu sebagai masa depan, dan masa depan sebagai masa lalu, dan kehidupan kita keseluruhannya bersifat songsang.

Sebenarnya, kita tidak akan dapat mengetahui bagaimana masa berjalan atau sama ada ia bergerak atau tidak. Ini merupakan satu petunjuk bahawa masa bukan sebuah fakta mutlak tetapi hanya sejenis persepsi.

Relatif masa adalah satu fakta yang telah diakui oleh ahli fizik terpenting abad ke 20, Albert Einstein, Lincoln Barnett menulis di dalam bukunya *The Universe and Dr Einstein*:

Seperti juga ruang mutlak, Einstein menolak konsep masa yang mutlak sebagai suatu yang masa sejagat yang tidak dapat di sekat bergerak, mengalir daripada masa silam yang luas masa depan yang tidak terbatas. Kebanyakan kekaburan yang menyelubungi Teori Relativiti berpunca daripada kelemahan manusia untuk menyedari bahawa deria masa, seperti juga warna adalah sebuah bentuk persepsi. Seperti ruang yang merupakan susunan objek-objek maka masa pula adalah aturan peristiwa-peristiwa. Subjektiviti masa dapat dijelaskan dengan melalui perkataan Einstein sendiri. "pengalaman seorang individu", menurut Einstein, "muncul kepada kita di dalam satu siri peristiwa-peristiwa: di dalam siri-siri ini, sebuah peristiwa yang ingati muncul di dalam keadaan tersusun berdasarkan kepada sifat "awal" dan "kemudian". Ia wujud untuk individu, satu masa-I, atau masa yang subjektif. Ini tidak dapat diukur di dalam sendiri. Saya boleh menggabungkan nombor-nombor dengan peristiwa-peristiwa, di dalam yang melibatkan sejumlah nombor yang menggabungkan peristiwa yang terkemudian dengan peristiwa-peristiwa yang awal. 24

Einstein sendiri menyatakan, seperti yang dipetik daripada buku Barnett: "ruang dan masa adalah bentuk-bentuk intuisi, yang tidak dapat dipisahkan daripada kesedaran seperti konsep kita terhadap warna, bentuk, atau saiz". Menurut Teori Relativiti Umum (Theory of General Relativity): "Masa mempunyai kewujudan tetap yang terpisah daripada aturan peristiwa oleh apa yang kita ge ukuran". 25

Memandangkan masa mengandungi persepsi, ia bergantung sepenuhnya ke atas penerima dan ia adalah relatif.

Kelajuan pergerakan masa disukat berdasarkan rujukan yang kita gunakan untuk mengukur kerana tidak terdapat jam semulajadi di dalam tubuh manusia untuk mengesannya, begitu j sedetik atau sejam atau sehari tidak bererti tanpa sebuah peristiwa untuk menandainya". 26

Relativiti masa adalah pengalaman yang kita alami di dalam mimpi. Walaupun apa yang kita lihat di dalam mimpi kelihatan mengambil masa berjam-jam, tetapi sebenarnya, ia hanya berlangsung selama beberapa minit, dan mungkin juga hanya beberapa saat.

Mari kita fikirkan sebuah contoh untuk menerangkan subjek ini dengan lebih jelas. Mari kita anggap bahawa kita telah dimasukkan ke dalam sebuah bilik yang mempunyai hanya sebuah tingkap yang direka dengan begitu teliti dan kita ditempatkan di situ untuk beberapa lama. Biarkan sebuah jam di dalam bilik tersebut supaya kita dapat melihat jumlah masa yang telah berlalu, pada masa yang sama, dibiarkan kita melihat matahari terbenam melalui tingkap bilik pada tempoh tertentu. Beberapa hari kemudian, jawapan yang kita berikan tentang berapa banyak masa yang telah diluahkan di dalam bilik tersebut akan berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang telah kita himpun dengan melihat kepada jam dari masa ke semasa dan kepada pengiraan yang kita lakukan dengan merujuk kepada berapa kali matahari terbenam dan terbit. Contohnya, kita anggarkan kita telah menghabiskan masa di dalam bilik tersebut selama tiga hari. Tetapi, sekiranya orang yang memasukkan kita ke dalam bilik tersebut datang kepada kita dan menyatakan bahawa kita telah meluahkan masa selama dua hari di dalam bilik tersebut dan bahawa matahari yang kita lihat melalui tingkap telah dihasilkan oleh sebuah mesin simulasi dan bahawa jam di dalam bilik tersebut telah diaturkan untuk bergerak pantas, oleh itu perkiraan yang kita lakukan itu tidak mempunyai sebarang erti.

Contoh ini membuktikan bahawa maklumat yang kita miliki tentang kadar berlalunya masa adalah berdasarkan kepada rujukan-rujukan relatif.

Dengan cara yang sama, seorang yang merasakan masa yang berlalu secara berbeza di bawah keadaan yang berbeza adalah bukti bahawa masa adalah satu persepsi yang bersifat psikologi. Sebagai contoh, sekiranya anda menemui seorang kawan, 10 minit yang tertanggung baginya akan kelihatan

seperti satu yang membosankan, atau sekurang-kurangnya satu masa yang panjang. atau bagi seorang yang tidak tidur yang mesti bangun pagi untuk ke sekolah atau pergi ke tempat kerja, tambahan 10 minit untuk tidur terlihat seperti suatu masa yang lama. Bahkan dia akan memikirkan bahawa dia telah meluangkan masa tidurnya di dalam 10 minit ini. Dalam sesetengah keadaan, apa yang terjadi adalah bertentangan. Seperti mana ketika kamu berada di zaman persekolahan, selepas berlalunya 40 minit masa kelas yang kelihatan seperti berabad lamanya, 10 minit rehat pula kelihatan seolah terlalu cepat berlalu.

Relativiti masa adalah sebuah fakta sains yang telah dibuktikan oleh metode sains. Teori Asas Relativiti Einstein menegaskan bahawa kelajuan masa berubah berdasarkan kepada kelajuan sesuatu objek dan jaraknya daripada medan graviti. Apabila kelajuan bertambah, masa akan menjadi singkat, mampat; menjadi perlahan seolah-olah ia berada pada tahap "berhenti".

Mari kita jelaskan dengan sebuah misal yang dibuat oleh Einstein sendiri. Bayangkan dua orang kembar, seorang tinggal di bumi dan seorang lagi mengembara di angkasa lepas pada kelajuan hampir sama dengan kelajuan cahaya. Apabila dia kembali, si pengembara akan mendapati saudaranya telah membesar lebih tua daripadanya. Puncanya adalah kerana masa berjalan perlahan kepada orang yang bergerak pada kelajuan yang hampir dengan kelajuan cahaya. Ibarat yang sama dilakukan kepada seorang ayah yang menjadi pengembara angkasa lepas dan anak lelakinya yang tinggal di bumi, sekiranya si ayah berusia 27 tahun ketika memulakan pengembaraan dan anak lelakinya berusia 3 tahun; maka apabila d [27](#)

Seperti dinyatakan sebelum ini, manusia diciptakan semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah, setiap yang disekeliling dan semua kehidupannya adalah sebagai ujian buatnya. Selepas kematian, setiap orang hanya dihisab berdasarkan apa yang telah dilakukan. Sebagai balasan perbuatannya, dia akan diberi ganjaran syurga atau diazab neraka.

Ringkasnya, kekayaan, kecantikan atau anak-anak tidak lagi berarti, melainkan taqwa, 'takut kepada Allah' adalah yang paling berharga ketika itu. Dan sekali-kali bukanlah harta dan bukan anak-anak kamu yang mendekatkan kamu kepada Kami sedikitpun; ***tetapi orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal saleh, mereka itulah yang memperoleh balasan berlipat ganda disebabkan apa yang telah mereka kerjakan; dan mereka aman sentosa di tempat-tempat yang tinggi (dalam surga).*** (Surah Saba, 37)

Harta benda dan anak-anak mereka tiada berguna sedikitpun (untuk menolong) mereka dari azab Allah. Mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya. (Surah al- Mujadilah, 17)

Bencana dan kemusnahan semulajadi. Dunia adalah suatu tempat kaku dan tetap. Semua kita sentiasa terdedah kepada ancaman semulajadi dalaman dan luaran. Hujan-hujan asteroid dan meteorit yang datang dari angkasa hanyalah beberapa faktor yang mempunyai risiko ancaman kepada bumi. Sekilas pandang bumi yang keras ini, sebenarnya mempunyai teras dalam yang terdiri dari unsur-unsur yang lebur. Sudah tentu kita tidak ingin memanjang-lebarkan hal ini disini, yang tidak dapat dilihat, 'teras yang merah menyala'. Di bumi juga terdapat, atmosfera yang mengelilingi bumi, yang merupakan satu penapis ancaman-ancaman luaran, tetapi tiada bahagian dunia ini yang terlepas dari ancaman atmosferik seperti kilat, guruh atau petir. Bencana-bencana alam seperti ini boleh menyerang pada bila-bila masa. Malapetaka ini boleh menyebabkan kemusnahan jiwa dan harta benda yang besar. Secara umumnya, istilah bencana alam 'semulajadi' merujuk kepada gempa bumi, kilat, banjir besar, kebakaran hutan global, hujan asid, dan gelombang tsunami dengan kekuatan dan kesan yang berbeza-beza. Kesan yang biasa ditinggalkan oleh malapetaka ini yang biasa dilihat mampu memusnahkan sebuah bandar dan seluruh penduduknya sekali. Apa yang

penting, tiada seorangpun manusia yang mampu memengaruhi atau menghalang bencana ini. Kemusnahan besar-besaran ini adalah waris yang tinggal dari semua bencana yang terjadi di planet ini. Biasanya satu-satu bencana hanya melibatkan bahagian tertentu sahaja dari bumi ini, terima kasih kepada 'keseimbangan semulajadi' yang diciptakan Allah yang merupakan perlindungan yang penting di bumi kepada semua makhluk hidupan termasuk manusia. Kebarangkalian terjadinya bencana alam yang memusnahkan ini terselindung dan tidak dihalangi oleh perlindungan ini. Allah menciptakan bencana-bencana ini untuk melihatkan bagaimana tahap keselamatan bumi yang kita duduki ini. Letupan-letupan bencana ini adalah sebagai peringatan kepada manusia sejagat bahawa sebenarnya manusia tidak mempunyai apa-apa kuasa mentadbir planet ini. Tambahan lagi, setiap bencana ini adalah sebagai maksud untuk memaklumkan mengenai kelemahan semulajadi manusia, beberapa amaran untuk orang yang tidak mahu merenung pengertian di sebalik semua kejadian ini dan mengambil pengajaran dari musibah orang lain. Apa pengajaran yang harus disimpulkan oleh manusia dari bencana-bencana sebegini? Bumi diciptakan khusus untuk manusia. Sebab utama manusia diciptakan adalah bukti seperti yang dinyatakan dalam ayat ini. ***Dan dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, dan adalah ArasyNya di atas air, agar Dia menguji siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya.***

(Surah Hud, 7)

'Setting' untuk 'ujian' ini terlalu panjang untuk diuraikan, setiap kejadian adalah satu komponen dari 'setting' yang canggih ini. Selanjutnya, semua fenomena ini tidak hanya terjadi sembarangan semata, bahkan semuanya mempunyai penjelasan saintifik. sebagai contoh, tarikan graviti bumi menyebabkan mengapa kita tidak terapung di angkasa. Hujan akan turun apabila wap air mencecah peringkat tertentu dalam saturasi (kepekatan). Sebab musabab yang sama juga sah untuk kematian, kemalangan atau penyakit. Banyak sebab-sebab boleh diuraikan dalam kes mengapa manusia mati, sakit atau kemalangan. Apa yang penting bukanlah jumlah semua

sebab-sebab ini, tetapi ialah sistem 'reliabiliti', (sistem di mana sebab dan akibat berada) satu aspek khusus sistem ini yang paling indah: setiap insiden yang terjadi melalui hukum ini (sistem realibiliti) dapat difahami oleh akal manusia sepenuhnya. Allah menjadikan bencana-bencana alam ini sebagai satu amaran buat manusia. Gempa bumi, sebagai contoh, membunuh beribu-ribu wanita dan anak kecil dan pemuda dan meninggalkan beribu-ribu lain dalam cedera. Orang yang tidak mempedulikan amaran Allah adalah orang yang cenderung mengambil fenomena 'semulajadi' (natural phenomenon) sebagai alasan dan sanga t sedikit menyedari bahwa Allah menjadikan semua ini dengan tujuan tertentu. Mari kita fikirkan sejenak; apa yang akan terjadi sekiranya hanya orang yang bersalah dimatikan lebih awal sebelum satu gempa bumi terjadi? Dalam kes ini, asas yang sesuai untuk ujian; manusia tidak akan terjadi. Inilah sebabnya Allah menjadikan setiap fenomena di dalam 'setting' semulajadi ini. Hanya orang yang menyedari kewujudan Allah dan merenung sedalamnya terhadap penciptaan Allah yang memahami rasional ketuhanan di sebalik pemandangan 'semulajadi' ini. Dalam ayat. Tiap-tiap yang bernyawa akan merasakan mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya). Dan hanya kepada Kami kamu dikembalikan. Allah menegaskan bahawa Dia akan menguji manusia melalui kebaikan sama seperti kejahatan. Semua peristiwa yang terjadi kepada manusia dalam hidupnya adalah sebahagian dari ujian ini. Orang yang benar-benar beriman akan memahami hakikat teka teki ini. Di mana saja mereka ditimpa musibah, mereka akan bersegera kepada Allah dan memohon ampun dariNya. Mereka adalah hamba Allah dan mengingati janji-janji Allah. Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar. (iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan "Innaa lillahi wa innaa ilaihi raaji'uun. ***Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat dari***

Tuhan mereka, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk. (Surah al- Baqarah, 155-157)

Seprti dinyatakan dalam ayat di atas, semua manusia yang beriman atau yang kafir akan diuji dengan berbagai cara; suatu ketika dengan bencana alam, dan ketika yang lain dengan musibah yang terjadi dalam kehidupan seharian, penyakit atau kemalangan. Musibah seperti ini menimpa individu tertentu sama seperti ia menimpa suatu masyarakat dan menyebabkan kehilangan harta benda dan kesengsaraan jiwa. Orang kaya jatuh bankrap, seorang gadis yang cantik mendapat parut cedera di wajahnya, bahkan sebuah bandar bertukar menjadi serpihan pecahan batu-b a tan oleh gempa bumi. Semua insi d en insiden ini jelas menunjukkan bagaimana, pada bila-bila masa ianya boleh mengubah seluruh hidup kita. Manusia seharusnya mengambil pengajaran dari peristiwa-peristiwa ini, satu yang pasti, bahawa Allah tidak mencipta sesuatu apapun tanpa sebarang tujuan, setiap bencana yang terjadi menjadi peringatan kepada manusia yang bertujuan menyelamatkan manusia dari angkara maksiat yang terjadi dalam masyarakat mereka. Dalam Al-Quran, Allah menyatakan bahawa tanpa sebarang keizinanNya, tiada suatupun yang akan terjadi di bumi. ***Tidak ada suatu pun musibah yang menimpa seseorang kecuali dengan izin Allah; dan barangsiapa yang beriman kepada Allah, nescaya Dia akan memberi petunjuk kepada hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. Sesuatu yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya. Barangsiapa menghendaki pahala dunia, nescaya Kami berikan kepadanya pahala dunia itu, dan barangsiapa menghendaki pahala akhirat, Kami berikan (pula) kepadanya pahala akhirat. Dan Kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur.*** (Taghabun, 11- Ali 'Imran,145)

Satu pengajaran yang boleh d ia mbil dari bencana-bencana ini ialah bahawa manusia yang menganggap dirinya hebat di muka bumi ini akan menyedari

bahawa ia sangat lemah dan sebenarnya tidak mempunyai kekuatan untuk mengendalikan semua ini, yang terjadi sekelip mata dengan izin Allah. Manusia tidak berdaya untuk menolong dirinya, apatah lagi orang lain. Subhanallah, ini dinyatakan dalam ayat Al-Quran. ***Jika Allah menimpakan suatu kemudharatan kepadamu, maka tidak ada yang dapat menghalangnya melainkan Dia sendiri. Dan jika Dia mendatangkan kebaikan kepadamu, maka Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*** (Al-An'aam.17) Dalam bab seterusnya, akan diterangkan jenis-jenis bencana-bencana yang bersifat ilusi di dunia ini, tujuannya ialah untuk mengingatkan manusia bahawa dunia ini bukanlah tempat di mana kebutaan terhadap bayangan duniawi berlaku. Insiden-insiden seperti ini menunjukkan keperluan yang amat sangat terhadap panduan dan pertolongan Allah. Rasa pergantungan ini satu kenyataan yang jelas bahawa manusia sangat lemah di hadapan Allah seperti dinyatakan di dalam sepotong ayat. ***tiadalah bagimu pelindung dan penolong selain Allah.***

(Ankabuut-22)

Gempa bumi. Gempa bumi yang membinasakan adalah kesan semulajadi yang berlaku di bumi. Kehilangan jiwa yang besar sering terjadi sewaktu gempa bumi. Kajian menunjukkan bahawa setiap 2 minit, di mana-mana di permukaan bumi mengalami peretakan. Menurut statistik, bumi bergoncang berjuta kali setiap tahun. Secara purata, kekuatan 300 ribu gempa bumi ini adalah kecil; gegaran-gegaran yang kecil (tidak mampu diikesan oleh pancaindera) dengan kuasa yang tidak menyebabkan kemusnahan, 20 jenis darinya adalah gegaran yang sangat kuat yang boleh menggegarkan daratan. Sekalipun gegaran ini tidak memusnahkan kawasan populasi yang luas, tetapi ia mampu mengakibatkan kematian dengan jumlah yang kecil, bahkan ada juga yang mampu memberikan kerugian ekonomi yang besar. Beberapa jenis gempa bumi selain yang disebutkan tadi mempunyai kekuatan yang boleh menghancurkan bangunan-bangunan.

Footnotes

23. François Jacob, *Le Jeu Des Possibles*, University of Washington Press, 1982, p. 111

24. Lincoln Barnett, *The Universe and Dr. Einstein*, William Sloane Associate, New York, 1948, p. 52-53

25. Lincoln Barnett, *The Universe and Dr. Einstein*, William Sloane Associate, New York, 1948, p. 17

26. Lincoln Barnett, *The Universe and Dr. Einstein*, William Sloane Associate, New York, 1948, p. 58

27. Paul Strathern, *The Big Idea: Einstein and Relativity*, Arrow Books, 1997, p. 57

Keabadian Baru Bermula



Maklum a t ini menunjukkan bahawa manusia jarang sekali berdepan dengan gempa bumi ini adalah perlindungan yang diberikan oleh Allah kepada manusia.

Hari ini, hanya pekan atau bandar tertentu sahaja yang menjadi sasaran gempa bumi yang memusnahkan itu, tetapi dengan izin Allah juga, gempa bumi yang menghancurkan keseluruhan planet bumi ini boleh terjadi pada bila-bila masa. Gegaran ini boleh menamatkan riwayat kehidupan manusia di muka bumi. Struktur bumi adalah sangat terdedah kepada gegaran, kerosakan drastik atau pecahan batu dengan jisimnya berlaku di dalam kerak

bumi atau sebahagian mantel luar akan menyebabkan bencana yang tidak akan melepaskan sesiapa.

Sebarang gempa bumi tidak mempunyai kaitan dengan jenis tanah yang menghasilkan kesan gelombang seismik yang bergerak melaluinya. Sebarang gempa bumi akan tetap berlaku sekalipun keadaan semulajadi yang merangsang kejadian gempabumi tidak wujud. Tetapi dengan keizinan Allah sebarang gempa bumi boleh berlaku pada bula-bila masa sekalipun. Allah merekacipta khusus beberapa kawasan yang tidak stabil dan tidak selamat dibumi; ini untuk mengingatkan manusia bahawa, pada sebarang detik, bencana yang mendadak menjadikan kehidupan mereka dalam bahaya.

Dalam Al-Quran, Allah mengkhabarkan mengenai bencana yang memusnahkan hidup ini. Maka apakah orang-orang yang membuat perancangan yang jahat itu, merasa aman (dari bencana) ditenggelamkannya bumi oleh Allah bersama mereka, atau datangnya azab kepada mereka dari tempat yang tidak mereka sedari. ***Atau Allah mengazab mereka di waktu mereka dalam perjalanan, maka sekali-kali mereka tidak dapat menolak (azab itu). Atau Allah mengazab mereka dengan beransur-ansur (sampai binasa). Maka sesungguhnya, Tuhanmu adalah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.*** An-Nahl.45-47. Gempa bumi yang menggoncang bumi yang berlaku dalam sekelip mata boleh terjadi beberapa jam, bahkan berterusan selama sehari.

Sementara baru pulih dari satu bencana yang menghancurkan, manusia boleh menderita akibat kea ialah al- Hafiz (Yang Menjaga), "Dialah yang Memelihara setiap sesuatu dengan perinciannya". Di sebalik sifat ini, di sana terdapat misteri-misteri tersembunyi yang amat penting.

"Ummil Kitab" (Lauhun Mahfuz)

Di dalam pandangan Tuhan, setiap sesuatu telah pun berlaku dan tamat dalam suatu ketika. Sejak dari permulaan masa, setiap sesuatu telah terjadi

pada ketika ini. Dalam pandangan Tuhan, semua maklumat berhubung dengan ketika ini disimpan di dalam sebuah "kitab". "Kitab utama" ini, atau nama yang digunakan untuknya di dalam Al-Qur'an, "Ibu Kitab", menyimpan setiap cebisan maklumat mengenai setiap sesuatu.

Dan sesungguhnya, ianya di dalam Ummul kitab, di sisi Kami, benar-benar mulia dan banyak mengandung hikmah". (Surah Az-Zukhruf: 4)

"... pada sisiNya terdapat Ummul kitab. (Surah Ar-Ra'd: 39)

"Di sisi Kami kitab yang memelihara. (Surah Qaf: 4)

Tiada sesuatupun yang ghaib di langit dan di bumi, melainkan dalam Kitab yang Nyata. (Surah An-Naml: 75)

Dan diletakkanlah kitab, lalu kamu akan melihat orang-orang yang bersalah ketakutan terhadap apa yang di dalamnya, dan mereka berkata: "aduhai celakalah kami, kitab apakah ini yang tidak meninggalkan yang kecil dan tidak pula yang besar tetapi ia mencatat semuanya dan mereka dapati apa yang telah mereka kerjakan ada (tertulis) dan Tuhanmu tidak menganiaya seorang juapun". (Surah Al-Kahfi: 49)

Dalam sebuah ayat lain juga Tuhan mengisytiharkan bahawa semua peristiwa yang dialami oleh seseorang, semua yang difikirkan dan semua yang menyimpannya tercatat di dalam Kitab ini:

Tiada suatu bencana pun yang menimpa di bumi dan pada diri mu sendiri melainkan telah tertulis di dalam kitab

sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah. (Surah Al-Hadid; 22)

Sebenarnya, setiap sesuatu, hidupan atau bukan hidupan, yang pernah wujud sejak permulaan alam semesta dan semua peristiwa yang telah terjadi, telah diciptakan oleh Tuhan. Kesimpulannya, Tuhan adalah amat mengetahui terhadap semuanya. Atau dalam kata lain, "semuanya itu wujud dalam memori Tuhan". Dalam pengertian ini, Umm Al-Kitab adalah satu manifestasi sifat Allah, Al-Hafiz.

Pada titik ini, kita menemui satu fakta yang mengejutkan: disebabkan memori Tuhan tidak terbatas, tiada satu kewujudan pun yang terlepas dariNya. Dalam kata lain, tiada suatu kehidupan yang diciptakan Tuhan musnah, tiada bunga yang layu, tiada minuman yang habis, tiada suatu jangka masa yang berakhir, tiada makanan yang habis dimakan. Setiap detik Tuhan mencipta dan setiap perincian yang tepat diciptakan dalam keabadian dan ianya "ditakdirkan untuk kekal".



Every moment pertaining to the collapse of these buildings is kept in the Sight of Allah.

Apakah maksud frasa "ditakdirkan untuk kekal" ini?

Mari kita menggambarkan penjelasan ini sebagai berikut: keabadian baru bermula bagi sesuatu benda atau peristiwa sejak ia mula diciptakan. Sebagai contoh, apabila sekuntum bunga diciptakan, ianya secara realiti, ditakdirkan untuk kekal. Kenyataan bahawa bunga ini layu menjadi sebahagian sensasi bagi seseorang dan dipadamkan dari ingatan seseorang tidaklah bererti ianya musnah atau mati. Keadaanya di pandangan Tuhan ialah keadaan yang sebenarnya. Selanjutnya, semua keadaan zat-zat ini menjadi satu penciptaan buatnya, setiap detik sepanjang kehidupan atau kematian, tetap wujud di dalam memori Tuhan.

Tuhan mengurniakan keabadian terhadap semua yang telah diciptakannya. Iaitu, keabadian direalisasikan dalam setiap zat yang diciptakan sejak saat ia diciptakan. Untuk mendapatkan kefahaman yang jitu dalam hal ini, seseorang harus memikirkan setiap zat dan peristiwa secara individu. Sebelum melanjutkan subjek ini, ianya adalah amat berguna untuk menekankan fakta berikut: apa yang telah dinyatakan sejauh ini, bersama-sama dengan yang berikutnya, adalah maklumat yang paling penting yang tidak pernah didapati oleh seseorang di dalam hidupnya. Amat mungkin, kebanyakan orang telah mendengar dan memikirkan fakta-fakta berkenaan masa-sifar untuk pertama kali dalam hidupnya. Bagaimanapun, suatu yang penting untuk diletakkan di dalam minda: Tuhan, di dalam Al-Qur'an menarik perhatian kita kepada fakta bahawa "hanya orang yang benar-benar ikhlas kepada Tuhan" yang mengambil peduli. Dalam kata lain, hanya orang-orang yang benar-benar mencari hidayah Tuhan dan berusaha untuk mengagungkan KebesaranNya dan KeagunganNya akan mengambil peduli perbahasan-perbahasan ini dan memahami fakta-fakta ini.

Manusia Dalam Keabadian

Tuhan, yang maha Pencipta, adalah Zat yang mencipta setiap sesuatu dari tiada dan yang menciptakan segalanya dengan pengetahuan apa yang akan terjadi kepada mereka. Sebagai satu manifestasi sifat Tuhan ini, di saat Dia menciptakan manusia di dalam kandungan ibunya, keabadian telah bermula bagi diri manusia itu. Sudah tentu, manusia tidak mengingat peringkat-peringkat tumbesarnya di dalam kandungan. Tetapi, setiap detik perkembangannya hadir di penglihatan Tuhan dan tidak sama sekali hilang. Hal yang sama, ianya sudah pasti bahawa fasa-fasa permulaan dan peringkat perkembangan seorang manusia tidak tersimpan dalam memorinya sendiri. Kecuali dikhabarkan oleh Tuhan, manusia tidak akan berhasil untuk melihat saat ini. Seseengah detik bagaimanapun masih kekal sebagai memori-memori. Suatu detik yang kita alami adalah suatu sensasi tulen yang diperlihatkan kepada roh kita. Akan tetapi, dalam memori Tuhan yang tidak terbatas, setiap sesuatu kekal seperti mana seadanya. Setiap yang ditemui di dalam kehidupan, semua maklumat berhubung pengalaman seseorang, adalah diciptakan oleh Tuhan dan tidak pernah hilang. Seperti yang dinyatakan di dalam ayat berikut, segala sesuatu yang wujud kekal dalam pandangan Tuhan.

" ...Demikian itu agar kamu tahu bahawa sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi dan bahawa sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. (Surah Al-Maidah: 97)

Bayangkan Nabi Adam a.s sebagai contoh; semua perincian berhubung penciptaan Adam di syurga sebelum diturunkan ke bumi, dan cara dia di uji di syurga semuanya termaktub di dalam Umm Al-Kitab. Permulaan penciptaan Adam dari tanah liat, saat malaikat sujud kepadanya, dan sebaik sahaja ia diturunkan ke bumi dan semua peristiwa yang dialaminya adalah jelas dan wujud sehingga sekarang. Tiada suatu pun yang lenyap, semuanya itu wujud di dalam pandangan Tuhan, dengan pengetahuan yang amat sempurna.

Satu lagi contoh, coba fikirkan seseorang yang bersedih atas kematian kucingnya, sebenarnya, di saat kucing itu mati dan di saat kucing itu masih anak, dan keseluruhan detik perkembangannya sejak dilahirkan adalah tersimpan kemas di memori Tuhan. Dan begitu juga, di saat tuan kucing itu pergi bekerja atau di saat dia tidak bersama-sama dengan kucingnya tersimpan jelas di dalam penglihatan Tuhan. Kesimpulannya, kematian bukanlah saat yang mengakhiri kewujudan sesuatu yang wujud, untuk selama-lamanya, setiap sesuatu wujud dalam pandangan Tuhan.

Begitu juga, saat Nabi Sulaiman mengusap kaki kudanya juga adalah kekal. Saat kuda-kuda ini bersembunyi di balik tirai, saat Nabi Sulaiman menghantar utusan kepada Permaisuri Saba, saat surat utusan ini dibaca oleh Permaisuri dan askar-askarnya, saat Permaisuri dijemput ke istana Nabi Sulaiman, saat Permaisuri beranggapan lantai istana Nabi Sulaiman adalah sebuah tasik dan kata-kata yang diucapkan oleh Permaisuri: ***"Mulai sekarang aku memeluk islam bersama Sulaiman, kepada Tuhan segala alam"***.

(Surah An-Naml: 44), semuanya adalah tetap wujud dan akan terus wujud selama-lamanya.

Contoh-contoh ini mesti difikirkan sedalam-dalamnya dan dengan terperinci. Anggaphlah sekarang ini di zaman Nabi Nuh a.s, di saat baju seorang lelaki yang masih belum siap dijahit dan di saat selepas beberapa ketika dijahit oleh tukang jahit. Baju ini, saat ia ditenun dengan mesin tenun, di saat baju ini masih dalam bentuk kapas, di saat ia ditenun, di saat tukang jahit itu menggunakan jarum menenunnya, proses di mana baju ini masih belum siap untuk digunakan, ringkasnya, setiap peringkat, setiap saat, bahkan setiap detik yang dilalui oleh baju ini tersimpan di dalam memori Tuhan. Di saat ini, baju yang telah ditenun ini, masih tetap di jahit dan masih dipakai oleh pemiliknya yang hidup di zaman nabi Nuh a.s.

Mari kita fikirkan mengenai jam antik di rumah kamu. Semua peringkat-peringkat pembuatan yang berlaku 200 tahun lalu bersama-sama

dengan pembuatan sebuah wayar di dalam jam ini, di saat jarum jam dan minit diletakkan di dalamnya, di saat jam ini di jual di kedai dan dibeli oleh pelanggan, kemudian di saat jam ini sudah tidak berfungsi dan diberikan kepada orang yang memungut bahan-bahan terbuang, di saat moyang kamu membelinya darinya dan di saat jam ini diwariskan kepada nenek kemudian ayah kamu dan kemudian kepada kamu, saat kamu menyimpan jam ini di dalam bilik kamu dan melihatnya dengan penuh keminatan, ringkasnya, setiap detik sejarah kehidupan jam ini kekal tersimpan di dalam pandangan Tuhan. Dalam istilah yang lebih tepat, jam ini masih berfungsi sehingga saat ini, ianya juga berhenti berfungsi di saat ini, saat diletakkan di dalam bilik kamu dan saat ia dibeli oleh datuk kamu adalah berlaku di saat ini. Semua peristiwa ini adalah hadir di dalam memori Tuhan. Bahkan, bukan sekadar yang dilalui di masa lalu tetapi juga saat yang dilaluinya di masa hadapan- sudah pasti ini adalah 'masa depan' bagi kamu - diketahui oleh Tuhan dan terpelihara dipandanganNya. Saat jam ini diletakkan di rumah anak kamu 40 tahun akan datang dan saat jam ini hancur 300 tahun akan datang juga telah termaktub di dalam Ummul kitab.

Ayat "Dia mengetahui apa yang ada di depan mereka dan apa yang ada di belakang mereka. Tetapi pengetahuan mereka tidak meliputinyaNya. (surah Ta Ha:10) merujuk kepada fakta ini. (Allahu a'lam bissawab). Ini adalah kerana Tuhan mengetahui setiap zat detik demi detik. Dia mengetahui apa yang telah terjadi sama seperti yang akan terjadi, iaitu, dalam perkataan Al-Qur'an, "apa yang di depan mereka dan apa yang di belakang mereka", pada setiap peringkat. Dalam sebuah ayat lain. Tuhan sekali lagi mengingatkan kita mengenai fakta bahawa setiap sesuatu adalah di dalam pengetahuanNya;

Sesungguhnya bagi Allah tidak ada satupun yang tersembunyi di bumi dan tidak (pula) di langit. (Surah Ali Imran; 5)

Semua Peristiwa Sedang Terjadi di Saat Ini!

Sebuah contoh yang akan memberi kefahaman yang baik mengenai fakta ini iaitu, di dalam pandangan Tuhan, setiap insiden berlaku serentak di dalam suatu ketika. Anggaphlah bahawa kamu memiliki sebuah gambar mengenai kota besar yang terbentang di depan kamu. Jalanraya, kenderaan, bangunan yang berdiri sebelah menyebelah dan manusia yang jelas kelihatan di dalam gambar ini. Cuba bayangkan bahawa di sana seorang lelaki yang sedang menyeberang dari hujung ke hujung bandar ini. Dalam penglihatan lelaki ini, di sana terdapat jarak tertentu yang harus dilalui dari pinggir kota ini ke penghujung yang satu lagi dengan mengambil masa tertentu. Ianya sudah pasti bagi lelaki ini mengambil beberapa waktu untuk sampai ke destinasiya. Ianya tidak mungkin baginya untuk berada di kedua-dua tempat pada masa yang sama. Tetapi, hal ini bukanlah menjadi masalah bagi kamu yang melihat gambar ini dari sudut luar. Seimbias pandang, kamu dapat melihat keseluruhan bandar ini dalam suatu detik. Bahkan, kamu tidak memerlukan suatu peruntukan masa khusus untuk melakukannya.



For someone who crosses the street from one side to the other, there is a certain distance to be crossed. A person, however, who looks at this street from a bird's eye view, feels no difficulty in seeing every point in this street from one end to another.

Keadaan yang ditunjukkan dalam contoh di atas juga benar untuk manusia seperti kita yang diterhadkan di dalam satu dimensi yang khusus. Bagi kita, untuk sampai ke destinasi akan menjadi kenyataan dengan melalui masa dan dengan menggunakan sedikit tenaga. Bagaimanapun, bagi Tuhan, Maha Pencipta semua dimensi, hanya mengambil satu ketika bagi semua peristiwa berlaku.


Fakta kedua yang terpenting ialah keserentakan semua peristiwa ini. Seperti dinyatakan lebih awal, dalam pandangan Tuhan, ianya tidak mungkin untuk bercakap mengenai suatu bentuk masa; semuanya telah terjadi dan berakhir pada suatu ketika.

Nabi Adam a.s diciptakan dari tanah di saat ini, malaikat bersujud kepada Nabi Adam juga berlaku di ketika ini. Hal yang sama, dia dihantar ke dunia juga adalah di saat ini. Bahkan 'saat' yang kita perkatakan adalah 'saat' kamu membaca garis ini.

Sebuah contoh lagi akan menjelaskan hal ini. Cuba bayangkan mengenai Nabi Musa. Di saat ibunya memutuskan untuk meletakkannya di dalam sebuah kotak dan menghanyutkannya di Sungai Nil, semuanya masih wujud; saat ini tidak pernah lenyap dan akan terus wujud selamanya. Di saat Nabi Musa bertemu dengan Firaun dan menyampaikan ajaran Tuhan kepadanya juga masih wujud. Realitinya, di saat ini jugalah Nabi Musa menyeru Firaun untuk menerima agama kebenaran. Begitu juga, saat inilah juga Nabi Musa menerima wahyu Tuhan di lembah suci Tur. Saat inilah juga Nabi Musa melarikan diri dari Firaun dan tenteranya dan di saat inilah juga Laut Merah terbelah dan diseberangi oleh Nabi Musa bersama pengikutnya. Begitu juga halnya pada semua peristiwa, keabadian yang berlangsung sama seperti saat laut itu terbelah akan kekal dan sentiasa wujud di ingatan Tuhan.

Di saat Maryam hamil, di saat melahirkan Nabi Isa di bawah pohon kurma, di saat Maryam kembali kepada kaumnya, di saat Nabi Isa bercakap kepada mereka sedangkan masih di dalam ayunan, begitu juga halnya ketika Nabi Isa bertanya "siapa yang akan menjadi pembantuku?" kepada pengikutnya, dan ketika dibangkitkan oleh Tuhan, semuanya ini sedang terjadi di saat ini. Sebenarnya bukan sahaja peristiwa yang kita pernah ketahui, tetapi juga berkenaan peristiwa yang kita tidak tahu sama sekali yang terjadi di masa depan, realitinya sedang berlaku di saat ini. Setiap saat Nabi Isa diutuskan ke dunia ini, mendakwah ajaran Tuhannya kepada pengikutnya, saat kembalinya ke dunia, setiap ucapan yang disampaikan untuk mengajak manusia ke jalan yang benar, kematian dan kebangkitannya di Hari Kemudian begitu juga saat dia dialu-alukan oleh malaikat ketika memasuki syurga adalah sedang terjadi di saat ini.

Hal yang sama juga benar bagi seorang yang pernah hidup 3000 tahun sebelum masihi lalu. Seorang lelaki yang duduk di bawah seponon pokok di waktu dinihari dalam tahun 3000 sebelum masihi ketika memerhatikan seekor kumbang yang hinggap di jarinya dan yang mengagungkan kebesaran penciptaan Tuhan, sebenarnya melakukan aksi ini di ketika ini. Bahkan, di saat kumbang itu kembali ke sarangnya, demikian juga saat-saat yang dilalui oleh kumbang itu, bermula saat ia lahir sehingga kematiannya, semuanya tersimpan di dalam memori Tuhan. Kesimpulannya, semua peristiwa ini terjadi dalam suatu ketika, bahkan di saat kamu membaca perenggan ini.



Moment by moment, every picture above shows an image of the vehicle crossing the bridge. A person traveling by this vehicle supposes that a particular period of time is spent in crossing the bridge. However, we can see all of these pictures at a single moment.

Semua contoh-contoh ini menjelaskan sekali lagi, satu fakta yang penting; tiada suatu pun dari ketika-ketika, peristiwa-peristiwa, makhluk hidupan yang wujud di masa lalu hilang dari kewujudannya dan semua itu tidak akan pernah lenyap. Sebuah filem yang kita tonton di tv yang dirakamkan di dalam jalur filem dan gambar yang bergerak yang mengandungi filem itu tidak lenyap, samada kita melihatnya atau tidak. Hal yang sama juga benar untuk setiap dan segalanya yang kita lakukan di dalam hidup berkaitan di masa lalu atau hadapan.

lanya satu keperluan bahawa hal ini harus di fahami. Tiada satu pun peristiwa-peristiwa ini yang sama dengan ingatan, kenangan atau imej.

Semuanya itu jelas, setiap sesuatu tetap tersimpan seperti adanya, dan sama seperti saat yang kita alami ketika ini. Kita merasakan semua itu sebagai satu insiden yang sudah berlalu kerana Tuhan tidak menghadirkan gambaran-gambaran ini kepada kita. Bagaimanapun, pada bila-bila masa Dia kehendaki, Tuhan akan mempamerkan semua imej ini kepada kita, membuatkan kita percaya bahawa kita sebenarnya mengalami semua itu.

Masa Lalu, Sekarang Dan Akan Datang: Semuanya Serupa

Seperti mana yang telah dijelaskan, di pandangan Tuhan, semua peristiwa yang terjadi di muka bumi selama ini, sebenarnya berlaku pada suatu ketika. Apa yang dialami oleh Nabi Musa, Ibrahim, Nuh, Sulaiman, dan Muhammad s.a.w bersama-sama dengan nabi-nabi yang lain sebenarnya sedang dialami di saat yang kita sedang berada ini. Hal yang sama, apa yang dilalui oleh cucu kita, atau cucu kepada cucu kita, demikian juga manusia yang hidup sehingga di hari kiamat berlaku pada satu dan ketika yang sama. Di antara mereka semua ini yang beriman berada di syurga dan yang tidak beriman berada di dalam neraka, sengsara menanggung azab.

Apa yang dialami oleh Nabi kita juga akan kekal di dalam penglihatan Tuhan selamanya. Peristiwa-peristiwa ini akan dipersembahkan kepada sensasi-sensasi kita sama seperti ketika ia terjadi 1400 tahun lalu.


Bagaimanapun, hakikatnya ialah, di saat ini jugalah Nabi kita diangkat naik ke langit, saat ini jugalah dia menyembunyikan dirinya di dalam gua bersama sahabatnya. Begitu juga, saat ini jugalah Nabi Muhammad menyampaikan dakwah Tuhan kepada golongan kuffar. Sebenarnya semua kejadian ini bukanlah berlaku di masa lalu. Sebaliknya, semua insiden ini ditakdirkan untuk wujud selama-lamanya. Sebab mengapa kita tidak dapat melihat, menyaksikan atau mengalami semua ini adalah kerana ianya tidak hadir di dalam memori kita.

Hal yang sama juga benar bagi semua peristiwa yang berlaku dan manusia yang pernah hadir ke bumi sepanjang masa. Ahli falsafah di zaman Greek

kuno, bangsa Sumeria yang merintis penulisan pepaku (cueniform writing), Cleopatra, Permaisuri Mesir, seniman di Zaman Renaissance, saintis di abad ke 19, para diktator di abad ke 20 dan semua manusia termasuk juga datuk kamu, datuk kepada datuk kamu dan kamu sendiri, hakikatnya hidup di suatu ketika yang sama.

Tiada satu pun dari peristiwa ini yang lenyap; kesemuanya terus wujud tanpa perubahan. Askar perang salib, penghijrahan beramai-ramai, perang dunia pertama dan kedua, sekalipun kelihatan telah berlalu dalam bentuk peristiwa sejarah, sebenarnya adalah peristiwa yang terjadi di saat ini dan semuanya itu akan tetap wujud selama-lamanya. Hal yang sama, bangsa Mesir, tamadun Mexico, Greek dan Anatolia purba semuanya wujud di ketika yang sama.

Hujan yang membanjiri sebidang tanah milik seorang lelaki yang menyara hidupnya sebagai seorang petani 1000 tahun sebelum masihi di Mesopotamia, dan di saat petani ini basah kuyup di dalam hujan semuanya hadir di penglihatan Tuhan. Seekor labah-labah yang membuat sarangnya di sebatang dahan pokok ketika zaman Akkadia, begitu juga sedang membuat sarangnya ketika ini. Labah-labah yang sama, di sudut sarangnya, sedang menanti mangsanya di saat ini. Bahkan, di saat yang sama ketika kamu cuba menggambar labah-labah ini di kepala kamu, ia sedang bertelur, mengumpulkan di belakangnya, dan menjaga mereka. Di saat ini jugalah, telur itu retak dan anak-anaknya menetas.



All construction stages of these buildings as well as their current state are in the Sight of Allah. Every deed engaged in by the former dwellers of these buildings is kept "right now" in the Sight of Allah.

Tiada suatu pun yang dilupakan; Hasil penciptaan Tuhan memberikan pelbagai faedah. Jadi, tiada yang lenyap, musnah atau terbang. Manusia itu tidak melihat, mengetahui atau mengalami semua kejadian ini tidaklah bererti bahawa mereka semuanya tidak berlaku ketika ini. Kerana Tuhan adalah bebas dari belenggu masa, segala sesuatu telah pun terjadi dan tamat dipandanganNya. Akan tetapi, disebabkan terikat oleh masa, pengalaman seseorang itu timbul dalam bentuk satu turutan kejadian-kejadian yang mana secara jelas berasaskan kriteria-kriteria masa lalu, sekarang dan akan datang. Bagaimanapun seperti yang telah dinyatakan awal lagi, 'peristiwa-peristiwa masih belum di alami' bukanlah 'belum di alami' bagi kita. Masa lalu, depan dan sekarang semuanya adalah sama bagi Tuhan. Ini adalah sebab mengapa Tuhan maha mengetahui setiap sesuatu. Fakta ini dinyatakan di dalam ayat berikut;

Hai anakku, sesungguhnya jika ada (sesuatu perbuatan) seberat biji sawi di dalam batu atau di langit atau di dalam bumi, nescaya Allah akan mendatangkannya (membalasnya). Sesungguhnya Allah maha halus lagi maha mengetahui. (Surah Luqman; 16).

Kehidupan Kamu Juga Adalah Suatu Detik

Untuk memahami fakta ini, di sana tidak ada sebab untuk hanya sekadar menghayati peristiwa-peristiwa atau mengembara ke dalam lembaran sejarah. Hidup seseorang, yang dianggapnya terlalu lama juga hanyalah sekadar suatu detik. Saat kamu dilahirkan, dan saat ibu kamu mendakap kelahiran kamu pertama kali juga masih wujud. Saat itu atau peristiwa ini akan terus wujud selama-lamanya kerana ianya disimpan di dalam memori Tuhan. Tetapi seperti yang telah dinyatakan, oleh kerana maklumat yang kamu miliki mengenai dunia hanyalah disampaikan kepada kamu melalui lima pancaindera kamu dan tidak ada sebarang maklumat berhubung imej sebegini yang tersimpan di memori kamu, maka kamu tidak dapat melihat adegan ini. Begitu juga semua kejadian yang kamu alami sepanjang hidup kamu. Hari kamu mendaftar di sekolah rendah, hari jadi seorang yang kamu raikan, sebuah pengalaman yang kamu alami, hari kamu 'digraduatekan' di sekolah menengah, hari perkahwinan kamu dan hal lain yang mengubah hidup kamu, di dalam pandangan Tuhan, berlaku hanyalah sekadar suatu ketika. Tidak ada suatu pun dari peristiwa ini yang lenyap, semuanya akan tetap wujud selamanya.

Hal yang sama, rasa manis yang kamu rasakan pada coklat ketika kamu berusia lima tahun, rasa takut yang kamu rasakan ketika kamu bangun pada hari pertama persekolahan dalam hidup kamu, rasa bosan yang kamu alami ketika berada dalam sebuah kelas yang kamu hadiri, rasa sukar suatu persamaan yang ditulis oleh guru matematik kamu di papan hitam, kesedihan yang kamu rasakan ketika kamu kehilangan sahabat karib di dalam kemalangan jalanraya, kegembiraan yang kamu rasakan ketika berjaya di

dalam bidang akademik, rasa kebahagiaan yang kamu rasakan ketika mendapati impian besar dalam hidup kamu tercapai, ringkasnya, semua pengalaman dan perasaan itu kekal seperti seadanya; cuma tidak tersimpan di dalam memori kamu. Kamu merasakan apa yang tersimpan di dalam ingatan kamu hanya sebagai suatu yang telah berlalu. Sekalipun kesemua itu tetap wujud di saat ini, otak tidak akan dapat merasa adegan ini, kerana beginilah cara ujian yang dihadapkan kepada manusia. Dengan mempercayai bahawa mereka terikat dengan satu aliran masa yang tetap, dan tidak berbeza, yang mengalir dari masa lalu sehingga masa depan, manusia menganggap kehidupan mereka terbahagi kepada beberapa fasa yang berbeza, yang dinamakan masa lalu, sekarang dan masa depan. Hal ini sebenarnya menjadi halangan terbesar bagi mereka untuk memahami peristiwa khusus seperti kejadian Hari Kemudian, bila dan di mana syurga, neraka dan hari penghitungan akan terjadi. Mereka tidak dapat menghubungkan konsep masa di dalam pandangan Tuhan kepada konsep masa yang membelenggu manusia.



The human being in the picture is being born "right now"; he is fishing, he is receiving his diploma, getting married and even having children and grandchildren "right at this moment." Furthermore, he is dying now and likewise, he is being judged in the Sight of Allah.

Bagaimanapun, dengan memahami bahawa setiap makhluk hidupan, setiap peristiwa dan segala sesuatu sebenarnya yang diciptakan secara kekal ruang demi ruang sama seperti ruang-ruang dalam segulung filem dan dibawa secara serentak akan memudahkan usaha untuk memahami hal ini.

Di sisi Tuhan, semuanya telah pun terjadi dan telah pun tamat, setengah orang mempercayai amalan khurafat iaitu Tuhan mencipta alam semesta dan mengurniakan manusia dengan suatu jangka hayat tertentu dan menunggu mereka untuk di uji (wal ya uzubillah min zalik). Dan Dia akan menunggu sehingga berakhirnya alam semesta. Sudah pastinya hal ini adalah amat mustahil. Menunggu adalah satu kelemahan yang biasa kepada manusia dan Tuhan maha suci dari bersifat lemah. Sifat Tuhan, Al-Quddus (suci), dengan yang mana dimaklumkan oleh Tuhan di dalam Al-Qur'an kepada manusia, bermaksud "bebas dari sebarang kesilapan, kelemahan dan dari sebarang kekurangan'. Inilah sebab mengapa Tuhan mengetahui masa lalu dan masa hadapan semua manusia, begitu juga peristiwa yang menimpa mereka, dengan amat terperinci. Tetapi manusia, dalam hidupnya, arena ujian ini, menganggap masa sebagai garisan yang mempunyai permulaan dan pengakhiran. Tetapi, seperti yang dinyatakan, bukanlah suatu yang mudah untuk berkata tentang konsep masa lalu dan sekarang. Setiap sesuatu, semua manusia, semua makhluk hidupan hidup secara serentak. Semua umur, minit, saat dan semua hari-hari, jam dan ketika adalah berlaku pada ketika yang sama. Sekalipun manusia tidak mampu melihat hal ini disebabkan kemampuan sensasi yang terhad, hakikatnya fakta ini adalah bukti. Dalam bab 'Relativiti Al-Qur'an', beberapa contoh telah diberikan untuk menerangkan perbezaan di antara masa yang membelenggu manusia dan masa di sisi Tuhan. Tuhan menarik perhatian kita kepada hal ini dalam ayat berikut;

Dan mereka meminta kepadamu agar azab itu disegerakan, padahal Allah sekali-kali tidak akan menyalahi janjinya. Sesungguhnya sehari di sisi Tuhanmu adalah seperti seribu tahun dari tahun-tahun yang kamu hitung. (Surah al-Hajj; 47).

Tuhan, al-Hasib, maha mengetahui secara terperinci apa yang dilakukan oleh manusia sepanjang hidupnya. Sekiranya seorang mengingati bahawa tiada suatu pun yang dialaminya akan lenyap dan semua yang dilakukannya akan tetap wujud, orang itu pasti akan memahami dengan baik sifat Tuhan ini. Tuhan mengetahui setiap sesuatu, setiap suatu yang berkaitan dengan setiap peristiwa yang dialami dinyatakan di dalam ayat berikut;

Sesungguhnya Allah, hanya pada sisiNya sajalah pengetahuan tentang Hari Kiamat dan Dialah yang menurunkan hujan dan mengetahui apa yang ada di dalam rahim dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui apa yang akan diusahakannya besok dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi mana ia akan mati. Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha mengenal. (Surah Luqman; 34).

Ini adalah sebab utama mengapa orang beriman mengagungkan kebesaran Tuhan, tunduk kepadaNya dan bertawakkal sepenuhnya kepada Tuhan. KeagunganNya cukup jelas mengingatkan seseorang bahawa bagaimana lemahnya seseorang dan bagaimana seseorang itu sangat berhajat kepadaNya. Mereka menyedari kelemahan mereka berbanding Tuhan. Ketinggian moral sebegini yang dipamerkan oleh orang yang beriman dinyatakan di dalam Al-Qur'an.

Katakanlah; sekali-kali tidak akan menimpa kami melainkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kami. Dialah pelindung kami dan hanyalah kepada Allah orang-orang yang beriman harus bertawakkal. (Surah At-Taubah; 51)

Katakanlah: aku tidak berkuasa mendatangkan kemudharatan dan tidak (pula) kemanfaatan kepada diriku melainkan apa yang Allah kehendaki. (Surah Yunus;49)

Orang yang beriman dijamin dan mereka yang berkata sebegini adalah mereka yang memahami benar akan sifat Allah. Dan inilah yang menjadikan mereka menyerahkan kepatuhan mereka kepadaNya.

Mati Bukanlah Suatu Kepupusan

Kematian juga adalah satu isu yang sering disalah tanggap oleh masyarakat umum. Seorang yang mati dianggap sebagai telah tiada. Kerana mereka tidak mempunyai maklumat yang mencukupi berhubung dengan hari kemudian, kehidupan abadi, syurga dan neraka, manusia secara umum samada tidak percaya kepada hari kebangkitan selepas mati ataupun mempunyai keyakinan yang samar-samar mengenainya. Akibatnya, majoriti menganggap mereka telah kehilangan seseorang selama-lamanya sekiranya orang itu mati. Ini sudah pastinya suatu pandangan yang sempit. Ketika seorang itu dilahirkan (ketika dia dibawa ke alam wujud oleh Tuhan), kehidupan abadinya pun bermula. Seperti keseluruhan saat kehidupan seseorang, kematian hanyalah satu ketika yang dirasakan oleh manusia, tetapi hakikatnya orang itu masih hidup. Semua saat-saat sebelum dan selepas mati dan setiap yang berhubung dengan kehidupan seseorang adalah terpelihara tanpa sebarang perubahan. Sebagai contoh, selepas kematian seseorang, manusia berkabung dan berkata, 'sungguh malang ia telah mati, dia masih muda lagi'. Tetapi, setiap peristiwa yang berkaitan dengan kehidupan seseorang,

kenangan masa kanak-kanak, kelahiran dan keluarganya tetap wujud. Semuanya itu tidak pudar ataupun musnah. Semua pengalaman-pengalamannya tetap terpelihara. Sebagai suatu hal yang perlu di dalam ujian di dunia ini, semua memori ini dipadamkan dari ingatan seseorang; akan tetapi, hal ini sama seperti ianya tidak lagi wujud (bagi manusia).

Di sisi Tuhan, kelahiran, kehidupan dan kematian seorang berlaku dan tamat secara serentak. Keadaan yang sama juga bagi semua manusia. Umat manusia hadir ke dunia dan mati pada ketika yang sama. Semuanya telah dibangkitkan dan telah dihantar ke syurga atau neraka. Oleh yang demikian, tiada seorang pun yang mati dan tiada seorang pun yang dilenyapkan; semua individu hidup dalam keabadian. Di dalam keabadian ini, manusia meluangkan hanya sebahagian kecil dari masanya di dunia ini, dan sewaktu masa ini di mana dia ditakdirkan untuk masuk -samada syurga atau neraka- telah pun diketahui. Di ketika inilah, setengah orang yang masih hidup di dunia ini sedang berada di syurga sementara setengahnya berada di neraka. Hal ini dijelaskan di dalam Al-Qur'an; dalam banyak ayat berhubung syurga dan neraka. Kehidupan di hari kemudian diterangkan seolah-olah berlaku sekarang dan yang telah berlalu, yang menarik perhatian seseorang kepada fakta bahawa semua kejadian ini sebenarnya berlaku pada suatu detik;

Sesungguhnya penghuni syurga pada hari itu bersenang lenang dalam kesibukan. Mereka dan isteri-isteri mereka berada dalam tempat yang teduh berbaring di atas singgahsana. (Surah Yasin;55-56)

Dan orang-orang yang bertakwa kepada Tuhan dibawa ke dalam syurga berkumpul hingga apabila mereka sampai ke syurga itu sedang pintu-pintunya telah terbuka dan berkatalah kepada mereka penjaga-jaganya: "kesejahteraan ke atasmu. Berbahagialah kamu! Maka masukilah syurga ini sedang kamu kekal di dalamnya. Dan mereka mengucapkan: ***"Segala***

pujian bagi Allah yang telah memenuhi janjinya kepada kami dan telah (memberikan) kepada kami tempat ini sedang kami menempati tempat dalam syurga di mana sahaja yang kami kehendaki: maka syurga itulah sebaik-baik balasan bagi orang-orang yang beramal. Dan kamu melihat malaikat-malaikat berlingkar di sekeliling 'Arasy bertasbih sambil memuji Tuhanmu dan diberi keputusan di antara hamba-hamba Allah dengan adil dan diucapkanlah "Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam". (Surah Az-Zumar; 73-75)

Dan orang-orang yang berdosa melihat neraka, maka mereka meyakini bahawa mereka akan dilontar ke dalamnya dan mereka tidak menemukan tempat berpaling daripadanya. (Surah Al-Kahfi; 53)

Dalam hidup manusia, satu lagi misteri yang masih kekal. Sementara berkabung terhadap kematian seseorang, manusia tidak memikirkan bahawa mereka, diri mereka sendiri sebenarnya telah pun mati dan bahkan telah dibangkitkan. Kelahiran dan kematian seseorang terjadi secara serentak. Bahkan hal yang remeh-temeh mengenai kehidupan semua manusia, kematian dan kebangkitan dan kehidupan abadi semuanya tersimpan di sisi Tuhan. Dalam perkataan lain, setiap sesuatu terjadi pada ketika ini. Kematian dan kebangkitan sebenarnya bukanlah peristiwa yang terjadi dalam selang masa yang jauh.

Manusia dilahirkan di dalam masa sifar. Hal yang sama, mereka mati ketika masa sifar, mereka dibangkitkan ketika masa sifar dan sebagai suatu kebenaran, kehidupan mereka hanya di rasakan di ketika ini. Seketika Tuhan menciptakan manusia, mereka menjadi suatu zat yang akan abadi. Dalam satu bentuk yang lain, dia telah memulakan kehidupan tanpa akhir, kekal hidup dalam keabadian. Pada masa yang sama, dia juga menyaksikan kematiannya sendiri sebagai suatu kejadian. Sama seperti dia melihat dirinya

sendiri sepanjang hidupnya, dia menyaksikan kematiannya, tetapi hanya di dalam satu ketika.

Sebuah contoh akan menjelaskan subjek ini. Dalam Al-Qur'an, Tuhan mengkhabarkan kepada kita bahawa tidur juga diciptakan sebagai suatu bentuk kematian. Dengan itu, setiap malam dia menyaksikan kematiannya apabila dia tidur dan menyaksikan kebangkitannya ketika dia bangun di pagi hari. Fakta ini dimanifestasikan di dalam ayat berikut;

Allah memegang jiwa ketika matinya dan jiwa yang belum mati diwaktu tidurnya. Maka Dia tahanlah jiwa yang telah Dia tetapkan kematiannya dan Dia melepaskan jiwa yang lain sampai waktu yang ditentukan. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir. (Surah Az-Zumar;42)

Oleh itu, manusia secara berterusan melihat kematian dan kebangkitannya sepanjang hidup. Hal yang sama, dia juga akan melihat kematian yang sebenarnya. Kesimpulannya, kelahiran, kematian dan kebangkitan begitu juga tempat abadinya, semua ini telah pun diketahui dan manusia akan kekal hidup di sisi Tuhan. Semua insiden ini berlaku dan telah tamat di sisi Tuhan. Ini adalah sebab mengapa, kematian, dalam suatu pengertian yang difahami secara lebih umum, bukanlah sebuah kemusnahan atau kelenyapan.

Dengan mempertimbangkan fakta ini, bersedih terhadap kematian seseorang dan merasa sedih ke atasnya adalah tindakan tidak rasional. Seorang pemuda, seorang kanak-kanak atau seorang yang sihat yang mati bukanlah musnah; semuanya wujud dalam keadaan seadanya. Di sisi Tuhan, semuanya adalah hidup. Ini adalah satu penerangan yang jelas keagungan Tuhan, yang juga dinyatakan di dalam Al-Qur'an.

Allah tidak ada Tuhan melainkan Dia yang hidup kekal lagi terus menerus mengurus (makhluknya), tidak mengantuk dan tidak tidur, kepunyaanNya apa yang di langit dan di bumi. Siapakah yang dapat memberi syafaat di sisi Allah tanpa izinNya?. Allah mengetahui apa-apa yang di hadapan mereka dan di belakang mereka. Sedang mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki. Kursi Allah meliputi langit dan bumi. Dan Allah tiada merasa berat memelihara keduanya dan Allah maha tinggi lagi maha besar. (Surah Al

Baqarah; 255)

Kehidupan Seekor Binatang Juga Adalah Suatu Detik

Sejak kehidupan wujud di muka bumi, fasa-fasa yang dilalui oleh seekor binatang telah pun tersimpan di sisi Tuhan. Sebagai contoh, kelahiran, kematian seekor burung penguin yang hidup di kutub selatan dan yang telah mati 250 tahun lalu tetap wujud di dalam pandangan Tuhan dan akan terus hidup selamanya, kenyataan yang sama, semua insiden ini berlaku di ketika ini.



Every moment of a pet an animal lover possessed in his childhood remains in the Sight of Allah. The moment he played with it, the moment he caressed it, the moment it died in an accident, in brief, each moment whether he remembers it or not.

Hal ini juga benar untuk binatang yang tidak pernah kita saksikan. Seekor unta, yang hidup dan mati 700 tahun lalu, seekor buaya di Amazon tahun 5 Sebelum Masihi, seekor ular yang memecahkan cengkerang telurnya di tahun 2200, atau seekor kangaroo yang ada di Australia hari ini. Suatu yang jelas, semua peristiwa dan kejadian yang berhubungan binatang-binatang yang disebut di atas, begitu juga binatang lain sepanjang masa, berlaku secara serentak, iaitu, di saat ini. Setiap ketika yang dilalui oleh unta itu, termasuk saat ianya dilahirkan, saat ia membawa bebanan di padang pasir dan saat unta itu meminum air semuanya kekal di sisi Tuhan. Ketika ini, unta yang menjadi persoalan ini, bagaimanapun, sedang meminum air, dan masih lagi membawa bebanan....semua unta-unta yang pernah hidup di dunia dan setiap saat kehidupan mereka di dunia ini masih wujud.

Hal ini mungkin kelihatan jauh dari kemampuan pemahaman akal manusia, apabila seseorang memikirkan bahawa di sana beribu-ribu juta binatang yang hidup di muka bumi ini. Akan tetapi rahsia kebesaran Tuhan tersembunyi di sini. Tuhan, al-'Aliim, maha mengetahui. Tuhan sudah tentu mengetahui tiap-tiap makhluk, sama ianya hidup, bukan hidup atau mati. Fakta penting ini diterangkan di dalam sepotong ayat;

Sesungguhnya Allah telah menentukan jumlah mereka dan menghitung mereka dengan bilangan yang teliti. (Surah

Maryam;94)

Kematian seekor binatang tidak banyak berbeza dengan kematian manusia. Seperti kes manusia, saat kehidupan seekor binatang tidak musnah selepas kematiannya. Kematian mengejut binatang kesayangan seseorang- sebagai contoh, seekor burung- yang menyedihkannya. Burung itu, sebenarnya tidak mati, ianya terpelihara di dalam pandangan Tuhan dalam keadaan yang baik.

Di waktu burung ini bersama-sama telurnya, di saat dia menghinggap sebuah rumah seseorang dan di saat dia belajar terbang sebagai seekor anak burung semuanya kekal di sisi Tuhan. Contoh lain, di sisi pandangan Tuhan, seluruh saat yang telah berlalu bagi seekor anjing yang telah mati dan saat dia mati adalah jelas diketahui. Seluruh peristiwa yang berhubung dengan kehidupan masa lalu anjing itu; ketika ia masih lagi seekor anak anjing, ketika ia menyalak, berjalan, meminum air dan semua pengalaman yang dilaluinya yang tidak diketahui oleh tuannya kekal di sisi Tuhan.

Hal yang sama juga kepada semua binatang. Kelahiran dan kematian anjing yang disebutkan di dalam surah al-Kahfi, dan ketika ia berada di hadapan gua itu tetap dalam penglihatan Tuhan. Hal yang sama, unta yang dibawa oleh Nabi Salih a.s, dan saat kaumnya membunuh unta itu, sekalipun jelas dilarang oleh Tuhan, semuanya berada di sisi Tuhan.

Satu contoh lagi, di saat seekor binatang jahat yang dibunuh dengan cara dipijak juga terpelihara di sisi Tuhan. Kematian binatang itu hanya berlaku dalam suatu ketika dan seperti makhluk yang lain, ianya hanya sebuah imej dan setiap imej mengenainya terpelihara di sisi Tuhan. Kenyataan bahawa kita tidak melihat sebarang kaitan dengan binatang itu selepas kematiannya tidaklah bermakna ianya telah lenyap. Seekor serangga yang mati juga berlaku di dalam suatu ketika. Seperti makhluk kehidupan yang lain, ianya adalah sebuah persepsi bagi kita dan setiap imej berkaitan dengan kehidupannya kekal tanpa perubahan. Kenyataan bahawa kita tidak melihat apa yang berhubung dengannya tidaklah bererti ianya telah musnah. Ia hanya sekadar lenyap dari memori kita. Di sisi pandangan Tuhan, sekiranya imej itu dimiliki oleh serangga itu dianimasikan semula, dan diperlihatkan kepada lima pancaindera kita, kita pasti akan melihatnya semula.



The butterflies and flowers, in short, all the details you see in a garden which you pass by are preserved in the Sight of Allah.

Kenyataan yang sama juga bagi seekor rama-rama yang berwarna-warni yang dilihat oleh seorang lelaki sewaktu Revolusi Perancis. Suatu yang amat mungkin bahawa lelaki itu berasa sedih apabila melihat rama-rama yang cantik itu dikunyah oleh seekor burung, bagaimanapun, rama-rama itu, dengan kecantikan simetrik dan warnanya, adalah berada di dalam pandangan Tuhan di saat ini. Setiap saat rama-rama ini membuka sayapnya, setiap saat ia menutupnya, setiap bunga yang dihinggapnya telah pun diketahui di sisi Tuhan. Bahkan, rama-rama ini melakukan semua yang disebutkan tadi adalah ketika ini. Ketika inilah, rama-rama itu terbang, makan dan mati.....kesimpulannya, rama-rama ini hidup dan kekal hidup selama-lamanya. Perasaan lelaki yang berasa sedih kerana kematian rama-rama ini, dan bahkan, setiap dan seluruh saat kehidupan lelaki ini juga kekal selamanya.....

Hal ini dijelaskan di dalam ayat berikut.

***Tiada suatupun yang ghaib di langit dan di bumi,
melainkan (terdapat) dalam kitab yang nyata.*** (Surah An-Naml;75)

Huraian ini memberikan jawapan yang jelas kepada pertanyaan yang kerap dipersoalkan seperti, 'adakah binatang mempunyai roh?' Atau 'apakah saat akhir bagi bintang?'. Semua makhluk hidupan ini berada di dalam memori Tuhan dan hal ini adalah hal yang mustahak. Selama mana pengetahuan mengenai binatang di rakamkan di sisi Tuhan (ingat bahawa di saat ia diciptakan, ia telah ditakdirkan untuk kekal selama-lamanya), ianya akan hidup. Akan tetapi, apa yang dimaksudkan dengan 'hidup' di sini ialah ciptaan Tuhan baginya dalam bentuk sensasi. Dalam pengertian ini, tiada suatu makhluk hidupan yang mempunyai kesamaan dengan sifat Tuhan; al-Hayy (maha hidup). Sifat ini bermaksud, hal yang paling penting bukanlah bintang mempunyai roh atau tidak, tetapi samada ia diciptakan di dalam pandangan Tuhan atau tidak. Sekiranya Tuhan menghendaki, makhluk hidup ini akan berada di dalam memori kita... sekiranya tidak, ia tidak akan wujud. Sekiranya Tuhan menarik balik imej seekor binatang dari memori seseorang, ini bererti bahawa ia telah mati. Sekiranya Dia mengembalikannya ke dalam memori, ini bererti ianya hidup. Ianya mesti disimpan di dalam minda bahawa binatang ini kekal di dalam memori Tuhan selamanya, kerana Tuhan tidak terikat oleh konsep masa. Dalam masa-sifar, ianya tidak mungkin untuk bercakap mengenai masa lalu, sekarang dan masa depan, semuanya adalah suatu ketika.

Bunga Tidak Pernah Pudar, Buahhan Tidak Pernah Lenyap...

Tuhan ialah yang menyimpan pengetahuan mengenai setiap sesuatu. Seperti yang dinyatakan di dalam ayat di atas, semenjak penciptaan alam semesta, semua dedaun, dan peringkat berbeza yang dilaluinya sewaktu jangka hayatnya, diketahui oleh Tuhan. Sebagai contoh, pengetahuan mengenai sephohon pokok, tersimpan di dalam pandangan Tuhan. Bahkan, semua peringkat yang berkaitan dengan daun ini sejak dari gugurnya secara individu

tersimpan di sisi Tuhan. Bersandar di sebatang pokok di Babylon, seorang lelaki yang memerhatikan dedaun yang gugur, juga masih kekal di sana. Tiada sesaat pun masa yang diluahkan memerhatikan guguran dedaun itu lenyap atau pudar berlalu.



The consecutive changes occurring in a flower, though seemingly taking place at distinct times, are actually taking place simultaneously. After a while, the different images in the memory of a person who sees this flower disappear. Yet, every moment remains in the eternal memory of Allah.



The concept of time is valid only for man. The memory of Allah is above all times. Throughout history, all violets, which existed, are actually blossoming right now, just as they are fading now. The same is also true for the violets you grow in your flowerpot.

Biasanya, daun yang gugur dari pokok itu akan dianggap sebagai peristiwa yang tidak penting. Akan tetapi, dedaun yang pernah gugur sepanjang masa berlalu adalah tersimpan di sisi Tuhan.

Dalam sepotong ayat, hal ini dinyatakan seperti berikut;

Dan pada sisi Allah kunci-kunci semua yang ghaib, tiada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri, dan Dia mengetahui apa yang di daratan dan di lautan, dan tiada sehelai daun pun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya, dan tiada jatuh sebutir biji benih dalam kegelapan bumi dan tidak sesuatu yang basah atau kering, melainkan tertulis dalam kitab yang nyata. (Surah al-An'aam;59)

Satu-satunya hal bagi orang yang benar memahami fakta ini ialah tunduk patuh kepada Penciptanya.



Every stage of the formation of raindrops is within the knowledge of Allah. Allah is Well-versed in every kind of Creation.


Seperti yang dinyatakan dalam ayat, Dia mentadbir urusan dari langit ke bumi. surah Sajadah.5, semua binatang, tumbuhan, manusia, ringkasnya semua makhluk hidupan dan peristiwa yang diciptakan oleh Tuhan dan segala yang berkaitan dengannya kekal tersimpan di pandangan Tuhan.

Begitu juga halnya bagi debunga. Bertentangan dengan anggapan manusia umumnya, sekuntum bunga tidak hilang apabila ia layu; ia bahkan terus wujud di sisi Tuhan. Seperti yang dijelaskan di dalam ayat, Dia maha mengetahui tentang segala makhluk. Surah Yasin 79, semua fasa kehidupan bunga itu; ketika berkembang, menguntum bersama dengan ketika ia layu, masih wujud. Bahkan, seperti yang dinyatakan, perubahan berterusan yang dialami oleh bunga itu, sekalipun kelihatan terpisah-pisah, sebenarnya adalah fasa-fasa yang berlaku secara serentak. Di sisi Tuhan, semua kaitan yang berhubung dengan bunga ini terjaga dan Tuhan menjadikan hal ini dapat diketahui kepada siapa yang Dia kehendaki. Di dalam pandangan orang yang melihat bunga itu, semua imej-imej yang berkaitan dengannya adalah layu. Tetapi, setiap imej itu kekal wujud di sisi Tuhan.

Tuhan, al-Muhsi (penghitung), yang mengetahui bilangan segala semuanya sekalipun yang tidak dapat dihitung, mengetahui bilangan setiap daun yang gugur. Bahkan, semua tumbuhan, dedaun dan bebunga, setiap saat sejak bertunas hingga layu, tumbesaran, layu dan gugur, begitu juga titisan hujan yang menitis ke atasnya berada di dalam pengetahuan Tuhan. Semua ini, beserta dengan saat-saat makhluk hidupan lain, diciptakan di dalam suatu ketika dan dalam suatu ruang (plane). Secara keseluruhannya, semuanya itu wujud ketika ini. Kesimpulannya, apabila sehelai daun layu dan gugur, ini tidaklah bermakna ianya telah hapus; ia hanya terpadam dari pandangan (memori) kita. Bagaimanapun, ianya masih lagi hidup di pandangan orang lain. Sekiranya Tuhan menunjukkan imej ini kepada penglihatan orang lain, ia akan terus melihat daun ini.

Begitu juga halnya bagi sekuntum bunga yang sedang kembang di pasu bunga kamu. Ketika bunga ini berkembang, ketika ianya mulai pudar dan gugur ke tanah semuanya adalah di dalam pandangan Tuhan. Dalam perkataan lain, bunga itu masih berkembang di saat ini. Dan bunga itu juga masih pudar di saat ini. Di sana tidak ada ruang masa di antara kembang dan layu. Konsep masa hanya wujud bagi kita; memori Tuhan adalah lebih tinggi dari konsep masa yang ada. Dengan mengingat fakta ini, seseorang akan sedar bahawa semua bebunga, yang pernah tumbuh di dunia ini, sedang mengembang secara serentak, sama seperti ianya sedang layu pada masa yang sama. Semua saat-saat masa hidup sekuntum bunga kecil di hutan Afrika yang hidup 1500 tahun lalu juga telah dicatatkan di dalam 'Lauhun Mahfuz'. Hal yang sama, 14 abad lalu, pokok di mana orang yang beriman memberikan sumpah taat setia (perjanjian Aqabah) kepada Nabi Muhammad, penghasilan biji benih dari pokok ini, pembesaran tunasnya, sama seperti pokok ini ketika mengering, semuanya berlaku pada ketika ini. Saat-saat rumput lalang yang tumbuh di mana-mana gunung di seluruh dunia, seponon kaktus di padang pasir, semak yang tumbuh di kawasan terpencil di dunia, titisan salji di kawasan tundra atau bunga daisi yang tumbuh berhampiran

sebatang jalan raya adalah tersimpan rapi di sisi Tuhan. Sudah pasti, tiada seorang di dunia ini yang menyedari tumbuhan-tumbuhan ini dan sejak dari sekarang, tiada seorang yang mengetahui mereka. Akan tetapi semuanya itu tetap diketahui oleh Tuhan;



All details, such as what will happen as these trees are cut down, who will cut them down, in the construction of which house they will be used, are determined beforehand in the Sight of Allah.

Tiada yang tersembunyi dari padaNya seberat zarah yang ada di langit dan di bumi dan tidak ada pula yang lebih kecil dari itu dan yang lebih besar, melainkan tersebut dalam kitab yang jelas (lauhun Mahfuz). (Surah Saba; 3)

KepadaNya dikembalikan pengetahuan tentang hari kiamat. Dan tidak ada buah-buahan keluar dari kelopaknya dan tidak seorang perempuan pun yang mengandung dan tidak melahirkan melainkan dengan pengetahuanNya. (Surah Fussilat; 47)

Dalam ayat lain, fakta yang sama dijelaskan sebagai berikut;

Dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi dan apa yang keluar dari padanya, apa yang turun dari langit dan apa yang naik kepadanya dan Dialah yang maha penyayang lagi maha pengampun. (Surah Saba; 2)

Untuk mendapat pemahaman yang baik tentang keterangan ini, seseorang boleh memikirkan mengenai buah-buahan. Rasa, bau, warna dan keranuman sebiji pisang yang tumbuh di Afrika tersimpan di pandangan Tuhan. Bahkan sebelum biji benih pisang ini di tanam di tanah, di saat pisang ini di petik dari pohonnya, di saat orang yang memetikinya dan ketika ia di makan semuanya telah diketahui oleh Tuhan. Allah menerangkan kepada kita mengenai hal ini di dalam ayat berikut.

Dan tidak ada suatu binatang melata pun di bumi melainkan Allah lah yang memberi rezekinya, dan Dia mengetahui tempat berdiam binatang itu dan tempat penyimpanannya. Semuanya tertulis dalam kitab yang nyata (Lauhun Mahfuz). (Surah Hud; 6)



Every second of the life span of a single orange is preserved in the memory of Allah for all eternity.

It is He Who sends down water from the sky from which We bring forth growth of every kind, and from that We bring forth the green shoots and from them We bring forth close-packed seeds, and from the spathes of the date palm date clusters hanging down, and gardens of grapes and olives and pomegranates, both similar and dissimilar. Look at their fruits as they bear fruit and ripen. There are Signs in that for people who believe. (Surat al-An'am: 99)

Setiap peristiwa yang dilalui oleh pisang ini bermula dari saat ia dipetik sehingga ia dimakan, tersimpan di sisi Tuhan. Ia mungkin kelihatan satu jangka masa yang panjang di antara saat bunga pisang itu tumbuh di

dahannya sehingga saat ketika ia di makan. Dalam perkataan lain, seseorang akan menganggap bahwa pisang itu hanya wujud untuk suatu masa yang tertentu. Buah ini menjadi masak, kemudian dipetik dari dahannya. Kemudian ia akan melalui beberapa peringkat seperti pembungkusan, pengangkutan, penyimpanan, pengedaran penghantaran dan kemudian dibeli. Sudah pasti orang yang membeli pisang ini dalam sebuah keluarga yang akan memakannya atau seorang tetamu yang mengunjungi keluarga ini. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, turutan peristiwa yang dirasakan oleh manusia seolah-olah diselangi dengan masa dan ruang. Dalam pandangan Tuhan, bagaimanapun, keseluruhan hidup pisang ini berlaku dalam suatu ketika cuma. Pisang itu tumbuh di saat ini dan juga di makan di saat ini. Begitu juga, pisang itu dipetik dari dahannya dan dimuatkan di sebuah lori berlaku di saat ini.

Untuk mengulanginya, seluruh hidup pisang itu, atau kehidupan kamu, sama seperti kehidupan Julius Caesar, Iskandar Agung atau Edison, adalah 'dihidupkan' pada ketika yang sama. Pengetahuan mengenai buah-buahan yang ada, tumbuhan, manusia dan binatang, yang pernah hidup sepanjang masa ini sebenarnya berada di dalam pandangan Tuhan. Kenyataan ini sudah pasti akan dapat difahami bagi orang yang menghayati sedalam-dalamnya dan dengan penuh keikhlasan.

Satu lagi hal yang penting ialah bahawa tiada suatu pun dari buah-buahan ini yang reput, lenyap atau punah. Bayangkan sebiji oren yang tumbuh di sebuah negara Mediteranean 50 tahun lalu. Keadaan-keadaan yang berkaitan dengan oren ini telah ditakdirkan; seperti masa ia akan tumbuh dan di pohon mana, samada ia akan masam atau manis, bentuknya, warnanya, tempat di mana ia disimpan, lori yang memungghahnya, mini market di mana ia di jual, pelanggan yang membelinya... . kemungkinan ia akan mula dilupakan apabila dibuang di bakul sampah. Dalam kes ini, ketika buah ini melalui proses berkulat, saat ketika ia ditemui oleh seseorang dan ketika ia dibuang ke dalam tong sampah semuanya telah ditakdirkan. Seperti yang telah kita lihat, setiap saat

kehidupan biji oren itu, detik pertama ia tumbuh, masak ranum atau reput wujud di dalam pandangan Tuhan selama-lamanya. Oleh hal demikian, buah oren itu tidak musnah di sisi Tuhan. Ini adalah kerana, Tuhan Al-Hayy. Dalam perkataan lain, Dia adalah Maha Hidup. Setiap sesuatu di dalam MemoriNya hidup apabila hanya dengan berkata "Jadilah".

Dan dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan, maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau, Kami keluarkan dari tanaman yang menghijau itu butir yang banyak, dan dari mayang kurma mengurai tangkai-tangkai yang berdekatan dan lagi (Kami tumbuhkan) kebun-kebun dari pokok-pokok anggur, zaitun dan delima, yang serupa dan tiada yang serupa. Kamu perhatikanlah buahnya, bila ia berbuah dan buahnya yang telah masak. Sesungguhnya yang demikian itu menjadi tanda-tanda bagi kaum yang mau beriman. Surah Al-An'aam;99

Tiada Setitis Air Yang Lenyap



Waters all over the universe are also running at a single moment.
Even a drop of water does not disappear; it is preserved in the Sight
of Allah for all eternity.

Apa yang telah diterangkan sejauh ini juga adalah benar bagi air yang mengalir. Setiap titisan air sungai, mata air, pancutan, telaga artes atau air terjun tersimpan di dalam penglihatan Tuhan. Tiada setitis yang lenyap dan

terbuang. Ia berterusan wujud selama-lamanya seperti juga keadaan makhluk hidupan, setiap saat dan keadaan berkaitan dengannya terselindung di memori Tuhan. Semua air yang pernah mengalir sejak permulaan alam semesta, yang sedang mengalir sekarang sama seperti yang akan mengalir di masa depan sebenarnya mengalir di saat ini. Ini bermaksud, semuanya mengalir benar-benar di saat ini. Di sana adalah masa yang abadi dan semua kejadian berlaku di dalam suatu ketika.

Air yang mengalir 300 tahun lalu di Mississippi, dan air yang mengalir 500 tahun lalu di Rhine begitu juga yang mengalir yang akan mengalir 200 tahun akan datang di sungai Euphrates sebenarnya mengalir secara serentak di dalam suatu ketika. Semuanya mengalir ketika ini. Tiada setitis pun yang lenyap; ianya terus mengalir selama-lamanya di pandangan Tuhan.


Menjelajah Ke Masa Permulaan Juga Mungkin

Kenyataan bahawa segalanya tersimpan di memori Tuhan membawa kita kepada satu lagi misteri yang penting; Dengan kehendak Tuhan, kembali semula ke saat permulaan suatu peristiwa juga adalah mungkin. Disebabkan terbelenggu oleh masa, kejadian seperti ini kelihatan mustahil bagi manusia. Tetapi, di dalam pandangan Tuhan, masa tidak wujud. Seperti yang dinyatakan awal lagi, masa lalu dan masa sekarang adalah berada di dalam suatu ketika; sama seperti kaset video yang mengandungi semua peristiwa saat-demi saat. Selepas melihat sebuah filem, ianya mungkin untuk mengundurkan dan melihat ia semula. Hal yang sama, situasi ini juga benar bagi peristiwa sehari-hari; dengan kehendak Tuhan, ianya mungkin untuk melihat peristiwa masa lalu sekali lagi. Ianya sudah pasti mudah bagi Tuhan untuk mencipta semula kejadian masa lalu.

Sebuah contoh yang akan membantu kepada pemahaman yang lebih baik mengenai fakta ini; taman-taman Saba' yang telah bertukar menjadi "**taman**

yang mengandung pohon yang pahit, pohon Atsl dan sedikit dari pohon berduri (Sidr)" . Surah Saba;16. seperti yang dinyatakan di dalam Al-Qur'an, masih lagi wujud di pandangan Tuhan. Keadaan taman itu sebelum dan selepas kemusnahan kekal di memori Tuhan. Beribu-ribu tahun lalu, di sebuah tempat terpencil di dunia, transformasi sebuah taman indah ke ladang gandum tetap tersimpan di sisi Tuhan. Sebuah rumah yang dibina di ladang gandum ini selepas beribu-ribu tahun, demikian juga apabila rumah ini roboh dan ditapak yang sama dibina sebuah 'workshop', semuanya hadir dipandangan Tuhan. Akhirnya, keadaan yang ada hari ini di atas ladang gandum ini, yang merupakan kawasan yang diduduki oleh penduduk bandar, juga kekal wujud dipandangan Tuhan. Semua peringkat perubahan-perubahan di antara keadaan ini yang berada di kawasan yang sama juga tersimpan kemas di pandangan Tuhan selama-lamanya. Dengan kehendak Tuhan, adalah mungkin sekali untuk kembali dan melihat pemandangan pertama taman ini.

Sudah pasti, semua makhluk dan insiden yang pernah wujud sejak dari permulaan alam semesta tersimpan di sisi Tuhan. Tiada suatu pun dari saat-saat ini hilang. Ini adalah fenomena yang amat menakjubkan. Kenyataan ini adalah satu rahmat bagi orang yang beriman di syurga, ketika mereka ingin untuk melihat kehidupan mereka masa lalu atau peristiwa tertentu dalam sejarah. Dengan kehendak Allah jua, orang beriman mempunyai peluang untuk melihat semua kejadian ini.



The states in which these areas were 1000 years ago or 500 years ago together with the foundations, which will be built on in the future, actually exist at a single moment.

Sebagai contoh, seseorang boleh meminta untuk melihat proses Big Bang, saat pertama penciptaan alam semesta, pembentukan pertama galaksi-galaksi, peringkat awal atom tunggal pertama, fasa-fasa yang dilalui oleh seseorang dalam kandungan ibu, perang yang berlaku di zaman purba, kehidupan makhluk hidupan di dasar lautan, saat kapal Titanik karam, masa kanak-kanak seorang ibu. Semua kejadian ini, beserta dengan semua kaitan mengenainya adalah wujud di pandangan Tuhan. Dalam pengertian ini, dengan kehendak Tuhan, manusia berpeluang untuk melihat apa saja yang diinginkannya, yang pastinya mejadi satu rahmat yang besar baginya.

Tanggungjawab Kenyataan Ini Terhadap Manusia

Subjek yang telah diterangkan sejauh ini pastinya suatu tajuk yang penting dan mengejutkan. Aspek yang sangat penting kepada kita adalah berikut; setiap saat kita hidup, setiap kelakuan yang kita lakukan, setiap perkataan yang kita ucapkan atau setiap corak pemikiran yang kita amalkan tersimpan di dalam pandangan Tuhan. Kenyataan bahawa hal ini disedari oleh orang beriman dimanifestasikan di dalam kata-kata Nabi Isa, dalam ayat berikut;

Dan ketika Allah berfirman: ***"Hai Isa putera Maryam, adakah kamu mengatakan kepada manusia: "jadikanlah aku dan ibuku dua orang tuhan selain Allah?". Isa menjawab: "Maha Suci Engkau, tidaklah patut bagiku mengatakan apa yang bukan hakku (mengatakannya). Jika aku pernah mengatakannya tentu Engkau telah mengetahuinya. Engkau mengetahui apa yang ada pada diriku dan aku tidak mengetahui apa yang ada pada diri Engkau. Sesungguhnya Engkau maha mengetahui perkara yang ghaib"***. (Surah Al-Maidah;116.)

Di sana terdapat satu lagi aspek fakta ini; sebarang sikap, yang tidak disukai Tuhan, atau sebarang kelakuan, yang keluar dari batas larangan Tuhan, semuanya tersimpan di dalam memori Tuhan. Setiap orang yang cuba menafikan sebarang kelakuan buruk akan gagal, kerana di sana dia pasti akan melihat gambaran semua kelakuan ini. Tiada suatu pun yang lenyap, sebarang kesilapan juga akan disimpan. Oleh hal yang demikian, orang-orang yang gagal untuk melihat kekuasaan Tuhan atau terlibat dalam kelakuan yang tidak membangkitkan kebencian manusia -dengan menganggap bahawa tiada orang yang melihat atau mendengarnya- akan berasa amat terperanjat. Mereka pasti akan menyaksikan secara individu bahawa Tuhan melihat segalanya;

Dan Dialah Allah, di langit dan di bumi. Dia mengetahui apa yang kamu rahsiakan dan apa yang kamu lahirkan dan mengetahui apa yang kamu usahakan. (Surah Al-An'aam; 3)

Akan tetapi, di hari pengadilan kelak, di hari di mana setiap orang akan melihat amalannya, tiada siapa yang akan memiliki peluang untuk menyelamatkan dirinya sendiri, kerana seperti mana yang dinyatakan di dalam Al-Qur'an, di hari itu Tuhan akan meliputi mereka semuanya;

Dan jelaslah bagi mereka azab dari Allah yang belum pernah mereka perkirakan. Dan bagi mereka akibat buruk dari apa yang telah mereka perbuat dan mereka diliputi oleh pembalasan yang mereka dahulu selalu memperolokkannya. (Surah Az-Zumar;47-48)

Hari pengadilan pastinya akan menjadi hari di mana orang yang engkar akan menemui suatu yang mereka tidak pernah jangkakan. Tuhan pastinya akan melihatkan semua keburukan yang cuba disembunyikan oleh orang yang kufur. Seperti yang dinyatakan di dalam ayat, apa yang menjadi bahan mainan orang kufur sepanjang hidup mereka, ketika ini akan meliputi mereka. Keimanan orang mukmin kepada Tuhan dan pada Hari Kemudian yang selalu dijadikan sebagai isu permainan oleh golongan kufur sepanjang hidup mereka. Mereka sering menafsirkan kebenaran ini sebagai kekeliruan. Bagi mereka adalah kekecewaan, bagaimanapun, kebenaran ini akan menyelubungi mereka semua dengan cara yang tidak dijangka, disebabkan diri mereka sendiri yang tertipu. Semua keburukan yang mereka lakukan kekal di dalam pandangan Tuhan dan di hari pengadilan kelak, mereka akan menghadapinya secara berhadapan. Setiap kali mereka cuba menafikannya, gambar yang berhubung dengan kesalahan mereka akan ditunjukkan kepada mereka. Ketika inilah mereka akan menyedari bahawa pengetahuan Tuhan melingkungi mereka. Tuhan menerangkan keadaan orang kufur ini sebagai berikut;

Allah akan membalas olok-olokkan mereka dan membiarkan mereka terumbang-ambing dalam kesesatan mereka. (Surah Al-Baqarah;15)

Tanpa sebarang pengecualian, kekasaran yang dikenakan oleh orang kufur terhadap Nabi Muhammad dahulu, kejahatan yang dilakukan oleh golongan seperti ini di zaman Nabi Nuh dan Ibrahim semuanya tersimpan di sisi Tuhan. Saat Nabi Yusuf dilontar ke dalam perigi oleh saudaranya atau bangsa Israel yang mengkhianati Nabi Musa kesemuanya tanpa sebarang pengecualian wujud di pandangan Tuhan. Setiap sesuatu, yang sudah tentu tidak pernah disaksikan oleh seseorang sebelum ini, terpelihara dalam bentuknya yang asli. Hal ini dinyatakan di dalam ayat berikut;

Mereka bersembunyi dari manusia, tetapi mereka tidak bersembunyi dari Allah, padahal Allah beserta mereka, ketika pada suatu malam mereka menetapkan rahsia yang Allah tidak redhai. Dan adalah Allah maha meliputi (ilmuNya) terhadap apa yang mereka kerjakan. (Surah An-Nisa;108)

Hal yang sama juga benar bagi orang yang kufur yang hidup ketika ini. Mereka yakin bahawa konspirasi yang mereka aturkan terhadap orang mukmin atau kegiatan keagamaan mereka tersembunyi dan tidak akan menemuinya di hari kemudian. Bahkan, sekecil mana perbuatan keji mereka sekalipun, dan semua fitnah yang mereka buat terhadap orang mukmin semuanya tersimpan di sisi Tuhan. Kenyataan bahawa peristiwa ini dikeluarkan dari memori mereka seharusnya tidak menipu mereka. Lanya suatu yang mungkin bahawa mereka sendiri telah melupakan fitnah yang mereka sebarkan terhadap orang mukmin beberapa tahun lalu. Akan tetapi, semua kejahatan ini tetap terpelihara di hadapan Tuhan. Dengan kehendak Allah semua kejadian ini boleh, pada bila-bila masa, muncul kembali di dalam memori mereka. Tetapi, lalai dari kebenaran ini dan 'kerana mereka adalah

orang yang tidak mengerti' (Surah Al-Maidah;58), orang yang kafir ini tidak dapat memahami kebesaran Tuhan. Dan di hari kemudian kelak, mereka akan melihat hakikat dan akan menanggung azab dan sengsara.

Balasan Nabi Syu'ayb kepada sikap seperti ini kepada pemimpin kaumnya menarik perhatian kita kepada hal yang sama- bahwa mereka adalah orang yang tidak memahami;

Mereka berkata: "Hai Syu'aib, kami tidak banyak mengerti tentang apa yang kamu katakan itu dan sesungguhnya kami melihat benar-benar kamu seorang yang lemah di antara kami: kalau tidaklah kerana keluargamu tentulah kami telah merejam kamu. Sedang kamupun bukanlah seorang yang berwibawa di sisi kami". Syu'aib menjawab: "Hai kaumku, apakah keluargaku lebih terhormat menurut pandanganmu daripada Allah, sedang Dia kamu jadikan sesuatu yang terbuang di belakangmu?. Sesungguhnya Tuhanku meliputi apa yang kamu kerjakan. (Surah Hud 91-92)



Apabila Tuhan menciptakan hari kemudian, Dia akan mudah menghitung orang yang kafir. Apabila seseorang benar-benar memahami kebenaran yang dipersembahkan di dalam buku ini -bahawa setiap ketika berkaitan dengan

setiap sesuatu diciptakan adalah terpelihara selama-lamanya- ia pasti akan tidak sukar untuk menggambarkan bahawa semua manusia akan diadili dengan segera, dalam suatu detik. Bahkan, ianya perlu bahawa seseorang tidak seharusnya memikirkan saat ini masih jauh, kerana saat ini sebenarnya adalah sekarang. Dalam perkataan lain, semua manusia sedang diberikan perhitungan kejahatan mereka yang dilakukan di dunia ketika ini. Orang kafir membayangkan bahawa apa yang mereka lakukan tidak akan dilihat atau didengar, atau pastinya akan dilupakan. Akan tetapi, di hari kemudian mereka akan berada dalam kekecewaan yang besar.

Kamu sekali-kali tidak dapat bersembunyi dari persaksian pendengaran, penglihatan dan kulitmu terhadapmu bahkan kamu mengira bahawa Allah tidak mengetahui kebanyakan dari apa yang kamu kerjakan. Dan yang demikian itu adalah prasangkamu dan yang telah kamu sangka terhadap Tuhanmu. Dia telah membinasakan kamu, maka jadilah mereka termasuk orang-orang yang diterima alasannya. (Surah Fussilat; 22-23)

Konklusi

Penjelasan sebelum ini telah memberikan suatu gambaran konsep yang lebih jelas mengenai kenyataan bahawa Tuhan melingkungi setiap sesuatu. Di dalam masa-sifar dan dalam sebuah dunia koleksi imej-imej, seluruh umat manusia diuji oleh Penciptanya. Ini meninggalkan manusia bersendirian bersama Tuhan. Ayat biarkanlah Aku bertindak terhadap orang yang Aku telah menciptakannya sendirian. Surah Al-Mudatsir; 11 adalah indikasi yang jelas mengenai kebenaran ini.

Sekali kandungan fakta dijelaskan di dalam buku ini, pembaca akan mudah memahami bahawa termasuk dirinya sendiri, manusia hidup dalam sebuah dunia yang mengandungi hanya sekadar sensasi-sensasi. Dalam alam semesta persepsi ini, satu-satunya yang wujud ialah Tuhan. Tiada Tuhan melainkan Dia. Semua benda yang begitu dirasa penting oleh manusia dan kerana itu pula meninggalkan agama mereka hanyalah suatu yang tidak sebarang makna;

Demikianlah, kerana sesungguhnya Allah. Dialah yang hak dan sesungguhnya apa saja yang mereka seru selain dari Allah itulah yang batil dan sesungguhnya Allah Dialah yang maha tinggi lagi maha besar. (Surah Luqman;30)

Dalam sebuah skrin 3-dimensi, berkualiti tinggi, seorang individu melihat sebuah filem yang diprojeksikan. Disebabkan dia sendiri termasuk di dalam skrin ini, dia tidak berjaya untuk memisahkan dirinya darinya, tetapi dia boleh memahami situasi yang dia berada di dalamnya. Dengan melupakan bahawa dia adalah berada disebabkan oleh Tuhan dan diuji oleh Dia, dia merasakan dirinya sebagai seorang yang bebas dan zat yang terpisah, terpisah dari Tuhan. Dengan itu, dia menganggap dirinya terlalu penting. Pengalaman dalam kehidupannya yang kelihatan sungguh nyata sehinggakan dia meyakini tubuh badan imajinasinya, kedudukan imajinasinya, keluarga imajinasinya,

sahabat imajinasinya yang dilihatnya di dalam skrin seolah-olah benar dan berasa bangga dengan semua itu. Akan tetapi, seperti yang dinyatakan dengan jelas di dalam ayat dan maha suci Tuhan yang mempunyai kerajaan langit dan bumi: dan apa yang ada di antara keduanya: dan di sisiNya ialah pengetahuan tentang hari kiamat dan kepadaNya kamu dikembalikan. Surah Zukhruf;85, satu-satunya yang memiliki semua ini adalah Tuhan. Sekiranya Tuhan mengeluarkan imej ini dari skrin, sekalipun seketika, orang yang melihatnya pasti akan menyedari bahawa dia sebenarnya keseorangan. Bahkan, dia akan merasa malu kerana berbangga dengan imej-imej yang dilihatnya di skrin, iaitu, mengenai kedudukan dan segalanya yang dilihatnya di dunia luar.

Seorang yang menghayati sedalamnya mengenai kebenaran ini akan mengakui kelemahannya di hadapan Tuhan. Dia akan memperolehi motivasi dan akan berusaha untuk hidup dengan rahmatNya selama-lamanya hanya sekiranya tunduk patuh kepada Penciptanya. Dan barulah dia kemudiannya mampu berharap untuk dilihatkan kepada gambaran-gambaran syurga selama-lamanya. Ini adalah kerana, sama seperti dunia ini yang dipenuhi dengan himpunan persepsi-persepsi, begitu juga syurga dan neraka. Semua imej berhubung dengan syurga dan neraka terpelihara di sisi Tuhan. Dan Tuhan membenarkan sesiapa yang dikehendakinya untuk mengalami gambaran ini.

Apa yang diperintahkan oleh Tuhan kepada hambanya adalah jelas; mengagungkan kebesaranNya dan hidup di dalam batas-batas perintahNya. Tetapi sesetengah orang, kerana sikap acuh tak acuh mereka, melupakan Pencipta dan menafikanNya. Di titik ini, satu dari fakta besar yang mengelirukan mereka ialah kesibukan manusia- yang mereka anggap benar wujud- mengelilingi mereka. Orang-orang ini mempamerkan sikap menentang kerana mereka percaya sahabat, kumpulan, setiap orang yang berkongsi mentaliti yang sama dengan mereka, wujud, dan kerana mereka lupa bahawa mereka semuanya adalah bersendirian. Bagi mereka adalah kekecewaan,

bagaimanapun, setiap seorang dari mereka bersendirian, tidak kira dengan berapa banyak orang sekalipun yang mengelilingi mereka. Di sana tidak ada penolong kecuali Tuhan.

... dan mereka tidak akan memperoleh bagi diri mereka pelindung dan penolong selain daripada Allah. (Surah An-Nisa;173)

Seperti yang dinyatakan di dalam ayat Dan tiap-tiap mereka akan datang kepada Allah pada hari kiamat dengan sendiri. surah Maryam;95 di Hari Pengadilan, mereka akan bersendirian di hadapan Tuhan. Orang-orang yang lalai kepada hari pengadilan dan hari kemudian bersendirian tanpa sahabat dan saudara mara di sisi mereka di hari itu . Dan sudah tentu syaitan yang mereka ikuti jejaknya, akan meninggalkan mereka.

Sesungguhnya dia telah menyesatkan aku dari Al-Qur'an jetika ia datang kepadaku dan syaitan itu sentiasa tidak akan membantu manusia yang telah disesatkannya. (Surah Furqan;29)

Dan sesungguhnya kamu datang kepada Kami sendiri-sendiri sebagaimana kamu Kami ciptakan pada mulanya, dan kamu tinggalkan di belakangmu (dunia) apa yang telah Kami kurniakan kepadamu, dan kami tidak melihat di sisimu pemberi syafaat yang kamu anggap bahawa mereka itu sekutu-sekutu Tuhan di antara kamu. Sungguh telah terputuslah antara kamu dan telah lenyap daripada kamu apa yang dahulu kamu anggap (sebagai sekutu Allah). (Surah Al-An'aam;94)

Bagi mereka yang mempunyai perasaan yang ikhlas, ianya pasti mudah untuk memahami fakta ini. Penerangan yang terdapat di dalam Al-Qur'an sangat jelas. Kenyataan ini tidak akan selamanya berubah, samada kamu berada di

dalam kesesakan manusia, dalam panggung wayang, ketika mesyuarat, di jalanraya yang sesak, atau di dalam lingkungan sahabat kamu. Kamu sebenarnya bersendirian. Keadaan orang yang tidak mampu memahami kenyataan ini disebabkan sikap prejudis mereka seperti yang diterangkan di dalam ayat berikut;

.....yang demikian itu kerana mereka adalah kamu yang tidak berfikir. Surah al-Hasyr;14

Orang yang menolak ke tepi sikap prejudis mereka dan menghayati kebenaran ini adalah orang yang beriman, golongan yang berfikir dan mengambil peduli;

Ataukah orang yang beribadat di waktu malam dengan sujud dan berdiri, sedang ia takut kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhannya?. Katakanlah: ***"Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?"***. ***Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran.*** (Surah Zumar;9)

Adakah orang-orang yang mengetahui apa yang telah ditunjukkan oleh Tuhan mu adalah kebenaran, seperti orang yang buta?. Sesungguhnya, hanya orang yang berakal sahaja yang mengambil peduli? (Surah Zumar;19)

Jadi, kamu juga pasti akan mentaati Tuhan dan mematuhiNya.

Dan mengelakkan dari menjadi, seperti yang dinyatakan di dalam ayat, 'orang yang buta'.

Mereka menjawab:

"Maha Suci Engkau, tidak ada yang kami ketahui selain daripada apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami; Sesungguhnya

Engkaulah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. "
(Surah al-Baqara: 32)